



S A R A W A K

PENYATA RASMI PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI

Sarawak State Legislative Assembly Official Reports and Debates

MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL KEEMPAT
First Meeting of the Fourth Session

19 – 28 MEI 2025

DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KESEMBILAN BELAS
Nineteenth Sarawak State Legislative Assembly

KHAMIS

22 MEI 2025

(24 ZULKAEDAH 1446H)

KUCHING

Peringatan untuk Ahli Dewan:

Pembetulan yang dicadangkan oleh Ahli Dewan hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak tidak lewat daripada **14 hari selepas persidangan.**

KANDUNGAN

1.0	BACAAN PERISYTIHARAN MESYUARAT.....	1
2.0	PEMASYHURAN DARIPADA TUAN SPEAKER.....	1
3.0	PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAPAN-JAWAPAN LISAN	
	(124) Pengagihan Gas di Sarawak.....	1
	(125) Menaik Taraf Status Mahkamah Bumiputera Sarawak.....	2
	(126) Tender Jalan Nanga Entaih/ Rumah Sang Rantau Chire.....	3
	(127) Problem of Teacher Shortages and Poor Facilities for Schools.....	4
	(128) Tanaman Getah di DUN Tebedu.....	5
	(129) Pusat Keusahawanan Belia.....	6
	(130) Barriers to Hydrogen Economy.....	8
	(131) Dasar Pengajian Tinggi Percuma.....	9
	(132) & (147) Tanah NCR di DUN Opar.....	11
4.0	USUL PEMILIHAN AHLI DEWAN NEGARA.....	13
5.0	RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN – BACAAN KALI YANG KEDUA	
	<u>Supplementary Supply (2024) Bill, 2025</u> Timbalan Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N. 37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas).....	16
6.0	USUL UNTUK MEMBAWA RESOLUSI ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN KEDUA 2024 KEPADA JAWATANKUASA PERBEKALAN.....	17
7.0	RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN – BACAAN KALI YANG KETIGA	
	<u>Supplementary Supply (2025) Bill, 2025</u> Timbalan Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N. 37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas).....	19
8.0	USUL UNTUK MELULUS RESOLUSI ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN KEDUA 2024.....	19
9.0	RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN – BACAAN KALI YANG KEDUA	
	<u>Supplementary Supply (2025) Bill, 2025</u> Timbalan Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N. 37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas).....	20
10.0	USUL UNTUK MEMBAWA RESOLUSI ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN PERTAMA 2025 KEPADA JAWATANKUASA PERBEKALAN.....	21

11.0	RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN – BACAAN KALI YANG KETIGA	
	<u>Supplementary Supply (2025) Bill, 2025</u>	
	Timbalan Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N. 37 Bukit Saban	
	(YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas).....	23
12.0	USUL UNTUK MELULUS RESOLUSI ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN PERTAMA 2025.....	23
13.0	SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL PENGHARGAAN ATAS UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK	
	<i>[Perbahasan oleh Ahli Dewan Biasa]</i>	
	(1) YB Encik Allan Siden Gramong – (DUN N.50 Machan).....	24
	(2) YB Encik Lidam anak Assan – (DUN N.62 Katibas).....	28
	(3) YB Dato Sri' Huang Tiong Sii – (DUN N.45 Repok).....	32
	(4) YB Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada – (DUN N.21 Tebedu).....	35
	(5) YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang – (DUN N.59 Tamin).....	40
	(6) YB Encik Royston bin Valentine – (DUN N. 57 Tellian).....	44
	(7) YB Encik Iskandar bin Turkee – (DUN N.67 Jepak).....	51
	(8) YB Encik Friday anak Belik – (DUN N. 39 Krian).....	58
	(9) YB Dato Sri Wong Soon Koh – (DUN N.53 Bawang Assan).....	63
	(10) YB Encik Anyi anak Jana – (DUN N.49 Ngemah).....	65
	(11) YB Encik Rolland Duat anak Jubin – (DUN N.48 Meluan).....	70
	(12) YB Encik Yap Yau Sin – (DUN N.12 Kota Sentosa).....	74
	(13) YB Dato Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman – (DUN N.6 Tupong).....	77
14.0	PENANGGUHAN MESYUARAT.....	81

SARAWAK
DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KESEMBILAN BELAS

Penyata Rasmi

MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL KEEMPAT

Khamis, 22 Mei 2025

Dewan bermesyuarat di Petra Jaya, Kuching pada pukul 9.09 pagi

HADIR

Bil.	Nama	Konstituensi
1.	Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Asfia bin Awang Nasar P.S.M., D.A., P.N.B.S., D.S.A.P., D.I.M.P., P.B.K., P.C.E. (Emas) <i>Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak</i>	
2.	Yang Berhormat Dato Haji Idris bin Haji Buang P.S.B.S., D.I.M.P., A.M.N., P.B.S., A.B.S., P.C.D., P.J.P.N., P.T.E. <i>Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak</i>	<i>N.16 Muara Tuang</i>
3.	Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg D.P., P.M.N., D.A., P.N.B.S., J.B.S., P.C.E., P.S.N.B., S.P.D.K. <i>Premier Sarawak</i> <i>Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru</i> <i>Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar</i> <i>Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar</i>	<i>N.26 Gedong</i>
4.	Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas D.A., P.N.B.S., P.G.B.K., P.C.E. <i>Timbalan Premier Sarawak</i> <i>Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua</i> <i>Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan</i>	<i>N.37 Bukit Saban</i>
5.	Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan D.A., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N. <i>Timbalan Premier Sarawak</i> <i>Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua</i> <i>Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan</i>	<i>N.82 Bukit Sari</i>
6.	Yang Berhormat Datuk Amar Dr Sim Kui Hian D.A., P.N.B.S., P.J.N., P.B.E. <i>Timbalan Premier Sarawak</i> <i>Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan</i>	<i>N.14 Batu Kawah</i>
7.	Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah P.N.B.S., P.G.B.K., P.C.E. <i>Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti</i>	<i>N.56 Dalat</i>
8.	Yang Berhormat Dato Sri Dr Stephen Rundi anak Utom P.N.B.S., P.J.N., A.B.S., P.B.E., P.C.E. <i>Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah</i>	<i>N.69 Kemena</i>

9. Yang Berhormat Dato Sri Haji Abdul Karim Rahman Hamzah
P.N.B.S., P.G.B.K., P.B.S., P.B.E.
Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan
Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan N.15 Asajaya
10. Yang Berhormat Dato Sri Lee Kim Shin
P.N.B.S., P.J.N., K.M.N., P.B.S., P.P.B., B.B.S., P.B.E.
Menteri Pengangkutan N.75 Senadin
11. Yang Berhormat Dato Sri John Sikie anak Tayai
P.N.B.S., P.J.N., P.B.S., P.B.E.
Menteri di Jabatan Premier N.60 Kakus
12. Yang Berhormat Dato Sri Haji Julaihi bin Haji Narawi
P.N.B.S., P.G.B.K., P.B.S., K.M.N., P.P.D., P.B.E.
Menteri Utiliti dan Telekomunikasi N.27 Sebuyau
13. Yang Berhormat Dato Sri Roland Sagah Wee Inn
P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.K., P.B.S., P.B.E.
Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat N.20 Tarat
14. Yang Berhormat Datuk Gerawat Gala
P.G.B.K., P.S.B.S., P.B.K.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Buruh, Imigresen dan Pemantauan Projek) N.78 Mulu
15. Yang Berhormat Datuk Francis Harden anak Hollis
P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., P.B.E.
Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pembangunan Bakat) N.32 Simanggang
16. Yang Berhormat Datuk Dr Jerip anak Susil
P.G.B.K., A.M.N., P.B.E.
Timbalan Menteri Pengangkutan (Penerbangan dan Jalan Raya) N.19 Mambong
17. Yang Berhormat Datuk Liwan Lagang
P.J.N., P.P.N., K.M.N., J.B.S., P.B.E.
Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Telekomunikasi) N.65 Belaga
18. Yang Berhormat Datuk Hajah Rosey binti Haji Yunus
P.G.B.K., J.B.K., P.P.B., P.P.S., P.T.E., P.B.E.
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak) N.71 Bekenu
19. Yang Berhormat Datuk Haji Len Talif Salleh
P.G.B.K., D.J.B.S., P.B.K., P.P.B.
Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar N.41 Kuala Rajang
20. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi
P.G.B.K., J.B.S., A.B.S., P.B.E.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Penyelaras Projek untuk Agensi Pembangunan Wilayah, Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Hal Ehwal Islam) N.4 Pantai Damai

21. Yang Berhormat Datuk Hajah Sharifah Hasidah binti Sayeed Aman Ghazali
P.G.B.K., P.T.E., J.B.S.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan) N.7 Samariang

22. Yang Berhormat Datuk Dr Malcolm Mussen anak Lamoh
P.G.B.K., P.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan N.34 Batang Ai

23. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Ismail
P.G.B.K., A.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi & Pembangunan Wilayah (Industri Makanan) N.79 Bukit Kota

24. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Annuar bin Rapa'ee
P.G.B.K., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pengajian Tinggi dan Inovasi) N.55 Nangka

25. Yang Berhormat Datuk Dr Penguang Manggil
P.G.B.K., D.J.B.S., K.M.N., P.P.C., P.P.B., P.P.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kerajaan Tempatan) N.76 Marudi

26. Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Haji Saidol
P.G.B.K., K.M.N., J.B.K., P.T.E.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Hal Ehwal Korporat dan Unit Komunikasi Awam Sarawak) N.42 Semop

27. Yang Berhormat Datuk Sebastian Ting Chiew Yew
P.J.N., D.I.M.P., A.B.S.
Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (Pelancongan) N.73 Piasau

28. Yang Berhormat Datuk Ir. Aidel bin Lariwoo
P.G.B.K., P.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Infrastruktur) N.24 Sadong Jaya

29. Yang Berhormat Datuk Dr Ripin bin Lamat
P.G.B.K., J.B.K., K.M.N., P.T.E.
Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan (Pembangunan Usahawan) N.72 Lambir

30. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Hazland bin Abang Hipni
P.G.B.K., K.M.N., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar N.5 Demak Laut

31. Yang Berhormat Datuk Maclaine Ben @ Martin Ben
P.G.B.K., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi & Pembangunan Wilayah (Komoditi & Pembangunan Wilayah) N.22 Kedup

- | | | |
|-----|---|--------------------|
| 32. | Yang Berhormat Datuk Ricky @ Mohammad Razi bin Sitam
P.G.B.K., K.M.N., J.B.S., P.T.E.
<i>Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (Kesejahteraan Komuniti)</i> | N.35 Saribas |
| 33. | Yang Berhormat Dato Henry Harry anak Jinep
P.S.B.S., A.B.S.
<i>Timbalan Menteri Pengangkutan (Sungai dan Laut)</i> | N.2 Tasik Biru |
| 34. | Yang Berhormat Dato' Murshid DiRaja Dr Juanda bin Jaya
P.G.B.K., DATO' MURSHID DIRAJA, S.S.P.
<i>Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Integriti dan Ombudsman)</i> | N.44 Jemoreng |
| 35. | Yang Berhormat Dato Gerald Rentap Jabu
P.S.B.S., A.B.S., P.P.N., J.B.K.
<i>Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan (Pembangunan Belia dan Sukan)</i> | N.36 Layar |
| 36. | Yang Berhormat Dato Majang anak Renggi
P.S.B.S., P.B.K., A.B.S.
<i>Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Pelabuhan)</i> | N.70 Samalaju |
| 37. | Yang Berhormat Datuk Jefferson Jamit anak Unyat
P.G.B.K., B.B.S., P.B.S., K.M.N., J.B.S.
<i>Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang dan Adat Bumiputera)</i> | N.63 Bukit Goram |
| 38. | Yang Berhormat Datuk Michael Tiang Ming Tee
P.G.B.K., P.B.S.
<i>Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kesihatan Awam dan Perumahan)</i> | N.54 Pelawan |
| 39. | Yang Berhormat Dato Ibrahim bin Baki
A.B.S., J.B.S., P.S.B.S.
<i>Timbalan Menteri Utiliti (Sarawak Energy Berhad dan PETROS)</i> | N.8 Satok |
| 40. | Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii
P.G.B.K., D.I.M.P., S.S.A.P. | N.45 Repok |
| 41. | Yang Berhormat Dato Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman
P.S.B.S., J.B.K., P.B.S. | N.6 Tupong |
| 42. | Yang Berhormat Tan Sri William Mawan anak Ikom
P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S., P.P.D. (Emas) | N.47 Pakan |
| 43. | Yang Berhormat Datuk Mong anak Dagang
P.G.B.K., J.M.N., P.B.S., P.P.D., P.B.K., P.B.E. | N.31 Bukit Begunan |
| 44. | Yang Berhormat Dato Paulus Palu Gumbang
P.S.B.S., A.M.N., P.B.S., J.B.K., P.T.E. | N.80 Batu Danau |
| 45. | Yang Berhormat Dato Dennis Ngau
P.S.B.S., J.B.S., P.B.S., P.T.E., B.B.S. | N.77 Telang Usan |
| 46. | Yang Berhormat Tuan Haji Razaili bin Haji Gapor
P.T.E., P.B.S. | N.29 Beting Maro |

47.	Yang Berhormat Encik Chong Chieng Jen	<i>N.9 Padungan</i>
48.	Yang Berhormat Puan Violet Yong Wui Wui	<i>N.10 Pending</i>
49.	Yang Berhormat Encik See Chee How	<i>N.11 Batu Lintang</i>
50.	Yang Berhormat Datuk Ding Kuong Hiing P.J.N., A.B.S.	<i>N.46 Meradong</i>
51.	Yang Berhormat Dato Ir. Lo Khere Chiang P.S.B.S., B.B.S., J.B.K.	<i>N.13 Batu Kitang</i>
52.	Yang Berhormat Dato Mohd Chee bin Kadir P.S.B.S., A.B.S., P.B.S., P.J.P.N., J.B.S.	<i>N.40 Kabong</i>
53.	Yang Berhormat Encik Wilson Nyabong anak Ijang A.M.N., K.M.N., J.B.S.	<i>N.61 Pelagus</i>
54.	Yang Berhormat Dato Sri Wong Soon Koh P.N.B.S., P.G.B.K., A.B.S., P.C.E.	<i>N.53 Bawang Assan</i>
55.	Yang Berhormat Encik Miro anak Simuh P.B.S.	<i>N.18 Serembu</i>
56.	Yang Berhormat Encik John anak Ilus P.B.S., A.P.S.	<i>N.23 Bukit Semuja</i>
57.	Yang Berhormat Encik Awla bin Dris P.B.S., A.B.S.	<i>N.25 Simunjan</i>
58.	Yang Berhormat Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang P.B.K.	<i>N.59 Tamin</i>
59.	Yang Berhormat Encik Rolland Duat anak Jubin	<i>N.48 Meluan</i>
60.	Yang Berhormat Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi B.B.S., A.B.S., K.M.N., J.B.K.	<i>N.58 Balingian</i>
61.	Yang Berhormat Encik Safiee bin Haji Ahmad J.B.K., P.P.B.	<i>N.43 Daro</i>
62.	Yang Berhormat Encik Kennedy Chukpai Ugon J.B.S., P.P.N., A.B.S.	<i>N.66 Murum</i>
63.	Yang Berhormat Encik Allan Siden Gramong P.B.S., A.B.S.	<i>N.50 Machan</i>
64.	Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Haji Brahim A.M.N., P.M.W.	<i>N.17 Stakan</i>
65.	Yang Berhormat Encik Adam Yii Siew Sang A.B.S.	<i>N.74 Pujut</i>
66.	Yang Berhormat Puan Dayang Noorazah bte Awang Sohor P.B.S.	<i>N.28 Lingga</i>

67.	Yang Berhormat Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada A.B.S., P.B.S., K.M.N.	N.21 Tebedu
68.	Yang Berhormat Encik Billy anak Sujang P.B.S., P.P.B.	N.1 Opar
69.	Yang Berhormat Encik Azizul Annuar bin Pehin Sri Haji Adenan P.B.S.	N.3 Tanjong Datu
70.	Yang Berhormat Encik Yap Yau Sin P.B.S., K.M.N.	N.12 Kota Sentosa
71.	Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Duri P.B.K., A.B.S.	N.38 Kalaka
72.	Yang Berhormat Encik Johnichal Rayong anak Ngipa J.B.S., P.T.E.	N.33 Engkilili
73.	Yang Berhormat Encik Baru Bian	N.81 Ba'Kelalan
74.	Yang Berhormat Encik Friday anak Belik A.B.K., P.P.S., P.P.B., P.B.K., P.P.C.	N.39 Krian
75.	Yang Berhormat Encik Anyi anak Jana P.B.K.	N.49 Ngemah
76.	Yang Berhormat Encik Chieng Jin Ek P.B.S.	N.51 Bukit Assek
77.	Yang Berhormat Encik Royston bin Valentine J.B.K., A.B.S.	N.57 Tellian
78.	Yang Berhormat Encik Lidam anak Assan P.B.S.	N.62 Katibas
79.	Yang Berhormat Encik Nicholas Kudi anak Jantai P.B.S.	N.64 Baleh
80.	Yang Berhormat Encik Johnny Pang Leong Ming P.B.S.	N.68 Tanjong Batu
81.	Yang Berhormat Encik Iskandar bin Turkee	N.67 Jepak

TIDAK HADIR

(Kebenaran di bawah Peraturan Mesyuarat 81)

Bil.	Nama	Konstituensi
1.	Yang Berhormat Datuk Snowdan Lawan P.G.B.K., A.M.N., P.T.E. <i>Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (Industri Kreatif dan Seni Persembahan)</i>	N.30 Balai Ringin
2.	Yang Berhormat Dato Sri Tiong King Sing P.J.N., P.N.B.S., D.P.M.K., D.P.M.K., S.S.S.A., D.S.S.A., J.P.	N.52 Dudong

TURUT HADIR

1. Encik Nur Azhar bin Bujang
Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak
2. Encik Abang Mohammad Adib bin Abang Sallehadin
Pemangku Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak
3. ASP. Mohd Nur Fitri bin Mohd Idrus
Bentara Mesyuarat
4. Inspektor Eldino Erick Joss
Bentara Mesyuarat
5. Encik Encik Nizle anak Junep
Bentara Mesyuarat
6. Encik Muhaimin Naqib bin Narudin
Bentara Mesyuarat
7. Encik Bryan Hansen anak Wennedy
Bentara Mesyuarat
8. Encik Abang Mohd Azamuddin bin Abang Yahya
Bentara Mesyuarat

PETUGAS PERSIDANGAN

PEGAWAI UNDANG-UNDANG DAN PEMBACA PRUF

1. Encik Syed Rezif Afham bin Wan Alwi *Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak*
2. Cik Vanessa anak Jawa *Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak*

PEMBACA PRUF

1. Encik Nasir bin Hamid *Dewan Bahasa dan Pustaka Negeri Sarawak*
2. Puan Caltinie Jhayssy Manja *Dewan Bahasa dan Pustaka Negeri Sarawak*
3. Puan Niniefadzilea binti Iswandi *Dewan Bahasa dan Pustaka Negeri Sarawak*

JURUTRENGKAS

1. Puan Sharlina binti Mushar *Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri*
2. Puan Malin anak Arit *Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri*
3. Puan Meri Sabas *Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)*
4. Puan Noorina binti Hamdan *Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)*
5. Puan Doris anak Francis Harris *Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)*
6. Puan Ratna Airnwati binti Haji Md. Junaidi *Perbadanan Pembangunan Perumahan*
7. Puan Sabtuyah binti Adeng *Perbadanan Pembangunan Perumahan*
8. Puan Nori Othman *Perbadanan Pembangunan Perumahan*
9. Puan Zuriawati binti Mohd Laili *Pustaka Negeri Sarawak*
10. Encik Mohd Alfadger bin Tuah *Pejabat Residen Bahagian Kuching*
11. Puan Dalina binti Dalil *Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR)*
12. Puan Siti Rabiah binti Jili *JKR Bahagian Limbang*
13. Puan Olivia Batan *Jabatan Audit Negara Negeri Sarawak*
14. Puan Liliana Bian *Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching*
15. Puan Noor Afifah binti Bahaudin *Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak*
16. Puan Dayang Duraiza binti Haji Awang Jangka *Lembaga Sumber Asli & Alam Sekitar Sarawak*
17. Puan Anieta Sylvester Pungga *Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak*
18. Puan Juliana Lugom *Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak*
19. Puan Rosemary Langub *Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak*

20.	Puan Nur Izzatul Fatimah Abdullah	<i>Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak</i>
21.	Puan Rosline anak Dominic Maon	<i>Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak (MEITD)</i>
22.	Puan Azah Mohamad Jally	<i>Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak</i>
23.	Puan Nurhaida binti Amin	<i>Jabatan Penyiaran Kawasan Sarawak, Jabatan Penyiaran Negeri Sarawak</i>
24.	Puan Valarie Jane anak Aitman	<i>Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri</i>
25.	Puan Margaret anak Francis Bohui	<i>Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak</i>
26.	Puan Leidiana binti Azahari	<i>Pejabat Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Penyelaras Projek untuk Agnesi Pembangunan Wilayah, Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Hal Ehwal Islam)</i>

JURURAKAM PERSIDANGAN

1.	Puan Siti Nazilafatullaini binti Sukri	<i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i>
2.	Encik Wan Mohamad Zaki bin Wan Alias	<i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i>
3.	Encik Fareez Azizi bin Zakeria	<i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i>
4.	Puan Sandora anak Jelema	<i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i>

JURUCETAK

1.	Encik Mohd. Nor Majidi Bin Marekan	<i>Percetakan Nasional Malaysia Berhad</i>
2.	Encik Gabriel Jimmy	<i>Percetakan Nasional Malaysia Berhad</i>

JURUTEKNIK IT

1.	Encik Hasmadi bin Abang Wahab	<i>SAINS</i>
2.	Encik Mohamad Fadzly bin Arfan	<i>SAINS</i>
3.	Cik Natasya Abdullah	<i>SAINS</i>

MESSENGER

1.	Encik Mohamad Zahari bin Hamden	<i>Jabatan Agama Islam Sarawak</i>
2.	Encik Helmy bin Abdul Rahman	<i>Jabatan Pertanian Sarawak</i>
3.	Encik Shah Riwandu Sia bin Ridzuan	<i>Jabatan Pertanian Sarawak</i>
4.	Encik Mohammad Zaidi bin Rambli	<i>Jabatan Pertanian Sarawak</i>
5.	Encik Lawrence Encharang	<i>Jabatan Pertanian Sarawak</i>
6.	Encik Mohamed Nazeerudin bin Gulam Mohamed	<i>Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak</i>
7.	Encik Fadillah bin Lokman	<i>Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Kuching</i>
8.	Encik Addison anak Fredrick	<i>Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Kuching</i>

SEKRETARIAT PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

1.	Tuan Haji Abang Zaabar bin Abang Ballia
2.	Cik Noria binti Suut
3.	Puan Nur Azira binti Abdul Kadir
4.	Encik Nurkhairudin bin Osen
5.	Puan Rabiah binti Abdul Kadir
6.	Puan Aisha Parveen binti Badron
7.	Cik Genang anak Timbung
8.	Puan Siti Norhiza binti Mohammad Yusri
9.	Puan Hanisah Abdullah

10. Cik Siti Halimah binti Mohamad Nawawi
11. Puan Hasfarini binti Hassim
12. Cik Nurhaffizah Abdullah
13. Puan Natasha Nadia binti Mohd. Saidi
14. Puan Angela Lisa anak Mathew Linol
15. Encik Felix Aaron anak Michael
16. Puan Calista Abbie anak Sapa @ Patrick Sapa
17. Cik Sharina binti Sopian
18. Awang Mohammad Asyrul Jaya bin Awang Putra
19. Sarjan Terence anak Jayan
20. Puan Norziana binti Haji Ahmad
21. Encik Mohd Hasfia bin Abdullah
22. Puan Nur Eliana Abdullah
23. Puan Nazmah binti Darham
24. Puan Tracy Lyana anak Bana
25. Encik Mohd Zulkhairi bin Mohammad Hejemi
26. Puan Jasmine Sinja anak Robinson
27. Cik Parcelia Renyelia anak Pamg
28. Cik Nur Zafirah binti Affendy Michael
29. Puan Deidre anak Wilson
30. Encik Muhammad Elliyas bin Matali
31. Cik Siti Nur Marsitah binti Abdullah
32. Puan Nur Amira Lystiani binti Poniman
33. Encik Alwie bin Haji Ali
34. Cik Hawa binti Morsad
35. Encik Razali bin Awi
36. Puan Nora binti Atem
37. Encik Zahari bin Bolhi
38. Encik Lukas Jammany anak Kated
39. Encik Hazrin Syah bin Hamzah
40. Encik Salman bin Jaya
41. Encik Romzi bin Bujang
42. Encik Musa bin Julai
43. Puan Suraya binti Hamden
44. Puan Noraisah binti Ahmad
45. Cik Siti Zalilah binti Samsawi
46. Encik Iz Mohd. Haiqal Hakeem bin Mahamud

PELAJAR PRAKTIKAL

1. Nur Azmina Izzatulrazan binti Ibrahim
2. Mohammad Amir bin Mohammad Zamri
3. Mohamad Aswan bin Ismail

(Mesyuarat dimulakan pada pukul 9.09 pagi)

[Tuan Speaker mempengerusikan Mesyuarat]

DOA

PEMASYHURAN DARIPADA TUAN SPEAKER

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

Tuan Speaker: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Selamat pagi dan Salam sejahtera. Ahli Yang Berhormat Encik Safiee bin Haji Ahmad, Daro.

YB Encik Safiee bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Speaker. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera.

*Kajang Pak Malau, kajang berlipat,
Soalan saya no. 124,
Mohon Yang Berhormat Menteri, silalah jawab.*

Pengagihan Gas di Sarawak

(124) YB Encik Safiee bin Haji Ahmad bertanya kepada Menteri Utiliti dan Telekomunikasi: Apakah status perkembangan terkini aktiviti pengawal selia dalam mengembangkan dan memudahkan pengagihan gas di Sarawak sejak penguatkuasaan Rang Undang-undang (RUU) Pengagihan Gas (Pindaan), 2023?

Timbalan Menteri Utiliti (Sarawak Energy Berhad dan PETROS) (YB Dato Ibrahim bin Baki): Terima kasih, Tuan Speaker dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Daro di atas pertanyaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Daro, sejak pindaan ke atas *Distribution of Gas Ordinance*, 2016 (DGO 2016) pada tahun 2023, Kementerian saya telah melaksanakan beberapa langkah kawal selia seperti berikut:

- (a) Mengeluarkan sejumlah 14 lesen kepada pemain industri hulu (*upstream*) dan 537 lesen kepada pemain industri hiliran (*downstream*) di bawah DGO 2016 untuk beroperasi di Sarawak; dan
- (b) Mengeluarkan 10 notis ketidakpatuhan kepada pihak yang melakukan aktiviti pengedaran gas yang beroperasi tanpa lesen.

Terima kasih.

YB Encik Safiee bin Haji Ahmad: *(Soalan Tambahan)* Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan syabas di atas pelantikan sebagai Timbalan Menteri di kementerian ini dan saya merasa satu penghormatan kerana soalan daripada Daro merupakan soalan pertama yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai Timbalan Menteri. Saya ada dua soalan tambahan:

- (a) Apakah jenis-jenis lesen yang dikeluarkan di bawah DGO 2016?; dan
- (b) Apakah denda yang akan dikenakan sekiranya didapati bersalah kerana tidak mempunyai lesen untuk beroperasi di bawah DGO 2016?

Terima kasih.

Timbalan Menteri Utiliti (Sarawak Energy Berhad dan PETROS) (YB Dato Ibrahim bin Baki): Terima kasih, Ahli Yang Berhormat Daro. Untuk soalan yang pertama, berikut adalah jenis-jenis lesen yang dikeluarkan di bawah Seksyen 7, DGO 2016:

- (a) Import of any gas for regasification, processing, treatment, separation, utilization or distribution in Sarawak;
- (b) The regasification of gas;
- (c) Treatment, separation or possessing of gas;
- (d) Transportation of gas;
- (e) Building, managing or maintaining gas pipeline or other apparatus or equipment or mechanism for the distribution of gas;
- (f) The supply of gas; or
- (g) The retail of gas.

Berkenaan dengan soalan no. 2, jawapannya; mana-mana pihak yang tidak mempunyai lesen boleh didenda tidak melebihi RM20 juta untuk kesalahan pertama dan 10 kali ganda untuk kesalahan seterusnya di bawah Seksyen 21A DGO 2016.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik John anak Ilus, Bukit Semuja.

YB Encik John anak Ilus: Selamat pagi, terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya ialah 125.

Menaik taraf Status Mahkamah Bumiputera Sarawak

(125) YB Encik John anak Ilus bertanya kepada Premier Sarawak:

- (a) Apakah perkembangan terkini kajian untuk menaik taraf status Mahkamah Bumiputera Sarawak sehingga hari ini?
- (b) Adakah perubahan status itu nanti akan mempunyai sebarang implikasi terhadap pentadbiran dan penguatkuasaan Undang-Undang Adat Bumiputera secara keseluruhannya apabila ianya dikuatkuasakan nanti?

Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang dan Adat Bumiputera) (YB Datuk Jefferson Jamit anak Unyat): Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Semuja. Sebelum saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Semuja dan saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran rombongan ketua masyarakat dan ketua kaum dari Kapit. Dari Kapit, di kawasan saya yang diketuai oleh Pemancha Wong Kie Ing di Galeri Awam, Dewan Undangan Negeri Sarawak pada pagi ini. Saya mengucapkan selamat datang kepada semua, terima kasih. Jadi, sekarang saya nak menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat Bukit Semuja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Semuja, kajian dijalankan pada tahun 2020 untuk menstruktur semula dan menaiktaraf Mahkamah Bumiputera Sarawak telah siap pada Februari 2023. Laporan Akhir Kajian tersebut telah dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada bulan Julai 2023.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada dasarnya telah meluluskan hasil kajian "*Masterplan for the Transformation of the Native Courts of Sarawak*".

Berdasarkan Pelan Induk Transformasi ini, Mahkamah Bumiputera Sarawak akan menjalankan proses penstrukturan semula yang melibatkan penggubalan Rang Undang-undang yang baharu dan pindaan kepada Ordinan sedia ada. Bagi membolehkan penstrukturan semula ini, *Native Courts Ordinance, 1992* yang sedia ada perlu dimansuhkan (*repeal*) dan diganti dengan Ordinan Mahkamah Bumiputera yang baharu atau *new Native Courts Ordinance*. Oleh itu, satu Rang Undang-undang Mahkamah Bumiputera atau *new Native Courts Bill* akan dirangka dan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri yang akan datang.

Selain daripada itu, *new Native Courts Judges Appointment Council and Native Courts Judges Remuneration Bill* juga akan dirangka dan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini nanti. Pada masa yang sama, pindaan perlu dibuat ke atas Ordinan Majlis Adat Istiadat Sarawak, 1977.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Semuja, penstrukturan semula Mahkamah Bumiputera Sarawak di bawah Rang Undang-undang yang baharu nanti akan melibatkan perubahan dalam struktur pentadbiran dan bidang kuasa mahkamah.

Manakala, bagi implikasi terhadap pengurusan mahkamah, kes-kes mahkamah akan dikendalikan oleh para Majistret dan Hakim yang bertauliah dan berkelayakan dalam bidang undang-undang di setiap empat peringkat mahkamah iaitu, Mahkamah Bumiputera Majistret (*Native Magistrates' Court*), Mahkamah Tinggi Bumiputera (*Native High Court*), Mahkamah Bumiputera Rayuan (*Native Court of Appeal*) dan Mahkamah Bumiputera Agung (*Native Supreme Court*). Ini bermakna pengurusan dan perbicaraan kes-kes mahkamah nanti akan lebih teratur dan profesional setara dengan pengurusan kes di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Terima kasih.

YB Encik John anak Ilus: (*Soalan Tambahan*) Terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan yang panjang lebar, *very comprehensive*. Jadi, saya cuma nak tanya satu lah soalan tambahan iaitu:

- (a) What are the changes *ataupun perubahan yang bakal dijalankan akibat transformasi ataupun proses transformasi itu nanti?* Thank you.

Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang dan Adat Bumiputera) (YB Datuk Jefferson Jamit anak Unyat): Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Semuja. Sekarang, saya nak jawab soalan tambahan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Semuja, transformasi ini akan melibatkan perubahan kepada hierarki Mahkamah Bumiputera dan juga pembangunan organisasi Pejabat Ketua Pendaftar dari segi pengoperasian dan keperluan sumber tenaga manusia.

Di bawah cadangan penstrukturan Mahkamah Bumiputera, hierarki mahkamah akan meliputi dua peringkat iaitu Mahkamah Rendah Bumiputera dan Mahkamah Tinggi Bumiputera.

Dari sudut pentadbiran, mahkamah baharu selepas penstrukturan semula akan mempunyai sebuah Ibu Pejabat di Bahagian Kuching dan tiga Pusat Wilayah iaitu di Bahagian Samarahan, Sibuan dan Miri. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Rolland Duat anak Jubin, Meluan.

YB Encik Rolland Duat anak Jubin: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya no. 126.

Tender Jalan Nanga Entaih/ Rumah Sang Rantau Chire

(126) YB Encik Rolland Duat anak Jubin bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan: Bilakah jalan dari Nanga Entaih/ Rumah Sang Rantau Chire dapat ditender?

Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Infrastruktur) (YB Datuk Ir. Aidel bin Lariwoo): Thank you, Tuan Speaker. For the information of Ahli Yang Berhormat for Meluan, Sarawak Government has approved the proposed upgrading Jalan Nanga Entaih/ Rumah Sang Rantau Chire under Rajang Delta Development Agency (RADDA). JKR Sarawak being the implementing agency for this project, is currently working on the final stage of tender documentation, and with Land and Surveys Department to carry out a formal land acquisition process and this project is expected to be tendered for consumption in Quarter 3, 2025. Thank you.

YB Encik Rolland Duat anak Jubin: (*Soalan Tambahan*) Terima kasih, Timbalan Menteri atas jawapan yang diberi. Saya ada dua *supplementary questions*.

- (a) What are the scope of works for proposed upgrading jalan dari Nanga Entaih/Rumah Sang Rantau Chire?

(b) What is the estimated costs for this project?

Thank you.

Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Infrastruktur) (YB Datuk Ir. Aidel bin Lariwoo): Thank you, Tuan Speaker. Thank you for Ahli Yang Berhormat for Meluan for the two supplementary questions. Question number one on the scope of work for this project is:

Scope of works:

- (a) Upgrading of 14 km existing road with JKR R1 Standard Specification with bituminous pavement and shoulder on each side of the carriageway;
- (b) To maintained two numbers of short medium span bridges; and
- (c) To replace three numbers of steel bridges into culverts.

And for supplementary question number two, given the project ceiling of RM25 million this project is estimated to be at a cost of RM22 million. Thank you.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Yap Yau Sin, Kota Sentosa.

YB Encik Yap Yau Sin: Thank you, Tuan Speaker. My question is number 127.

Problem of Teacher Shortages and Poor Facilities for Schools

(127) YB Encik Yap Yau Sin to ask the Minister for Education, Innovation and Talent Development: What action are currently being undertaken to resolve the outstanding problem of teacher shortages and poor facilities for schools and reduction of dropout rates of students from poor families?

Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pembangunan Bakat) (YB Datuk Francis Harden anak Hollis): Thank you, Tuan Speaker. Thank you, Honourable Member for Kota Sentosa. For the information of the Honourable Member for Kota Sentosa, the Ministry is fully aware of the situation. In 2024, my ministry, in collaboration with Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Ministry of Education Malaysia (MOE) and Sarawak State Education Department (JPNS), carried out a special recruitment exercise under the Contract of Service scheme to hire both education and non-education graduates. This initiative is part of ongoing efforts to address teacher shortages in Sarawak.

Additionally, a dedicated committee monitors teacher vacancies to ensure timely replacements. Continuous efforts are also being made to improve school facilities under the upgrading and rebuilding of dilapidated schools throughout Sarawak. On the matter of school dropouts, continuous engagements with the parents and students are being carried out by the Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. So, the dropouts rate among poor families showed a declining trend from 19 pupils in 2022 to 4 pupils in 2024. Thank you.

YB Encik Yap Yau Sin: (Supplementary Question) Thank you, Honourable Deputy Minister for your comprehensive answer. I have two more supplementary questions.

- (a) What are the long-term strategies by the government to ensure sustainable teachers supply in Sarawak particularly in rural areas where it is difficult to place permanent teachers?
- (b) What initiatives have been implemented by the Ministry to reduce drop out rate among students where one drops out is one too many?

Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pembangunan Bakat) (YB Datuk Francis Harden anak Hollis): Terima kasih. Thank you, Honourable Member for Kota Sentosa. My Ministry continues to strengthen its collaboration with the Ministry of Education,

Malaysia (MOE), Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP), the Sarawak State Education Department (JPNS) and Teachers Training Institution in Sarawak as well as local universities. These partnerships are essential to ensure a ready, a steady and strategic supply of trained teachers across the state.

My ministry, Ministry of Education, Innovation and Talent Development also support continuous, professional development programmed especially for non-option teachers in critical subject such as Science, Mathematics and English to ensure teachers are well equipped to meet the need of all students including those in rural area.

To answer the second supplementary question, to reduce the dropout rate. The Ministry of Education and the Sarawak State Education Department implement civil strategies. Some of the three initiatives involve regular engagement with parents and community throughout school outreach programmed such as *Ziarah Cakna, Outreach Keciciran, Lan Ngabas, Jom Masuk Asrama dan Program Amalan Sekolah Penyayang*.

Both Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak and Ministry of Education Malaysia have been actively working with local authorities and community leaders to identify outreach student and provide necessary intervention.

Additionally, my ministry in collaboration with Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak has introduced target support measures for students from disadvantaged backgrounds such as the Sarawak Education Enhancement Programmed Cert which includes free tuition and monitoring for student crucial role in addressing academic challenges and preventing dropout rate to poor academic performance. Thank you.

Tuan Speaker: YB Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada.

YB Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada: Terima kasih, Tuan Speaker.

*DUN Kedup, DUN Tebedu adalah jiran,
Soalan saya nombor 128.*

Tanaman Getah di DUN Tebedu

(128) YB Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada bertanya kepada Menteri Industri makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah: Berapakah keluasan tanah yang telah ditanam dengan getah di bawah kawasan DUN N.21 Tebedu? Apakah tindakan yang diambil oleh Jabatan dan Kementerian untuk menarik minat para belia terlibat dengan komoditi ini?

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (YB Datuk Maclaine Ben @ Martin Ben): Terima kasih, Tuan Speaker dan Selamat pagi. Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Tebedu atas soalan dan pantun tadi. Di sini saya menjawablah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tebedu, keluasan tanaman getah di Daerah Tebedu setakat tahun 2024 ialah 1,049 hektar. Untuk menggalakkan pekebun kecil terutamanya golongan belia terus mengusahakan tanaman getah, Kementerian ini melalui Lembaga Industri Getah Sarawak (SARIB), Jabatan Pertanian Sarawak (DOA), Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), sedang dan akan terus merancang pelbagai inisiatif seperti berikut:

- (a) Memberikan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dan Program Insentif Pengeluaran Lateks (IPL) ketika harga getah rendah bagi menstabilkan pendapatan para pekebun kecil;
- (b) Menyediakan skim bantuan termasuklah Program Pembangunan Getah, Bantuan Tanam Semula dan Program Produktiviti Pemasaran dan infrastruktur ladang;

- (c) Mengadakan pelbagai jenis kursus, latihan pengembangan, sesi dialog dan ceramah bagi meningkatkan kemahiran serta pengetahuan penanaman, pengurusan ladang getah secara moden dan teknik penorehan;
- (d) Menggalakkan penggunaan teknologi moden, mekanisasi dan automasi dalam sektor getah;
- (e) Menggalakkan kerjasama strategik dengan pelabur dalam pengurusan ladang yang lebih efisien, melaksanakan program rehabilitasi kebun getah matang serta mengembangkan sektor hiliran industri getah; dan
- (f) Melaksanakan program Pergerakan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) dan Program Generasi Muda Pekebun Kecil (GEMPAK) yang bertujuan untuk memperkasa generasi muda agar lebih aktif dan berdaya saing dalam bidang komoditi khususnya getah. Terima kasih.

YB Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada: *(Soalan Tambahan)* Terima kasih, Tuan Speaker dan terima kasih juga Timbalan Menteri. Saya ada dua soalan tambahan. Soalan pertama, apakah faktor yang menyumbang kepada jumlah pengeluaran getah yang rendah di kawasan DUN Tebedu dan soalan yang kedua, apakah perancangan SARIB untuk mengatasi masalah tersebut.

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (YB Datuk Maclaine Ben @ Martin Ben): Terima kasih, Tuan Speaker dan juga Ahli Yang Berhormat bagi Tebedu. Untuk menjawab soalan tambahan pertama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tebedu, punca utama yang menyumbang kepada jumlah pengeluaran getah yang rendah adalah disebabkan kebanyakan pekebun kecil mempunyai tanggapan bahawa harga jualan getah di peringkat ladang adalah rendah sehingga mengakibatkan mereka kurang berminat untuk menoreh getah dan beralih kepada komoditi lain seperti kelapa sawit di mana harganya lebih konsisten. Selain daripada itu, masalah infrastruktur jalan yang tidak sempurna akibat kejadian tanah runtuh seperti yang berlaku di banyak kawasan di DUN Tebedu.

Untuk soalan tambahan kedua, tidak dapat dinafikan bahawa jalan kebun atau pun ladang penting dalam kita meningkatkan hasil pertanian dan mengurangkan kos pertanian. Jadi bagi mengatasi masalah jalan akses di kawasan ladang getah di Tebedu, pihak SARIB telah mengemukakan permohonan projek membina dan menaik taraf infrastruktur jalan pertanian kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) untuk dipertimbangkan. Selain itu, pihak SARIB juga telah dan akan meneruskan sesi taklimat dan program kesedaran kepada para pekebun kecil termasuk golongan belia di seluruh Sarawak bagi membolehkan mereka memperoleh maklumat terkini mengenai bantuan atau insentif kerajaan kepada para pekebun kecil getah. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi, Balingian.

YB Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi: Terima kasih Tuan Speaker, Jadi soalan saya nombor 129.

Pusat Keusahawanan Belia

(129) YB Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi bertanya kepada Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan: Apakah ada perancangan untuk membina pusat keusahawanan belia serta inkubator industri kreatif di Balingian sejajar dengan arus digitalisasi dan Revolusi Industri 4.0?

Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan (YB Datuk Dr Ripin bin Lamat): Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat bagi Balingian atas soalan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Balingian, Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan (MYSED) belum ada perancangan untuk membina pusat keusahawanan belia dan inkubator industri kreatif di Balingian. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa fasiliti lain berdekatan iaitu Mukah Digital Innovation Hub di bawah Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC) dan Pusat Inkubator dan Bimbingan Usahawan (PIBU) di Mukah di bawah kendalian Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC). Kita juga dimaklumkan oleh pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan (MINTRED) mempunyai

perancangan untuk membina anjung usahawan Balingian yang mana proses pengambilalihan tapak projek telah selesai dilaksanakan.

YB Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi: (*Soalan Tambahan*) Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, Timbalan Menteri atas jawapan yang bernas. Jadi saya ada dua soalan tambahan:

- (a) Apakah komponen perkhidmatan yang akan disediakan di anjung usahawan Balingian?
- (b) Apakah perancangan kementerian untuk memperkasakan penglibatan belia dalam bidang keusahawanan? Terima kasih.

Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan (Pembangunan Usahawan (YB Datuk Dr Ripin bin Lamat): Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Balingian atas dua soalan tambahan. Untuk menjawab soalan tambahan yang pertama, kita dimaklumkan antara komponen perkhidmatan bagi sesebuah anjung usahawan termasuklah anjung usahawan Balingian iaitu:

- (a) Pusat Pemprosesan;
- (b) Kiosk Jualan;
- (c) Gerai Makanan;
- (d) Inkubator; dan
- (e) Ruang Aktiviti Kemasyarakatan.

Sekiranya ada cadangan penambahbaikan daripada Yang Berhormat Balingian, berdasarkan keperluan kawasan Yang Berhormat, bolehlah berhubung dengan pihak MINTRED.

Tuan Speaker, bagi menjawab soalan yang kedua dan jawapan ini secara tidak langsung akan menjawab juga soalan dua lagi wakil Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat bagi Batu Kitang, soalan nombor 165; dan Yang Berhormat bagi Katibas, soalan nombor 170.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Balingian, kementerian akan mempertingkatkan lagi program-program kesedaran tentang potensi, peluang-peluang dan masa depan kerjaya dalam sektor keusahawanan dalam kalangan belia melalui:

- (a) Menambah baik pengisian Program Jelajah Belia Sarawak yang mana kita akan masukkan elemen keusahawanan di dalam program ini.
- (b) Penganjuran *Youth Entrepreneur Setup (YES) 3.0* di setiap daerah yang mana program ini, kita akan mempromosi dan membangkitkan kesedaran dan peluang kerjaya kepada belia dalam sektor keusahawanan serta memberi maklumat awal proses-proses persediaan pendaftaran lesen perniagaan dan juga agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.
- (c) Meningkatkan penglibatan pelajar di IPTA (Institusi Pengajian Tinggi Awam) dan IPTS (Institusi Pengajian Tinggi Swasta) melalui Program *Sarawak Youth Business Idea Competition (SAYBIC)* dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA, Kampus Sarawak. Program ini adalah untuk memupuk minat, mencungkil bakat dan mempromosikan sektor keusahawanan sebagai kerjaya di kalangan belia di pusat pengajian tinggi.
- (d) *Sarawak Youth Setup Development Programme*, kursus komprehensif dan intensif yang merangkumi asas keusahawanan seperti pendaftaran lesen perniagaan, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia, pensijilan, *digital marketing*, *branding* dan *packaging*, *risk analysis* serta perancangan perniagaan (*Business Model Canvas*). Program ini adalah satu kolaborasi program dengan beberapa kementerian, agensi Kerajaan Sarawak dan Persekutuan yang berkaitan dengan sektor keusahawanan.

Sebagai makluman, kohort pertama telah kita laksanakan pada Disember 2024 dan kohort kedua kita akan jangka pada suku keempat tahun ini, 2025.

Dan yang kelima, kita mempertingkatkan lagi kerjasama atau kolaborasi program dengan kementerian yang lain seperti MINTRED, KUSKOP dan agensi-agensi Kerajaan Sarawak serta

Persekutuan yang berkaitan dengan sektor keusahawanan untuk mewujudkan satu *symbiotic ecosystem* dalam usaha bersama untuk melahirkan usahawan-usahawan belia yang berjaya dan berdaya saing.

Lastly, but not least, mungkin dengan adanya kerjasama *symbiotic ecosystem* ini, kita boleh satu hari nanti kita boleh mewujudkan satu *youth start-up hub* pada masa akan datang berdasarkan perkembangan dan keperluan semasa. Sekian, terima kasih.

Barriers to Hydrogen Economy

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Miro anak Simuh, Serembu.

(130) YB Encik Miro anak Simuh to ask Minister for Energy and Environmental Sustainability: What are the barriers to hydrogen economy, in term of comparison of high investment and the immediate return to the economy?

Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar (YB Datuk Dr Haji Hazland bin Abang Hipni): Thank you, Tuan Speaker. Thank you, Honourable Member for Serembu. For the information of Ahli Yang Berhormat for Serembu, the hydrogen industry is a relatively new energy source compared to established industries. Hence, it faces challenges to create immediate economic benefits. Basically, due three barriers:

- (a) The first barrier is the investor's preference. Sarawak's economy heavily reliant on oil and gas, making it challenging for hydrogen to gain traction. Investors may prefer established industries with quicker returns rather than the emerging hydrogen market;
- (b) The second barrier is high investments. Building hydrogen infrastructure (for the production, storage and transport) requires significant upfront investment. In contrast, established industries can often rely on existing infrastructure, allowing for quicker returns.
- (c) The third barrier is technical skills. Hydrogen production, especially clean, green hydrogen, requires specialized technical skills that Sarawak is still developing. Establishing a workforce with these skills will require substantial investment in training programs and education initiatives, which will take time to produce results.

More mature sectors, by comparison, have lower workforce entry barriers. The global market trends for clean hydrogen, valued at USD1.4 billion in 2021, has a projected growth to USD5.95 billion by 2030, mainly driven by rising demand for clean energy solutions such as marine and aviation fuel. In this regard, while developing a hydrogen economy requires substantial initial investments, our government is confident this will lay a strong and robust foundation for Sarawak's future as a significant player in the hydrogen economy.

Although immediate economic returns may be modest, these strategic investments are expected to yield substantial long-term benefits as global demand for clean hydrogen rises, reinforcing Sarawak's commitment to environmental sustainability and clean energy leadership, aligning with the Post COVID-19 Development Strategy 2030 (PCDS 2030).

So, these two barriers are just temporary and will be dismantled with technology advancement. Thank you.

YB Encik Miro anak Simuh: (*Supplementary Questions*) Thank you, Tuan Speaker. Thank you, Deputy Minister. I got two supplementary questions to be asked.

- (a) How can Sarawak leverage, its abundant hydropower resources to produce cost-effective green hydrogen? and

- (b) With the various initiatives being rolled out by the government on new energy like hydrogen what is the government's plan to reduce dependency on conventional energy like coal and gas?

Thank you.

Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar (YB Datuk Dr Haji Hazland bin Abang Hipni): Thank you, Honourable Member for Serembu. For the information of Ahli Yang Berhormat for Serembu, Sarawak can leverage its abundant hydropower resources to produce cost-effective green hydrogen as shown in our Sarawak's Hydrogen Roadmap 2025 to 2035 which was recently launched by our Right Honourable Premier. Sarawak has the potential to leverage its abundant hydropower resources to produce cost-effective clean hydrogen, utilizing strategic initiatives that build on its natural strengths.

Sarawak's unique topography gives it a comparative advantage in hydroelectricity production, resulting in lower industrial electricity tariffs. By harnessing this renewable hydropower to drive the electrolysis process, Sarawak can produce clean, green hydrogen efficiently and sustainably, converting water into hydrogen without carbon emissions and furthering its commitment to clean energy.

Furthermore, Sarawak's proactive efforts to position itself as a regional leader in clean hydrogen production are reflected in its flagship projects, such as the Hibiscus and Hornbill initiatives, and its partnerships with international stakeholders. These collaborations not only enhance technical expertise but also attract investment, helping to establish Sarawak as a key player in the regional clean, green hydrogen market.

For the second question, conventional energies such as thermal energy from coal and gas is still important for maintaining grid security and stability despite the greater emphasis and investment in renewable energies. However, to support the load growth in Sarawak, Sarawak Energy Berhad is working closely with PETROS to maintain an equitable level of gas-powered generations under the Sarawak Gas Roadmap. On the other hand, the State has decided that Balingian Coal Fired Power Plant (CFPP) that was commissioned in 2019 would be the last coal power project while making plans to decommission the other aging coal plants. Thank you.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Dato Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman, Tupong.

YB Dato Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya nombor 131.

Dasar Pengajian Tinggi Percuma

(131) YB Dato Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman bertanya kepada Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat: Apakah Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicator* (KPI) jangka pendek dan jangka panjang untuk dasar pengajian tinggi percuma yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan Sarawak mulai tahun hadapan?

Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pengajian Tinggi dan Inovasi) (YB Datuk Dr Haji Annuar bin Rapa'ee): Terima kasih kepada Yang Berhormat untuk Tupong. Tuan Speaker, soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat untuk Tupong ialah mengenai *Free Tertiary Education Scheme (FTES)*. Semenjak kebelakangan ini, Sarawak telah menjadi buah mulut; bukan sahaja di kalangan pelajar dan ibu bapa di Sarawak tetapi di seluruh Malaysia kerana kerajaan ini akan dan mampu melaksanakan suatu dasar yang begitu besar iaitu *Free Tertiary Education Scheme (FTES)* untuk anak-anak Sarawak. Kita harus ucap tahniah dan syabas kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier kerana dapat melaksanakan suatu dasar yang begitu penting ...(Applause)...

Tuan Speaker, dasar ini adalah bermatlamat untuk pembangunan modal insan negeri kita. Selaras dengan Post COVID-19 Development Strategy (PCDS) 2030 iaitu untuk menyasarkan tidak kurang daripada 30% *highly skilled workforce by the year 2030* terutamanya dalam bidang *digital economy*, ekonomi hijau, aeroangkasa dan juga tenaga yang boleh diperbaharui. Oleh sebab itu, salah satu faktor penting indikatornya ialah apabila dasar ini dilaksanakan; ia dapat membantu pelajar-pelajar terutamanya dari keluarga yang kurang mampu untuk masuk ke universiti dan sudah pasti *enrolment* di universiti-universiti kita akan bertambah dan ini juga sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan kita kepada pekerja asing dalam bidang-bidang tersebut. Tetapi paling penting, dasar ini akan mengurangkan atau melenyapkan sama sekali seorang graduan yang terpaksa berhutang selepas tamat pengajian mereka sebab semasa ini mereka terpaksa berhutang dengan PTPTN. Inilah satu kelebihan dasar *Free Tertiary Education Scheme (FTES)* oleh Kerajaan Sarawak...(Applause)...

Ada yang bertanya, Tuan Speaker, mengapakah kursus-kursus tertentu sahaja yang ditawarkan iaitu *STEM related* dan *professional courses* seperti *accountancy* dan *finance*? Ini bertujuan untuk keperluan di Sarawak pada masa kini, disebabkan apabila kita membuka semua kursus-kursus yang ditawarkan secara percuma; ini mungkin akan melahirkan atau akan mewujudkan graduan yang menganggur. Jadi kita perlu *match* dengan *work demands*, the *market demands* mengenai *workforce* yang perlu kita adakan di Sarawak. Selain itu, ia juga mengatasi masalah pelajar-pelajar kita yang ditawarkan oleh UPU tanpa kursus yang mereka minat. Banyak pelajar-pelajar kita, disebabkan persaingan di universiti awam; maka dengan adanya *Free Tertiary Education Scheme (FTES)* di universiti di negeri Sarawak sendiri, akan dapat mengurangkan isu pelajar-pelajar kita tidak ditawarkan kursus-kursus yang mereka minati. Sekian, terima kasih.

YB Dato Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman: (*Soalan Tambahan*) Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri. Saya ada dua soalan tambahan, yang pertamanya:

- (a) Selain daripada bantuan-bantuan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, apakah lagi bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Sarawak kepada pelajar-pelajar kita?
- (b) Apakah inisiatif ataupun strategi Kerajaan Sarawak untuk memastikan keseluruhan pelajar-pelajar kita tidak tertinggal untuk mendapat manfaat ini terutama sekali pelajar-pelajar daripada luar bandar?

Terima kasih, Tuan Speaker.

Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pengajian Tinggi dan Inovasi) (YB Datuk Dr Haji Annuar bin Rapa'ee): Terima kasih, Yang Berhormat. Selain daripada yuran percuma yang dibantu oleh Kerajaan Sarawak, kerajaan juga akan membantu dari segi sara hidup iaitu *stipend* terutamanya kepada pelajar-pelajar di mana *household income* per kapitanya kurang dari RM1,500. Ia akan diberi sebanyak RM15,000 setahun. Ini termasuk untuk *accommodation*, sara hidup dan keperluan-keperluan lain sebagai seorang pelajar. Perlu diingatkan di sini bahawa RM15,000 ini tidak sama dengan apa yang dah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Premier iaitu Bantuan Kewangan Khas (BKK), RM1,200. Itu untuk seluruh pelajar-pelajar, baiknya pelajar-pelajar di universiti swasta ataupun pelajar di universiti awam. Tetapi, *stipend* adalah khas untuk pelajar-pelajar yang akan masuk keempat universiti dan mempunyai *household income per kapita* sehingga RM1,500. Yang BKK tadi tidak ada kriteria seperti *per kapita household income*.

Soalan yang kedua amat penting sekali iaitu adakah *Free Tertiary Education Scheme (FTES)* ini akan memberi manfaat khususnya kepada pelajar-pelajar kita di luar bandar. Umum mengetahui bahawa keputusan mereka ataupun kebanyakan daripada pelajar-pelajar luar bandar dalam bidang sains ini, jumlah mereka amat berkurangan. Sebab itulah Kerajaan Sarawak melalui Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat telah diperuntukkan RM20 juta untuk mewujudkan *Sarawak Educational Enhancement Program (SEEP)* di mana kita akan memberi tuisyen secara percuma kepada pelajar Tingkatan Tiga, Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima dengan harapan mereka akan dapat mempunyai *qualification* yang cukup untuk memasuki universiti-universiti yang

menawarkan kursus-kursus STEM dan profesional tadi terutamanya nanti mereka akan mendapat *Free Tertiary Education Scheme (FTES)* skim ini; dan Insya-Allah dengan adanya *Sarawak Educational Enhancement Program (SEEP)* ini, kita percaya pelajar-pelajar di luar bandar akan dapat manfaat daripada skim ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat Encik Billy anak Sujang, Opar.

YB Encik Billy anak Sujang: Terima kasih, Tuan Speaker.

*Jiran saya ADUN N.2,
Dapat gelaran Timbalan Menteri,
Soalan saya 132,
Minta jawapan dari YB Menteri.*

Tanah NCR di DUN Opar

(132) YB Encik Billy anak Sujang bertanya kepada Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar: Penyukatan tanah masih lagi menjadi bualan dalam kalangan masyarakat di kawasan saya. Sehingga hari ini, berapa buah kampungkah tanah NCR mereka sudah lengkap disukat? Bilakah pengeluaran Surat Tanah akan dilaksanakan?

(147) YB Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada bertanya kepada Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar: Penyukatan tanah di bawah Seksyen 18 telah dilaksanakan oleh DBNA dengan kerjasama dan nasihat Jabatan Tanah dan Survei di beberapa buah kampung di kawasan DUN N.21 Tebedu. Bilakah geran tanah yang disukat di bawah inisiatif DBNS dikeluarkan?

Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar (YB Datuk Haji Len Talif bin Salleh): Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Opar dan terima kasih, Tuan Speaker. Sebelum saya menjawab soalan bagi Opar, izinkan saya untuk menjawab soalan 147 serentak bagi Ahli Yang Berhormat bagi Tebedu kerana soalan ini merupakan sama dari segi *subject matters* walaupun dari kawasan yang berbeza.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bagi Opar, setakat 30 April 2025, sebanyak 30 kawasan di dalam DUN Opar telah diluluskan untuk pengukuran perimeter, dengan 26 kawasan selesai diukur dan 18 daripadanya telah diwartakan sebagai Rizab Komunal Bumiputera (Pertanian). Beberapa kawasan masih dalam proses pengukuran, termasuk satu kawasan yang terlibat dengan bantahan. Di bawah peringkat kedua pula, sembilan kawasan telah diluluskan untuk pengukuran lot individu dengan tiga kawasan telah siap diukur dan lima kawasan masih dalam proses pengukuran. Sebanyak 1,411 surat hak milik tanah telah dikeluarkan di bawah Seksyen 18 Kanun Tanah Sarawak. Bagi pengukuran kampung tradisional, 10 kampung telah diluluskan dengan dua kampung telah siap diukur dan salah satu daripadanya telah dikeluarkan dengan 415 surat hak milik tanah. Pengukuran bagi lapan kampung lagi akan dimulakan tidak lama lagi tertakluk kepada kesediaan penuntut tanah di lapangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tebedu, setakat 30 April 2025, 23 kawasan di DUN Tebedu telah diluluskan untuk pengukuran perimeter dan semuanya telah selesai diukur. 19 kawasan daripadanya telah diwartakan sebagai Rizab Komunal Bumiputera (Pertanian). 12 kawasan telah diluluskan untuk pengukuran lot individu yang kebanyakannya didokumentasikan oleh Dayak Bidayuh National Association (DBNA). Lapan kawasan telah siap diukur sebahagiannya, manakala empat kawasan lagi akan diukur. Sebanyak 1,422 surat hak milik tanah telah dikeluarkan. Di bawah program pengukuran kampung tradisional, terdapat 13 kampung telah diluluskan dengan tujuh kampung siap diukur dan 1,230 lot telah dikeluarkan dengan surat hak milik tanah. Enam kampung lagi akan diukur bergantung kepada kesediaan penuntut tanah. Terima kasih.

YB Encik Billy anak Sujang: (Soalan Tambahan) Terima kasih, Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang pertama. Saya ada dua soalan tambahan iaitu:

- (a) Bagaimanakah cara untuk memastikan sesuatu permohonan pengukuran rumah individu diproses dan dilaksanakan dengan berkesan terutama di atas baki kawasan yang belum dimulakan pengukuran di kawasan DUN saya? dan
- (b) Bagi kawasan-kawasan yang telah diukur perimeter tanah NCR mereka di DUN Opar, bagaimanakah jika pemilik tanah ingin tanah *pemakai menoa* dan *pulau galau* mereka turut diukur oleh kerajaan? Terima kasih.

Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar (YB Datuk Haji Len Talif bin Salleh): Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Opar.

Bagi jawapan soalan no. 1, bagi memastikan permohonan pengukuran lot individu dapat diproses dan dilaksanakan dengan berkesan, penduduk tanah mestilah bersedia untuk tanah mereka diukur dengan mengenal pasti dan merintis sempadan tanah masing-masing dan mengemukakan pelan lakaran kasar berserta senarai nama penuntut tanah bersama-sama dengan permohonan mereka. Penubuhan jawatankuasa tanah atau *land committee* dalam kalangan para pengukur tanah adalah amat digalakkan dalam membantu kerja-kerja persediaan sebelum, semasa dan selepas pengukuran dilaksanakan.

Berdasarkan rekod di Jabatan Tanah dan Survei, terdapat kawasan yang diluluskan belum dapat dimulakan pengukuran kerana terlibat dengan pertikaian. Di samping itu, ketidakhadiran penuntut di lapangan juga telah menjejaskan program pengukuran lapangan. Oleh yang demikian, marilah kita sama-sama memastikan agar pertikaian dan perselisihan di antara penuntut-penuntut tanah dapat diselesaikan dengan segera demi memastikan kejayaan pengukuran lot individu dan pengeluaran hak milik tanah dapat dilaksanakan dengan segera.

Bagi jawapan soalan no. dua, bagi tuntutan di atas tanah pemakaian *menoa* dan *pulau galau* atau dikenali sebagai *Native teritorial Domain* (NTD) oleh sesebuah komuniti Bumiputera Sarawak, ianya boleh dikemukakan di Jabatan Tanah dan Survei Bahagian dengan melengkapkan dan mengembalikan borang NTD:

- (a) Yang boleh diperolehi daripada kaunter Jabatan Tanah dan Survei bahagian berkenaan; atau
- (b) Muat turun melalui laman sesawang Jabatan Tanah dan Survei Sarawak.

Sekian terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Awla bin Idris, N.25 Simunjan. Tebedu are you asking for a supplementary?

YB Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada: (Soalan Tambahan) Terima kasih, Timbalan Menteri di atas keprihatinan untuk menjawab soalan saya. Terima kasih, Tuan Speaker. Di sini saya ada dua soalan tambahan:

- (a) Apakah proses yang perlu dilalui bagi pengeluaran surat hak milik tanah di bawah Seksyen 18 Kanun Tanah Sarawak setelah ia diwartakan di bawah Seksyen 6 Kanun Tanah Sarawak? dan soalan kedua
- (b) Di kawasan DUN saya, terdapat beberapa keadaan di mana penuntut tanah asal telah meninggal dunia dan tanah mereka telah disukat secara lot individu. Namun, hari ini belum lagi dikeluarkan atas nama mereka. Apakah yang boleh dilakukan oleh waris kepada penuntut tanah tersebut bagi memastikan geran dapat dikeluarkan ke atas lot tersebut? Terima kasih.

Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar (YB Datuk Haji Len Talif bin Salleh): Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tebedu. Kira bernasib baiklah hari ini dapat dua soalan untuk dijawab.

Untuk menjawab soalan nombor 1. Bagi kawasan yang telah siap diukur perimeter dan diwartakan di bawah Rizab Lot Bumiputera Pertanian di bawah Seksyen 6 Kanun Tanah Sarawak.

Penuntut tanah yang bersedia untuk tanah mereka diukur secara lot individu hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis untuk mengukur...*(Inaudible)*...dan pengeluaran hak milik tanah di bawah Seksyen 18 Kanun Tanah Sarawak. Setelah kawasan tersebut siap diukur secara individu, Jabatan Tanah dan Survei akan menyediakan jadual tuntutan tanah hak milik bumiputera. Jadual tuntutan itu akan dipamerkan di tempat-tempat umum seperti surau, gereja, dewan dan balai raya, selain itu turut dipamerkan di Pejabat Daerah selama 30 hari. Paparan jadual tuntutan ini adalah bertujuan untuk memberikan ruang kepada mereka yang berkepentingan untuk menyemak jika terdapat sebarang kesilapan yang di dalam jadual tuntutan sebelum surat hak milik tanah di bawah Seksyen 18 Kanun Tanah Sarawak dikeluarkan.

Untuk menjawab soalan kedua, bagi tanah NCR yang telah diukur secara lot individu dan sedang dalam proses untuk dikeluarkan dengan surat hak milik tanah di bawah Seksyen 18 Kanun Tanah Sarawak kepada penuntut tanah yang telah meninggal dunia, waris pada penuntut tanah tersebut boleh menguruskan perkara berkaitan dengan pewarisan melalui probet setelah surat hak milik tanah didaftarkan di atas nama penuntut asal. Terima kasih.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, question time is up.

USUL PEMILIHAN AHLI DEWAN NEGARA

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, there should be one vacancy for Senator upon the expiry of the term of Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj Ibrahim with effect from 22nd July 2025. The vacancy is to be filled by way of election in this meeting and by this Dewan. The Dewan had been fully directed by Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak to hold an election to fill the vacancy for Senator that will be vacant on 22nd July 2025.

Setiausaha: Suratcara Pemilihan Seorang Ahli Dewan Negara diperbuat di bawah Seksyen 1(2), Jadual Ketujuh, Perlembagaan Persekutuan daripada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak kepada Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak:

BAHAWASANYA menurut Perenggan (a) Fasal (1) dalam Perkara 45 Perlembagaan Persekutuan, Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim telah dipilih sebagai Senator mulai dari 22 Julai 2022 untuk satu tempoh berakhir 21 Julai 2025.

DAN LAGI BAHAWASANYA pada menjalankan kuasa di bawah seksyen kecil (2) seksyen 1, Jadual Ketujuh Perlembagaan Persekutuan, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan memaklumkan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak bahawa mulai 22 Julai 2025 terdapat satu kekosongan dalam kalangan Ahli-Ahli Dewan Negara disebabkan tempoh jawatan Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim akan berakhir pada tempoh tersebut, dan oleh sebab itu, satu pemilihan untuk seorang Senator adalah diperlukan.

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, saya, **TUN PEHIN SRI DR HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR**, Darjah Kebesaran Seri Maharaja Mangku Negara, Darjah Utama Yang Amat Mulia Satria Bintang Sarawak, Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia Panglima Setia Mahkota, Darjah Utama Yang Amat Mulia Bintang Sarawak Panglima Negara Bintang Sarawak, Darjah Gemilang Seri Melaka, Darjah Yang Mulia Jasa Negara Panglima Jasa Negara, Darjah Yang Amat Mulia Setia Mahkota Malaysia Johan Setia Mahkota, Darjah Utama Yang Amat Mulia Bintang Sarawak Johan Bintang Sarawak, Darjah Utama Yang Amat Mulia Bintang Sarawak Pegawai Bintang Sarawak, Pingat Pemacu Cemerlang Jubli Intan (Emas), Yang di-Pertua Negeri Sarawak, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 1, Jadual Ketujuh Perlembagaan Persekutuan.

DENGAN INI menyatakan hasrat saya supaya seorang Senator harus dipilih mengikut peraturan-peraturan dalam Jadual Ketujuh Perlembagaan Persekutuan dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang akan datang, iaitu Mesyuarat Pertama bagi Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri Yang Kesembilan Belas.

Diperbuat di bawah tandatangan saya dan Mohor Besar Kerajaan Negeri Sarawak di Astana Kuching pada 10 haribulan April 2025.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, before the Dewan proceeds with the election, I would like to explain the procedure as provided in the Seventh Schedule of the Federal Constitution. Any of the Honourable Members of this House may propose a candidate if he or she so wishes and must be seconded by another Member. Either the Proposer or the Seconder must submit a statement in writing, signed by the person nominated, stating that he or she is willing to serve as a Senator if elected.

When all the nominations have been received, I shall announce the names of the persons nominated in alphabetical order and shall then put their names to the vote in that order. Each Member present shall be entitled to vote for as many as a candidate as there is a vacancy to be filled, and the names of the Members voting for each candidate shall be recorded; and if any Member casts a vote in addition to those allowed, that vote shall be void.

I shall ask the Secretary to call the Members one by one and upon his or her name being called, the Members, if he or she so wishes, may cast his or her vote for the candidate by saying "Yes" or "No". If a Member wishes to abstain, he or she shall remain silent, and I shall call his or her name a second time. If he or she still remains silent, an abstention shall be recorded against such Member.

If there is only one candidate nominated for the vacancy, the said mentioned procedure shall not apply, and I shall declare the candidate to be an elected candidate. Ahli-ahli Yang Berhormat, I shall now call for the nominations for the vacancy. Honourable Member Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan.

Timbalan Premier Sarawak, Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua; dan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan (YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan): Tuan Speaker, I rise to nominate Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad Bin Dato' Sri Haji Ibrahim to be elected as a Member of Dewan Negara (House of Senate) by this august House. Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad Bin Dato' Sri Haji Ibrahim telah dilahirkan pada 14 Ogos 1969 di Hospital Kanowit.

Pendidikan awalnya bermula di beberapa buah sekolah seperti sekolah rendah St. Teresa, Serian sebelum berpindah ke sekolah rendah St. Joseph, Kuching dan ke Sekolah Menengah St. Joseph, Kuching, beliau seterusnya melanjutkan pelajaran ke Kolej Ashbury, Ottawa, Canada.

Beliau telah dianugerahkan dengan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Perniagaan Antarabangsa (Kewangan) dari San Francisco University, California, Amerika Syarikat pada tahun 1995. Sekembalinya ke tanah air, beliau telah berkecimpung dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan program pembangunan sosial di samping tugas-tugas hakiki dalam bidang perbankan dan pengurusan perniagaan sehinggalah ke bidang politik yang tidak asing baginya.

Berbekalkan pengalaman yang luas dalam bidang politik, pada 18 Mei 2022, Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim telah dipilih oleh Dewan yang mulia ini sebagai Ahli Dewan Negara mewakili Sarawak bagi tempoh tiga tahun mulai 22 Julai 2022 hingga 21 Julai 2025.

Political Career

Tuan Speaker, Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim has been a proud member of Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) since 1996. He served as Information Chief for Ranting Kampung Paya Mebi (2009–2016) and has been the Branch Chairman of PBB Batu Kawa since 2009, consistently re-elected through multiple terms until today current term ending 2027.

He was elected as the Supreme Council Member of PBB Sarawak during both 2018 and 2025 PBB Triennial Delegates Conventions.

Apart from the above, Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim currently serves as Vice President of the Council of Malaysian Senators (Majlis Senator Malaysia).

Public Service and Community Leadership

Tuan Speaker, Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim had served as Deputy Municipal Chairman of Padawan Municipal Council (MPP) from 2016 to 2023, chairing and participating in various standing committees such as Public Health, Environment & Municipal Services, Sustainable Development Goals (SDGs), and General Purposes & Community Development.

He played a central role in organising flagship events like the MPP Bazaar Ramadan, MPP Padawan Raft Safari, MPP Pesta Telaga Air, MPP Borneo Highlands Nature Challenge and the Padawan International 4x4 Challenge (2017).

Youth and Sports Development

A lifelong advocate for youth development, Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim is a life member of Pertubuhan Belia Kebangsaan Bersatu Sarawak (SABERKAS) since 2006. He served as Branch Chairman for SABERKAS Batu Kawa (2012–2016) and is now Deputy Chairman of SABERKAS Batu Kitang (serving his third term until 2026).

He was twice elected as a Supreme Council Member of SABERKAS Negeri Sarawak and currently serves as the Internal Auditor of SABERKAS.

His contributions to sports include as a Patron to the Power Aquatics Swimming Club (PASC) and Kelab Muay Thai, I hope I pronounce it correctly. *Betulkah?* Kelab Muay Thai Kenyalang since 2023.

He was appointed Assistant Chef-de-Mission, *ini Tuan Speaker sahaja yang tahu bagaimana nak pronounce ni*, for Sarawak's contingent to SUKMA 2010 in Melaka, SUKMA 2018 di Perak, SUKMA 2022 di Kuala Lumpur and SUKMA 2024 di Sarawak. *Di mana kita Champion. Champion. Bagilah tepukan.*

He is also a life member of the United States Graduates Association (USGA) Sarawak Chapter, *Persatuan Melanau Miri, Koperasi Persatuan Melanau Miri*, and Sarawak Dayak Graduates Association (SDGA).

Despite his heavy public duties, Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim, has been continuously rendering exemplary services to the community through various non-governmental and charitable organizations.

Based on what I have mentioned here, I am confident that Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim, if elected as a Member of the Dewan Negara by this august House to represent Sarawak, would continue to serve the people of Sarawak with admirable commitments and to advance the interest of Sarawak as well as to safeguard our constitutional rights in the Dewan Negara. Besides, he has served Sarawak with dedication and distinction since he was elected as Senator.

Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim has submitted a statement in writing to the Secretary of this august House to signify his consent to be nominated for election to the Dewan Negara pursuant to Article 45(1)(a) read with the Seventh Schedule of the Federal

Constitution and if so elected by this august House, he agrees to serve a second term as Senator. I have a copy of this statement.

Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim is present in this Dewan. He is seated over there. Now he is standing. Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim has fulfilled the requirements stipulated in Article 47(a) of the Federal Constitution to be re-elected as a Member of Dewan Negara (House of Senate).

With that Tan Sri Speaker, I beg to nominate Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim to be re-elected by this august House. Thank you.

Tuan Speaker: I shall now call upon Yang Berhormat Datuk Amar Dr Sim Kui Hian to second the nomination.

Timbalan Premier Sarawak; dan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Ahli Dewan Undangan N.14 Batu Kawah (YB Datuk Amar Dr Sim Kui Hian): Tuan Speaker, I would like to second YB Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim as an elected member for Ahli Dewan Negara for the second term of this august House. I beg to second.

Tuan Speaker: I shall now call Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim to come forward to the center of the Dewan so that you all have a good look at the candidate. This is Yang Berhormat Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim, just nominated by Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan and seconded by Yang Berhormat Datuk Amar Dr Sim Kui Hian. Okay, thank you. Any other nominations? Any other nominations? I repeat for the third time, any other nominations? With that, I hereby declare that Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim is duly elected as Senator. Congratulations.

Secretary: Tuan Speaker, I have received a letter from YB Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Ibrahim dated 28th April 2025 to confirm his willingness to serve as a Senator if so elected.

RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN – BACAAN KALI YANG KEDUA

SUPPLEMENTARY SUPPLY (2024) BILL, 2025

Timbalan Premier Sarawak, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas): Tuan Speaker, I beg to move that the Supplementary Supply (2024) Bill, 2025 as contained in Command Paper No. 1 of 2025 laid on the Table on 19th May 2025 be read a second time. The Third Supplementary Estimates of Ordinary Expenditure 2024 as contained in Command Paper No. 1 of 2025 comprising an additional sum of RM153,769,197 is laid before the house in pursuant to Article 32 of the State Constitution. This additional expenditure is to meet the cost of various services incurred by various ministries and departments of which funds were not provided for or are insufficiently provided for in the 2024 Estimates.

Details of the additional expenditure are provided in Command Paper No. 2 of 2025. Tuan Speaker, I beg to move.

Tuan Speaker: Another Minister to second.

Timbalan Premier Sarawak, Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua; Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.82 Bukit Sari (YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan): Tuan Speaker, I beg to second.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, the question is that the Supplementary Supply (2024) Bill, 2025 be read a second time. As many as are of the opinion say "Yes".

Government: Yes...(Resounding "Yes")

Tuan Speaker: As many as are of the contrary opinion say "No". The "Yes" have it. The Bill is read a second time.

Bill is read a second time

**USUL UNTUK MEMBAWA RESOLUSI ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
TAMBAHAN KEDUA 2024 KEPADA JAWATANKUASA PERBEKALAN**

Timbalan Premier Sarawak, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas): Tuan Speaker, I beg to move that the following Motion be referred to the Committee of Supply; *"That this Dewan resolves to refer to the Committee of Supply the Second Supplementary Estimates of Development Expenditure, 2024 as contained in Command Paper No. 3 of 2025 laid on the Table on 19th May 2025"*

Command Paper No. 3 of 2025 is laid before the House in pursuant to Section 4(2) of the Development Funds Act, 1966. As presented therein, there are 29 sub activities and 37 sub-sub activities for which the additional provision are required. The total additional allocation required is RM18,924,724. The amount required has been vired from savings among the subheads concerned and/or advanced from the Contingencies reserved. The additional allocation is to meet the following Heads of Expenditure:

<u>Heads of Expenditure</u>	<u>Amount (RM)</u>
Head P.001 – Land Infrastructure	100
Head P.002 – Riverine Infrastructure	30
Head P.003 – Government Buildings	30
Head P.005 – Public Utilities	40
Head P.006 – Land Development	10
Head P.007 – Land Compensation and Residential Extension	20
Head P.008 – Urban Development	20
Head P.010 – Rural Development	10
Head P.013 – Public Finance	20
Head P.014 – Planning and Development	40
Head P.017 – Forestry	10
Head P.021 – Crop Agriculture	20
Head P.029 – Special Projects	12,424,354
Head P.031 – Development of Transport Sector	6,500,020
Total	18,924,724

Details on the additional expenditure are provided in Command Paper No. 4 of 2025. Tuan Speaker, I beg to move.

Tuan Speaker: Another Minister to second.

Timbalan Premier Sarawak; Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua; Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.82 Bukit Sari (YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan): Tuan Speaker, I beg to second.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, the question before the Dewan is that the Motion standing in the Order Paper in the name of the Second Minister for Finance and New Economy be referred to the Committee of Supply. As many as are of the opinion say “Yes”.

Government: Yes...(Resounding “Yes”)

Tuan Speaker: As many as are of the contrary opinion say “No”. The “Yes” have it. The Motion is agreed. We shall now resolve into the Committee of Supply to consider the Supplementary Supply (2024) Bill, 2025 and the Motion on the Second Supplementary Estimates of Development Expenditure, 2024.

COMMITTEE STAGE

COMMITTEE OF SUPPLY

[Tuan Pengerusi mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, we are now considering Command Paper No. 1 of 2025 and No. 3 of 2025 together with the Supplementary Supply (2024) Bill, 2025.

Honourable Members, we shall now consider Command Paper No. 1 of 2025. The question is that the amount in all Heads as set forth in the Third Supplementary Estimates of Ordinary Expenditure, 2024 be approved. As many as are of the opinion say “Yes”.

Government: Yes...(Resounding “Yes”)

Tuan Pengerusi: As many as are of the contrary opinion say “No”. The “Yes” have it. The Third Supplementary Estimates of Ordinary Expenditure, 2024 is approved.

Ahli-ahli Yang Berhormat, we shall now consider the Command Paper No. 3 of 2025. The question is that the amount in all Heads as set forth in the Second Supplementary Estimates of Development Expenditure, 2024 be approved. As many as are of the opinion say “Yes”.

Government: Yes...(Resounding “Yes”)

Tuan Pengerusi: As many as are of the contrary opinion say “No”. The “Yes” have it. The Second Supplementary Estimates of Development Expenditure, 2024 is approved. We shall now consider the Supplementary Supply (2024) Bill, 2025.

The Schedule

Tuan Pengerusi: The question is that the Schedule be considered to stand part of the Bill. As many as are of the opinion say “Yes”.

Government: Yes...(Resounding “Yes”)

Tuan Pengerusi: As many as are of the contrary opinion say “No”. The “Yes” have it. The Schedule is ordered to stand part of the Bill.

Clauses 1 and 2

Tuan Pengerusi: The question is that Clauses 1 and 2 be ordered to stand part of the Bill. As many as are of the opinion say “Yes”.

Government: Yes...(Resounding “Yes”)

Tuan Pengerusi: As many as are of the contrary opinion say “No”. The “Yes” have it. Clauses 1 and 2 are ordered to stand part of the Bill.

Enacting Schedules, Clauses and Title

Tuan Pengerusi: The Dewan shall now resume.

HOUSE RESUMED

[Tuan Speaker mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Premier Sarawak, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas): Tuan Speaker...(Interruption)...

Tuan Speaker: Hold on. Yes, proceed.

Timbalan Premier Sarawak, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas): Tuan Speaker, I wish to report that the Committee of Supply has considered the Supplementary Supply (2024) Bill, 2025; the Third Supplementary Estimates of Ordinary Expenditure, 2024; and the Second Supplementary Estimates of Development Expenditure, 2024; and agreed to without amendment.

RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN BACAAN KALI YANG KETIGA

SUPPLEMENTARY SUPPLY (2024) BILL, 2025

Timbalan Premier Sarawak, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas): Tuan Speaker, I beg to move that the Supplementary Supply (2024) Bill, 2025 be now read a third time and do pass.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, the question before the Dewan is that the Supplementary Supply (2024) Bill, 2025 be read a third time and do pass. As many as are of the opinion say “Yes”.

Government: Yes...(Resounding “Yes”)

Tuan Speaker: As many as are of the contrary opinion say “No”. The “Yes” have it. The Bill is read a third time and passed.

Bill is read a third time and passed

USUL UNTUK MELULUS RESOLUSI ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN KEDUA 2024

Timbalan Premier Sarawak, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas): Tuan Speaker, I beg to move that this Dewan resolves to approve the Second Supplementary Estimates of Development Expenditure, 2024 as contained in Command Paper No. 3 of 2025 as laid on the Table on the 19th May 2025.

Tuan Speaker: Any other Minister to second?

Timbalan Premier Sarawak; Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua; Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.82 Bukit Sari (YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan): Tuan Speaker, I beg to second.

Tuan Speaker: Thank you. The question before the Dewan is that the Dewan resolves to approve the Second Supplementary Estimates of Development Expenditure, 2024 as contained in Command Paper No.3 of 2025 as laid on the Table on 19th May 2025 be approved. As many as are the opinion say "Yes".

Government: Yes...(Resounding "Yes")

Tuan Speaker: As many as are the contrary opinion say "No", the "Yes" have it. The Motion is approved.

RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN – BACAAN KALI YANG KEDUA

SUPPLEMENTARY SUPPLY (2025) BILL, 2025

Timbalan Premier Sarawak, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas): Tuan Speaker, I beg to move that the Supplementary Supply (2025) Bill, 2025 as contained in Command Paper No.5 of 2025 as laid on the Table on 19th May 2025 be read a second time.

The First Supplementary Estimates of Ordinary Expenditure, 2025 as contained in Command Paper No. 5 of 2025 comprising an additional sum of RM237,660,520 is laid before the House in pursuant to Article 32 of the State Constitution.

This additional expenditure is to meet the following:

- (a) A total sum of RM100,000,000 is required by the Department of the Premier of Sarawak to cater for the rental of air-chartered services due to increased activities;
- (b) A sum total of RM72,264,000 is required by the Ministry of Education, Innovation and Talent Development to cater for the special pocket money initiative at RM1,200 per Sarawakian student pursuing a Diploma or Bachelor's Degree in higher education institutions throughout Malaysia;
- (c) A total sum of RM3,125,382 is required by the Ministry of Public Health, Housing and Local Government for the management of *Program Perumahan Rakyat* (PPR) rental flat by the Housing Development Corporation (HDC) in Kuching, Sibul and Bintulu.
- (d) A total sum of RM62,271,138 is required for the following ministries and departments to cover payment for special monthly allowance, *Bantuan Inisiatif Sara Hidup*, to all Sarawak Civil Servants effective January 2025:

Heads of Expenditure	Amount (RM)
Land and Survey Department	11,000,000
Agriculture Department	10,317,200
Public Work Department	9,652,665
Rural Water Supply Department	8,699,287
Irrigation and Drainage Department	4,237,178
Forestry Department	3,475,158
State Social Welfare Department	1,704,282
Department of the Premier of Sarawak	1,700,000
Museum Department	1,580,583
Syariah Judiciary Department	1,442,535
Administration Mukah Division	1,342,191
Administration Miri Division	996,092
Kapit Division	967,998

Sibu Division	843,017
Bintulu Division	810,055
Betong Division	763,074
Sarikei Division	741,356
State Mufti Department of Sarawak	620,772
Samarahan Division	466,445
Serian Division	211,189
Ministry of Public Health, Housing and Local Government	190,616
Sri Aman Division	158,196
Limbang Division	143,860
Department of Veterinary Services	107,550
Kuching Division	105,830
Total (RM)	62,271,138

Details on the additional expenditure are provided in Command Paper No. 6 of 2025. Tuan Speaker, I beg to move.

Tuan Speaker: Another Minister to second?

Timbalan Premier Sarawak, Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua; Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.82 Bukit Sari (YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan): Tuan Speaker, I beg to second.

Tuan Speaker: Thank you. Ahli-ahli Yang Berhormat, the question is that the Supplementary Supply (2025) Bill, 2025 be read a second time. As many as are of the opinion say "Yes".

Government: Yes... (Resounding "Yes")

Tuan Speaker: As many as are of the contrary opinion say "No". The "Yes" have it. The Bill is read a second time.

Bill is read a second time

USUL UNTUK MEMBAWA RESOLUSI ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN PERTAMA 2025 KEPADA JAWATANKUASA PERBEKALAN

Timbalan Premier Sarawak, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua, dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas): Tuan Speaker, Sir, I beg to move that the following motion be referred to the Committee of Supply, *"That this Dewan resolve to refer to the Committee of Supply the First Supplementary Estimates of Development Expenditure, 2025 as contained in Command Paper No. 7 of 2025 laid on the Table on 19th May 2025."* Command Paper No. 7 of 2025 is laid before the House in pursuant to Section 4(2) of the Development Fund Act, 1966.

As presented therein, there is one sub-activity and two sub-sub activities for which the additional provision of RM207,000,000 is required. The details are as follows:

- (a) RM100,000,000 is required to continue the implementation of various *Projek Rakyat*; and
- (b) RM107,000,000 is required to supplement financial assistance to eligible recipients throughout the state under *Sumbangan Keperluan Asas Sarawak* (SKAS) initiative.

Details on the additional expenditure are provided in Command Paper No. 8 of 2025. Tuan Speaker, I beg to move.

Tuan Speaker: Another Minister to second?

Timbalan Premier Sarawak, Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua; Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.82 Bukit Sari (YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan): Tuan Speaker, I beg to second.

Tuan Speaker: Thank you. Ahli-ahli Yang Berhormat, the question before the Dewan is that the Motion standing in the Order Paper in the name of the Second Minister for Finance and New Economy be referred to the Committee of Supply. As many as are of the opinion say "Yes".

Government: Yes... (Resounding "Yes")

Tuan Speaker: As many as are of the contrary opinion say "No". The "Yes" have it. The Motion is agreed. The Dewan shall now resolve into the Committee of Supply to consider the Supplementary Supply (2025) Bill, 2025 and the Motion of the First Supplementary Estimates of Development Expenditure, 2025.

COMMITTEE STAGE

[Tuan Pengerusi mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, we are now considering Command Paper No. 5 of 2025 and Command Paper No. 7 of 2025 together with the Supplementary Supply (2025) Bill, 2025.

COMMITTEE OF SUPPLY

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, we shall now consider Command Paper No. 5 of 2025. The question is that the amount in all heads as set forth in the First Supplementary Estimates of the Ordinary Expenditure, 2025 be approved. As many as are the opinion say "Yes".

Government: Yes... (Resounding "Yes")

Tuan Pengerusi: As many as are the contrary opinion say "No", the "Yes" have it. The First Supplementary Estimates of Ordinary Expenditure, 2025 is approved.

Honourable Members, we shall now consider Command Paper No. 7 of 2025. The question is that the amount in all heads as set forth in the First Supplementary Estimates of Development Expenditure, 2025 be approved. As many as are the opinion say "Yes".

Government: Yes... (Resounding "Yes")

Tuan Pengerusi: As many as are the contrary opinion say "No", the "Yes" have it. The First Supplementary Estimates of Development Expenditure, 2025 is approved. We shall now consider the Supplementary Supply (2025) Bill, 2025.

The Schedule

Tuan Pengerusi: The question is that the Schedule be ordered to stand part of the Bill. As many as are the opinion say "Yes".

Government: Yes... (Resounding "Yes")

Tuan Pengerusi: As many as are the contrary opinion say "No", the "Yes" have it. The Schedule is ordered to stand part of the Bill.

Clauses 1 and 2

Tuan Pengerusi: The question is that the Clauses 1 and 2 be ordered to stand part of the Bill. As many as are the opinion say “Yes”.

Government: Yes... (Resounding “Yes”)

Tuan Pengerusi: As many as are the contrary opinion say “No”, the “Yes” have it. Clauses 1 and 2 are ordered to stand part of the Bill.

Enacting Schedules, Clauses and Title

Tuan Pengerusi: The Dewan shall now resume.

HOUSE RESUMED

[Tuan Speaker mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Premier Sarawak, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas): Tuan Speaker, I wish to report that the Committee of Supply has considered the Supplementary Supply (2025) Bill, 2025; the First Supplementary Estimates of Ordinary Expenditure, 2025; and the First Supplementary Estimates of Development Expenditure, 2025 and agreed to without amendment.

RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN – BACAAN KALI YANG KETIGA

SUPPLEMENTARY SUPPLY (2025) BILL, 2025

Timbalan Premier Sarawak, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas): Tuan Speaker, I beg to move that the Supplementary Supply (2025) Bill, 2025 be now read a third time and do pass.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, the question before the Dewan is that the Supplementary Supply (2025) Bill, 2025 be read a third time and do pass. As many as are of the opinion say “Yes”.

Government: Yes... (Resounding “Yes”)

Tuan Speaker: As many as are the contrary opinion say “No”, the “Yes” have it. The Bill is read a third time and passed.

Bill is read a third time and passed

**USUL UNTUK MELULUS RESOLUSI ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
TAMBAHAN 2025**

Timbalan Premier Sarawak, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas): Tuan Speaker, I beg to move that this Dewan resolves to approve the First Supplementary Estimates of Development Expenditure, 2025 as contained in Command Paper No. 7 of 2025 as laid on the Table on 19th May 2025.

Tuan Speaker: Any other Minister to second?

Timbalan Premier Sarawak, Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua; Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.82 Bukit Sari (YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan): Tuan Speaker, I beg to second.

Tuan Speaker: Thank you. Ahli-ahli Yang Berhormat, the question before the Dewan is that the Dewan resolves to approve the First Supplementary Estimates of Development Expenditure, 2025 as contained in Command Paper No. 7 of 2025 as laid on the Table on 19th May 2025 be approved. As many as are the opinion say "Yes".

Government: Yes... (Resounding "Yes")

Tuan Speaker: As many as are the contrary opinion say "No", the "Yes" have it. The motion is approved.

*Question is put and agreed to
Motion is approved*

**SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL PENGHARGAAN ATAS UCAPAN
TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK**

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, under Standing Order 31(8), I hereby limit members speeches to a maximum of 20 minutes. Any Honourable Member who wishes to speak? Honourable Member for Machan.

YB Encik Allan Siden Gramong: Tuan Speaker, Salam sejahtera, dan Salam Sarawakku Sayang. Terima kasih, Tuan Speaker kerana telah memberi peluang kepada saya untuk berucap pada hari ini. Dengan ini, saya ingin menzahirkan rasa bersyukur kerana telah diberi peluang serta ruang dalam sesi perbahasan di Dewan yang mulia ini sempena Persidangan Mesyuarat Pertama bagi Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Sarawak ke-19.

Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar yang sentiasa prihatin dan mengambil berat isu dan cabaran terkini yang terjadi di Sarawak. Seperti yang diucapkan di dalam ucapan beliau tempoh hari, Tuan Yang Terutama telah menekankan supaya Kerajaan Negeri Sarawak dapat menjadikan Sarawak sebagai sebuah negeri yang berpendapatan tinggi dan dipandang oleh negara-negara Asia dan seluruh dunia.

Tuan Speaker, ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan di atas kepimpinan yang telah ditunjukkan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg dan dalam pelbagai peluang ekonomi di bidang strategik seperti tenaga hijau dan teknologi digital. Tahniah juga kepada YAB Premier serta Kerajaan Sarawak kerana telah mengambil alih Bintulu Port Authority dan MASWings untuk memperkukuhkan hab logistik serantau. Ini membuktikan betapa pentingnya impak kestabilan politik di Sarawak dalam meningkatkan ekonomi Sarawak dalam bidang perdagangan, perindustrian dan pelancongan.

Tuan Speaker, Kerajaan Sarawak sentiasa peka dalam isu keperluan rakyat dengan mewujudkan pelbagai polisi dan inisiatif baru demi kesejahteraan rakyat di Sarawak. Justeru itu saya menyeru agar kita bersama-sama memelihara kestabilan ini kerana Kerajaan GPS di bawah kepimpinan YAB Premier telah berjaya menaikkan nama Sarawak ke tahap yang tinggi sehingga Bank Dunia telah menobatkan Sarawak sebagai negeri yang berpendapatan tinggi di Malaysia.

Tuan Speaker, di Dewan yang mulia ini juga saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB Premier dan Kerajaan Sarawak kerana telah memeteraikan satu persefahaman penting demi kemajuan Sarawak dan Malaysia iaitu melibatkan kerjasama strategik antara dua syarikat utama dalam industri minyak dan gas negara; PETROS dan PETRONAS pada tarikh 21 Mei 2025 kelmarin. Ianya bakal membuka banyak peluang pelaburan di dalam sektor minyak dan gas Sarawak dan memperkukuhkan kedudukannya dalam industri minyak dan gas dunia. Ini merupakan hari yang bersejarah buat kita rakyat Sarawak kerana telah berjaya selangkah lebih dekat untuk matlamat kita selaras dengan negeri yang berpendapatan tinggi terutamanya ke atas pengurusan dan pengagihan sumber minyak dan gas di negeri kita, Sarawak.

Tuan Speaker, dengan kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat Satok atas pelantikan beliau sebagai Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak yang bertanggungjawab ke atas Sarawak Energy Berhad dan Petroleum Sarawak Berhad (PETROS). Beliau memainkan peranan penting dalam menyelaraskan pembangunan sektor tenaga dan gas di Sarawak.

Tuan Speaker, izinkan saya untuk mengetengahkan isu di kawasan saya N.50 Machan.

Isu Tekanan Air Rendah Serta Sumber Bekalan Air Bersih

Saya difahamkan bahawa Projek Bekalan Air ke kawasan Majau, Mam, Batu Luking, Poi dan Menalun Kanowit yang bakal dilaksanakan di bawah *Rolling Plan 5*, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) oleh Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB), baharu saja diluluskan dan kini di dalam proses pelantikan perunding oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). Jika benar projek ini diluluskan, ianya akan memberi manfaat kepada 754 isi rumah yang merangkumi 43 rumah panjang dan tiga buah sekolah.

Tuan Speaker, saya telah membuat pertemuan bersama pihak EPU baru-baru ini berkenaan tempoh pelaksanaan projek ini, jadi amat besarlah harapan saya agar pihak Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi untuk mempercepatkan tempoh pelaksanaan projek ini terutamanya di dalam proses *value management* kerana kos projek ini melebihi 50 juta dan bakal mengambil masa yang lama untuk dilaksanakan. Jadi amat besarlah harapan saya agar projek ini dilaksanakan secepat yang mungkin kerana isu bekalan air ke kawasan Majau, Mam, Batu Luking, Poi dan Menalun Kanowit ini telah lama saya pohon dan baru sekarang membuahkan hasil. Saya memohon sekali lagi agar projek ini diutamakan dan dipercepatkan proses pelaksanaannya dengan kadar segera.

Tuan Speaker, rakyat di sana sudah lama menunggu bekalan air bersih terutamanya untuk menjalankan rutin harian dan juga pada hari perayaan. Saya menyeru bagi pihak saya agar YAB Premier serta Menteri tolonglah mempercepatkan lagi pelaksanaan projek ini.

Bina Baru Jalan dari Sungai Machan ke Nanga Geremai

Tuan Speaker, jalan merupakan salah satu kemudahan asas yang amat diperlukan oleh semua penduduk tak kira di bandar atau di luar bandar. Jalan juga diperlukan untuk membuka peluang sosioekonomi di luar bandar yang sejajar dengan matlamat dan tujuan Yang Amat Berhormat Premier untuk mengangkat ekonomi luar bandar. Dengan itu, saya berhasrat supaya Kerajaan Sarawak membina baru jalan dari rumah Joanis Giri Nanga Geremai ke Rumah Henry Ajol Sungai Machan. Diharapkan dengan siapnya jalan dan jambatan baharu ini kemudahan lain seperti bekalan elektrik, bekalan air dan perkhidmatan telekomunikasi akan dapat dikembangkan ke kawasan-kawasan ini. Ia juga bakal menggalakkan lebih banyak tanah diusahakan secara tak langsung merancakkan sosioekonomi serta kegiatan pertanian penduduk setempat bagi pembangunan ekonomi.

Tuan Speaker, saya telah dimaklumkan oleh agensi yang bertanggungjawab bahawa sebanyak RM80 juta diperlukan untuk menampung kos pembinaan jalan Rumah Panjang Joanis Giri Naga Geremai ke Rumah Henry Ajol dengan menggunakan kaedah *standard gravel road* sepanjang 12 kilometer. Saya berharap kerajaan meluluskan permintaan saya ini.

Sekiranya projek ini dilaksanakan, ia akan membuka peluang kepada penduduk yang mempunyai tanah di sepanjang jalan tersebut untuk dimajukan sebagai kawasan yang berpotensi besar di dalam sektor pertanian. Ini akan memanfaatkan 19 buah rumah panjang dan merangkumi sejumlah 387 pintu rumah. Ia juga selari dengan visi dan misi YAB Premier untuk meningkatkan pendapatan isi rumah pada tahun 2023.

Jalan Raya

Tuan Speaker, saya ingin mengetengahkan kembali mengenai permintaan rakyat saya yang tinggal di kawasan Ulu Poi dan Ulu Machan.

Untuk Jalan Ulu Poi, saya difahamkan bahawa Jabatan Pengairan dan Saliran merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan projek Jalan Ulu Poi. Saya juga difahamkan bahawa kos untuk menyiapkan jalan tersebut tidak mencukupi. Boleh saya mengetahui apakah status terkini projek tersebut? Jika bajet untuk projek tersebut tidak mencukupi, saya berharap Kerajaan Negeri Sarawak dapat menambahkan bajet untuk projek tersebut kerana ia akan memberi manfaat kepada enam buah rumah panjang dan sebuah sekolah rendah.

Bagi Jalan Ulu Machan, dari Nanga Jerangku ke Rumah Lajang, Ulu Machan, saya difahamkan bahawa projek tersebut masih di dalam proses *design stage* di bawah peruntukan Kerajaan Pusat iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Oleh itu, saya ingin mengetahui apakah status terkini mengenai projek tersebut?

Tuan Speaker, penduduk di Kampung Muhibbah telah membuat aduan mengenai jalan yang menuju Kampung Muhibbah Kanowit. Jalan tersebut merupakan akses jalan utama untuk penduduk ke Pekan Kanowit yang lama tidak diselenggara. Jalan tersebut semakin mengalami kerosakan yang amat teruk apatah lagi lori-lori yang melalui jalan itu ketika kerja-kerja pembinaan parit utama di sekitar perumahan. Saya berharap pihak yang bertanggungjawab dapat mengambil tindakan segera bagi menangani isu ini agar keselamatan penduduk setempat terjamin.

Tuan Speaker, semasa bencana banjir melanda di kawasan Machan, terdapat jalan-jalan yang telah mengalami kerosakan akibat bencana ini. Antaranya,

- (a) Jalan Ranan-Durin;
- (b) Jalan Lipus;
- (c) Jalan menuju Pekan Machan; dan
- (d) Jalan Batu Luking menuju ke Rumah Surat, Nanga Mitam.

Sebelum keadaan menjadi lebih buruk dan parah, saya berharap agar agensi berkenaan boleh mempercepatkan lagi proses membaik pulih jalan-jalan tersebut untuk mengelakkan sebarang kemalangan dan putusny jalan.

Tuan Speaker, Jalan Batu Luking menuju ke SRK Batu Luking perlu juga dibaik pulih kerana keadaan jalan yang beralun serta berlubang. Ini berikutan keselamatan anak-anak sekolah yang melalui jalan di kawasan sekitar tersebut amat membimbangkan saya. Justeru itu, diharap agar agensi yang bertanggungjawab mengambil perhatian dan tindakan sebelum terjadinya apa-apa yang tidak diingini berlaku.

Tuan Speaker, saya pasti banyak pengguna Pan Borneo mengetahui isu bulatan simpang Kanowit. Di mana bulatan tersebut kerap berlaku kemalangan jalan raya dan telah mengakibatkan beberapa insiden nahas yang telah berlaku baru-baru ini. Saya berharap pihak yang bertanggungjawab untuk menganalisa dan meneliti secara terperinci apakah keperluan untuk mengatasi masalah tersebut.

Kerapnya berlaku kemalangan ini ialah satu isu yang sangat penting sebab ada di Machan, seorang yang kita kenal, Yang Arif, juga telah kemalangan di sana.

Projek Menaik Taraf dan Mengubahsuai Bus Terminal di Pasar Tamu Kanowit

Tuan Speaker, Kanowit merupakan sebuah pekan kecil yang giat mengalami pertumbuhan pesat dalam sektor penduduk dan perniagaan. Justeru itu, seiring dengan peningkatan penduduk dan aktiviti ekonomi, terdapat permintaan yang amat tinggi dalam kalangan rakyat untuk

mendapatkan ruang perniagaan dan kiosk agensi-agensi kerajaan yang lebih lengkap dan berfungsi. Dengan itu, saya berhasrat untuk menaikkan taraf dan mengubahsuai *bus terminal* di pasar tamu Kanowit sebagai *Kanowit Economic Centre* (KEC) di bawah peruntukan Kerajaan Negeri Sarawak bagi memenuhi kehendak dan permintaan yang tinggi ini di kawasan saya.

Dengan adanya projek ini, ia akan memenuhi kehendak dan keperluan penduduk dengan menawarkan kombinasi ruang pejabat, kiosk dan kedai yang dapat digunakan oleh pelbagai jenis perniagaan, perkhidmatan dan pejabat korporat. Di samping manfaat ekonomi, pembangunan projek ini juga bertujuan untuk memperbaiki imej pekan Kanowit.

Tuan Speaker, tujuan utama saya adalah untuk memberikan keselesaan kepada penduduk dan ia akan mempercepatkan proses urbanisasi, meningkatkan pendapatan kerajaan tempatan dan bakal memberi peluang pekerjaan kepada komuniti Kanowit.

Naik Taraf Jalan

Tuan Speaker, di Dewan yang mulia ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengetengahkan permintaan kesemua rakyat di kawasan Bukong Jagoi Lesih/ Jalan Penyulau Lukut/ Jalan Kanowit Song/ Jalan Mission Kanowit dan Jalan Sekuau Rantau Kemiding Melipis Lipus untuk dinaiktarafkan.

Tuan Speaker, untuk makluman, jalan tersebut kerap terputus hubungan apabila berlaku banjir kilat. Ini merupakan tanggungjawab saya untuk mengutarakan isu ini di Dewan yang mulia bagi menangani masalah yang sering mengganggu perjalanan penduduk terutamanya penduduk di kawasan tersebut. Kawasan yang disebut sering kali banjir sehingga mencecah ke paras 5 sehingga 8 kaki, dan penduduk di kawasan tersebut tidak dapat keluar membeli barangan keperluan asas kerana jalan itu merupakan satu-satunya jalan akses untuk ke Pekan Kanowit.

Tuan Speaker, dewan masyarakat ialah kemudahan yang penting untuk sesebuah kawasan. Oleh itu, sebuah dewan masyarakat amat diperlukan di Kanowit untuk aktiviti sukan, majlis keramaian, mesyuarat JKKK dan sebagainya. Walaupun Kanowit mempunyai dewan pejabat daerah, tetapi dewan tersebut sentiasa digunakan oleh agensi-agensi kerajaan untuk program rasmi kerajaan.

Tuan Speaker, dengan ini saya berharap agar Kerajaan Negeri Sarawak untuk mempertimbangkan cadangan saya untuk membina dewan masyarakat di pekan Kanowit supaya penduduk Kanowit boleh menikmati fasiliti tersebut.

Telekomunikasi

Tuan Speaker, usaha Premier dalam menyasarkan negara berpendapatan tinggi telah menjadi kenyataan apabila Negeri Sarawak telah diiktiraf oleh Bank Dunia sebagai sebuah wilayah berpendapatan tinggi dan merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia dan menurut Pelan Tindakan Ekonomi Digital Sarawak 2030, fasa ketiga iaitu menjadikan Sarawak sebagai sebuah negeri digital menjelang 2030.

Tuan Speaker, di Dewan yang mulia ini, saya ingin bertanya bolehkah kementerian yang terlibat menyenaraikan mana-mana satu menara pemancar yang telah siap dan belum siap di bawah DUN Machan? Dan juga rangkaian Telco apakah yang telah ditetapkan di kawasan-kawasan tersebut?

Tuan Speaker, saya dengan sukacitanya menyatakan bahawa saya menyokong penuh Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan dengan kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua pendidik dalam mendidik generasi-generasi baru yang akan melahirkan generasi yang berguna dan berbakti kepada keluarga dan negara dan saya juga mengucapkan Selamat Hari

Gawai Dayak tahun 2025 ngagai kitak semua, *Gayu Guru Gerai Nyamai, Lantang Senang Nguan Menua*. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Member for Katibas.

YB Encik Lidam anak Assan: Tuan Speaker, thank you for allowing me to participate in the debate on His Excellency, the Governor of Sarawak speech in this august House, but, before I proceed any further, *ingin saya umumkan bahawa di galeri kita pada pagi ini, sejumlah 27 murid dari Tingkatan 4 dan tujuh orang guru, empat orang pegawai bersama kita dari Katibas*. Mereka datang ingin menyaksikan bagaimana prosedur dewan kita dan mungkin mereka hendak tengok wakil rakyat mereka berucap pada pagi ini. Kita alu-alukan.

Tuan Speaker, it is an honour and privilege to stand here again in this august House to represent the people of Katibas. Rakyat Katibas and I would like to congratulate our Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar on his visual and futuristic speech founded among others on PCDS 2030, economic prosperity, social inclusivity, environmental sustainability and political stability. Also, I would like to put on record our heartiest gratitude in our unwavering support for GPS Government under the Premiership of Yang Amat Berhormat Premier Sarawak and all his Cabinet members to realized the aspiration of *Sarawak Maju Makmur*, Sarawak First, *Intu Sarawak*. Also, including but not limited defending Sarawak rights as enshrined in MA63 and IGC reports.

To our Premier Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, there is almost no words good enough to describe his rectitude, bravery and strategic acumen in defending the right of Sarawak. His leadership is marked by unwavering resolve in the rare strategic intellect that navigates and sets a new hope for every Sarawakian.

As a team member of the GPS components, Katibas will swim and sink together with you, Sir. Terima kasih, Abang Jo.

Tuan Speaker, I wish to thank the staff of the state and federal administration office who had been working hard to facilitate the implementation of our development project as successful one. They are the staff of Pejabat Residen, Pejabat Daerah Song, Jabatan Kerja Raya, Majlis Daerah Kapit, Jabatan Tanah dan Survey Kapit, Pejabat Pendidikan, Department of Irrigation, Jabatan Bekalan Air Luar Bandar dan jabatan-jabatan yang lain. Terima kasih semua.

Tuan Speaker, I wish to extend our appreciation to the Deputy Premier, the Second Minister for Natural Resources on Urban Development; and Land and Survey Department for the approval of perimeter Survey Section 6 for Katibas which has commenced since January 2024 and survey work is still in progress as of May 2025. To date we have surveyed 78% of 89,000 hectares of Section 6 for Katibas. I continue to request the minister to provide funding to enable us to complete Section 6 of our land so that we can alienate the communal land against the State Land. I am in preparation for green initiatives such as forest carbon, that is coming our way.

Tuan Speaker, I have submitted several development proposals for immediate implementation for Katibas to achieve PCDS2030 together with all of you so that, *“Enti Katibas Enda Mansang Sarawak Enda Meh Mansang”*.

Notwithstanding that, I am honoured to stand before you, Sir to shed light on a fundamental progress of rural infrastructure development projects in DUN Katibas:

- (a) Thank you YAB Datuk Patinggi Tan Sri Abg Jo for the successful *Project Rakyat to construct tendering of road to Jalan Ulu Bangkit and the Katibas Bridge at Ng Bangkit*.

- (b) I also have submitted the Listing of roads in DUN Katibas to the Honourable Deputy Premier, Minister for Infrastructures, Port Development and JKR Sarawak for the allocation and construction of roads to be included in RMK13 among others are Phase 2 & 3 Sg Bangkit, Engkuah to Ulu Katibas, Sg Tekalit, Sg. Musah, Sg. Iran, Sg. Song, Sg Lijau, Sg. Manap.
- (c) There is also long an outstanding bridge crossing at Rh Jamba, Sg Iran. This need to be completed as soon as possible.
- (d) Musah bridge is also equally critical for the completion of URDA project from Ng Banjor to Makut and further development of infrastructures in upper Katibas. The bridge is ready for tender by second week June 2025 as informed by Jabatan Kerja Raya Kapit.

Tuan Speaker, I urge Upper Rajang Development Agency (URDA) to expedite the construction of Banjor Makut Road and review the construction of Makut to Ng. Lian road. The two projects have been long outstanding, and it put upper Katibas development will be in jeopardy, if this road is not properly and timely reconstructed.

Tuan Speaker, global warming is not just a scientific issue; it is a human, social, and environmental concern that affects every one of us. DUN Katibas had suffered this due to heavy rainfall phenomena that caused highest ever flood in Katibas. It has caused several landslides affecting our longhouses, road access and crops along the riverbanks. The recent flood from January till March 2025 requires RM43 mill for mitigation works. As of today, we only received allocation for repair work at Jalan Temalat. There are some outstanding mitigation works request since previous disasters and as such I urge the SDMC or Government of Sarawak to expedite the funding or find ways to make sure timely disbursement of fund for mitigation work. Delaying our respond means worsening the situation and endangering lives of the disaster victims.

Tuan Speaker, as ADUN for Katibas, I am very thankful for the assistance by various agencies both state and federal that are working tirelessly together with myself and YB Dato Sri MP bringing development to District like Song. Song District needs a lot of development and without the good co-operation from the local communities and the civil servants working in the district, it is almost impossible to achieve the development. Without any attractive offers to stay and work in this remote Division like Kapit particularly in Song, those from outside are not motivated to accept any job offer even though it is a secure and permanent job.

I received information even those successful candidates who were offered post of grade 9 and 5 bluntly rejected when they heard of the postings are in Kapit Division. This clearly shows how people are scared to serve in Kapit thus depriving us of the intellectuals or professionals from outside to serve in remote districts in Kapit particularly in Katibas.

Thus, we must also understand the sacrifices made by those currently serving in Kapit Division particularly in my constituency Katibas where they leave their family, their hometown and the comfort they have in town. Such sacrifices and commitments should be given due recognition. One way is by giving them the extra allowances or perks and privileges that was once given to those serving in the remote areas. Therefore, I appeal to the State Government to reinstate the *Elaun Bertugas di Kawasan Pedalaman* (EBKP) which was terminated in January 2024 to those serving in rural areas, *macam kita bagi kat Cikgu, ada elaun untuk P1, P2 dan P3 dan saya mohon untuk penjawat awam kita di Sarawak, inilah peluang kita menghargai sumbangan mereka, lebih-lebih lagi mereka yang bertugas di luar kawasan.*

Tuan Speaker, the establishment of *Jawatankuasa Keselamatan dan Kesejahteraan Kampung* or in short JKKK play a pivotal and integral role in any village or longhouse. The socio-economic well-being and development of the community depends so much on the smooth running and functions of these JKKKs. Therefore, a community to prosper a non-governmental organisation like JKKK need to exist together. As we go forward a developed State as in PCDS2030, we need JKKKs to continue to be there as the backbone of the community.

In my constituency, there are increasing numbers of people coming back and resettle in the kawasan. This is due because of the new opportunity, new openings of our land, we survey our lands, and we provide road accessibility and now people start coming back. Because of this attraction that we have available, the opportunity that we offered to the people, there are people resettle in town. In addition, because of our rural urban migration people resettle already here and there in the *kampung*.

I understand the government has difficulties to provide quotas to new appointment of *Ketua Kampung* and in addition to that the government also now restraint from issuing a support letter for the *kampung* to open their account with the bank which the bank requires. In the absent of the support letter, our JKKK cannot open their account and therefore, as government we cannot function to provide assistance. Therefore, I hereby appeal to the State Government to allow flexibility to provide support letter to our JKKK so that they can open their account and we can reach out for them and this is our request by Katibas.

Tuan Speaker, preserving our historical sites is super important for various reasons such as cultural, educational, economic and even emotional. This historical site connects us to our roots. They tell us the story of what had happened and losing them would be like tearing our page of history books that we can never re-write. I firmly believe that the tourism industry holds great potential to be a game changer for Sarawak and more so for Katibas. In the early 1900s, 19th century, we have *Balang Balai Nyabong* which was recognized by the local communities in Katibas as pioneer to open the Katibas a country that we stay now. I feel deeply saddened that, not much is written about him and his contribution. My team is currently working on documenting this history, as it appears there has been a historical oversight regarding his role as a pioneer of Katibas. We hope to establish a statue in his honour not only as a lasting tribute to his legacy but also as a historical landmark that can serve as a point of interest for visitors and tourists that coming to Katibas. I hereby request the State Government to support this initiative to establish a landmark besides arranging Sarawak culture and arts.

In 1971, Katibas became the first site river ambush in the history of Malaysian Armed Forces. During this tragic incident, seven army personnels lost their lives. The unit was led by Second Lieutenant General Anwar Basha Khan (still alive now residing in Kuching) and was traveling in two boats. Yes, I remember the incident vividly in 1973. Together with my team also, we are working on to preserve the site so that the bravery and the sacrifices of our armed forces will forever be remembered in the story of our nation-building. May the fighting spirits '*Agi Idup Agi Ngelaban*' continue to thrive and may we all live and let live. I would also like to request the funding from the State Government to support the preservation of that site.

Tuan Speaker, I want to correct the misinformation and the need for clarity on Sarawak oil and gas. We have seen a growing number of misleading narratives circulating online and in certain public forums that misrepresent Sarawak's legal position and long-standing role in the management of our oil and gas resources. Let us be clear that these narratives are not only inaccurate, they risk undermining public confidence and distorting the constitutional reality that underpins Sarawak's rights. It is our responsibility to correct the record and present the facts that are grounded in law, history, and institutional practice.

Tuan Speaker, under the stewardship of the Yang Amat Berhormat Premier, the Sarawak Government has taken a deliberate, constitutional path to reclaim what is rightfully ours.

This journey has not been reactionary. It has been structured, legal, and principled through negotiations, institutional strengthening, and by asserting Sarawak's rights within the framework of the Federal Constitution and the Malaysia Agreement 1963 (MA63).

Sarawak's Oil and Gas Industry Predates Malaysia

Tuan Speaker, Sarawak's oil and gas legacy began well before Malaysia existed. In 1910, the Sarawak first oil well, the Grand Old Lady in Miri, was drilled and operated under Sarawak's own jurisdiction. For over five decades, this sector operated under Sarawak's laws, with foreign partners respecting the state's regulatory authority. This is not a theory. This is a historical fact. Ini adalah fakta.

In the 1958, Sarawak enacted the Oil Mining Ordinance (OMO) to regulate petroleum activities on our shores and offshore. This Ordinance provided a full regulatory framework for licensing, enforcement and oversight for our State of Sarawak. The existence of this law at that time makes it unequivocally clear, Sarawak was already governing its own resources. Sarawak has already governing its own resources, I repeat.

Tuan Speaker, for the information of this august House, the Oil Mining Ordinance, 1958 (OMO) has never been repealed. The OMO, 1958 has never been repealed. It remains in full force and continues as a legal basis for Sarawak's authority over petroleum exploration, development within our territory, including our Continental Shelf. This is not merely symbolic, this is enforceable law, this is enforceable law.

Tuan Speaker, in PDA 1974, there has been a procedural and legal gaps. The Petroleum Development Act, 1974 was enacted during the state of emergency, *masa darurat*, with no input, no consent, no debate in this honourable House. No formal endorsement was ever given by the Sarawak Government. The so-called vesting Order that followed was not the product of mutual agreement; it was imposed on Sarawak. It was imposed on Sarawak. Are we under duress that time? No. It was imposed on us.

Let us also be reminded that the Chief Minister at that time had no constitutional power to surrender the state's rights over natural resources. Legal scholars over the country or maybe international have long recognised that these rights are entrenched and cannot be lawfully transferred without the consent of this House.

Lastly, Tuan Speaker, I want to touch on the MA63 and the constitutional guarantees that the Malaysia Agreement, 1963, is not an ordinary statute. It is an international treaty signed by the sovereign government as the foundational document for formation of Malaysia. It preceded and shaped the Federal Constitution as it applies to Sabah and Sarawak.

The MA63 is not negotiable in Parliament. Ada orang-orang nak bawa MA63 ke Parlimen sebab dia tahu kita Sarawak mempunyai 31 Ahli Parlimen dan jika di bawa di Parlimen, mengundi, kita pasti, kita pasti kalah. Dan apa jadi seterusnya? Kita bayangkan. It cannot be amended or disregarded through Federal Legislation. Sarawak's rights are not derived from political goodwill. They are guaranteed by the founding document of this nation. It affirms Sarawak's rights to control its natural resources, land, and local governance. They are not claims made in isolation, they are obligations agreed upon at the formation of the Federation.

The continued application of federal laws, including the Petroleum Development Act, 1974 (PDA) without Sarawak's consent and in defiance of the MA63, raises serious constitutional and legal concerns. Let us be very clear, Parliament has no authority to override Sarawak's rights enshrined in the MA63. These rights were never granted by Parliament, and so they cannot be taken away by Parliament. They are embedded in the constitutional structure of Malaysia.

Tuan Speaker, let us be clear, Sarawak is not asking for more than what we had agreed. We are asking for what was promised. The time has come to move beyond misinformation and partisan narratives that distort historical and legal facts. And we can call upon all parties to respect the spirit and letter of MA63. This is not just a political argument, it is a matter of historical record.

It is grounded in law, and it is justified by facts. Let us no longer allow the narrative to be rewritten by others. The record is clear, Sarawak has always had the right, and Sarawak still retains that right to govern and benefit from our oil and gas.

In view of the above, Tuan Speaker, Katibas support the Motion of His Excellency the Governor of Sarawak. Thank you.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, we have a break. Sitting resumes at 12.00 p.m.

(Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.40 pagi)

(Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.23 tengah hari)

(Tuan Speaker mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat bagi Repok.

YB Dato' Sri Huang Tiong Sii: Tuan Speaker, terima kasih. Salam sejahtera, Salam Sarawakku Sayang, Salam Sarawak Maju Makmur.

Tuan Speaker, saya ingin turut serta untuk merakamkan penghargaan dan sokongan di atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar semasa pembukaan Mesyuarat Pertama bagi Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 19 Mei 2025 yang lalu. Sesungguhnya Tuan Yang Terutama Tun amat prihatin terhadap kebajikan seluruh rakyat di Sarawak dan dalam masa yang sama turut mengambil berat terhadap hala tuju serta pembangunan keseluruhan Sarawak pada masa yang akan datang. Segala nasihat serta saranan Tuan Yang Terutama Tun sudah semestinya akan dijadikan panduan sebagai hala tuju Sarawak yang lebih progresif di masa yang akan datang.

Tuan Speaker, sebagai pembuka bicara di Dewan yang mulia pada hari ini, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun.

*Teratak damai di hujung desa,
Padi menguning lambang kemakmuran;
Premier memimpin penuh berjasa,
Sarawak maju hasil kebijaksanaan.*

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Premier Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, seorang tokoh kepimpinan bumi kenyalang yang bijaksana dan berwawasan jauh. Di bawah teraju kepimpinan beliau, pelbagai inisiatif strategik telah diperkenalkan demi memperkasakan pembangunan negeri serta meningkatkan kesejahteraan rakyat. Komitmen beliau dalam memperjuangkan kepentingan Sarawak amatlah dihargai dan terus menjadi pendorong utama ke arah mencapai kemajuan dan kemakmuran untuk seluruh rakyat Sarawak.

Tuan Speaker, penerbangan Sarawak sememangnya menjadi antara pencapaian yang membanggakan serta amat dinanti-nantikan oleh rakyat Sarawak dan para pelancong. Pengambilalihan perkhidmatan penerbangan MASwings oleh Kerajaan Sarawak merupakan langkah strategik yang akan memperkukuh jaringan perhubungan udara, bukan sahaja di dalam negeri malah ke destinasi-destinasi lain di rantau ini. Inisiatif ini diyakini mampu membuka peluang baharu dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan industri pelancongan, di samping merancakkan ekonomi domestik Sarawak. Ia juga akan menjadi pemacu kepada kerjasama ekonomi yang lebih erat antara Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia serta meletakkan Sarawak di landasan yang lebih tepat untuk mengukuhkan kedudukan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Tuan Speaker, pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan Negeri Sarawak, lebih-lebih lagi dalam era teknologi dan persaingan global yang semakin mencabar. Melalui sistem pendidikan yang holistik, para pelajar dapat dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran serta keupayaan pemikiran kritikal yang diperlukan bagi menghadapi cabaran semasa dan merebut peluang dalam landskap ekonomi yang sentiasa berubah. Justeru itu, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya rakamkan kepada Kerajaan Sarawak di bawah kepimpinan Gabungan Parti Sarawak (GPS) atas pelancaran Dasar Pendidikan Tinggi Percuma kepada anak-anak Sarawak.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam memastikan rakyat Sarawak dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan teknologi terkini, sekali gus melahirkan modal insan yang berdaya saing dan bersedia untuk membina masa depan negeri yang lebih cemerlang.

Tuan Speaker, saya yakin bahawa di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier Sarawak yang berwawasan, kerajaan Gabungan Parti Sarawak (GPS) akan terus memacu negeri ini ke arah pencapaian misi untuk menjadi wilayah yang maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030.

Dengan visi yang jelas, Sarawak akan berjaya mencapai kemakmuran ekonomi (*economic prosperity*), keterangkuman sosial (*social inclusivity*) dan kelestarian alam (*environmental sustainability*). Saya percaya melalui komitmen yang berterusan dan usaha gigih, Sarawak akan menjadi contoh cemerlang dalam pembangunan yang seimbang dan mampan.

Isu-Isu di Kawasan

Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengetengahkan beberapa isu mendesak yang dihadapi oleh penduduk di kawasan saya dan wajar diberi perhatian segera oleh Dewan yang mulia ini.

Keperluan Projek Perumahan Mampu Milik di Sarikei

Tuan Speaker, permintaan terhadap perumahan mampu milik kian mendesak, khususnya dalam kalangan keluarga muda dan penjawat awam yang berpendapatan sederhana. Isu ini wajar diberikan perhatian serius agar tiada golongan yang tercicir daripada memiliki kediaman yang selesa dan berpatutan.

Isu ini bukan sekadar berkait dengan keperluan tempat berteduh semata-mata, malah ia mencerminkan lambang kestabilan hidup, keselamatan keluarga, dan kualiti kehidupan yang lebih baik. Memiliki rumah yang mampu milik adalah asas penting dalam menjamin kesejahteraan rakyat dan membina komuniti yang sejahtera. Sehubungan itu, adalah amat wajar sekiranya pihak kerajaan meneliti secara serius pelaksanaan projek perumahan mampu milik di Sarikei.

Kekurangan Pencahayaan Lampu di Jalan Hua Ee, Sg Pasi Sarikei

Tuan Speaker, lampu jalan memainkan peranan yang amat penting dalam menjamin keselamatan pengguna jalan raya, khususnya pada waktu malam. Namun begitu, keadaan ini tidak dinikmati sepenuhnya di Jalan Hua Ee, Sungai Pasi yang masih kekurangan lampu jalan, sekali gus menimbulkan kebimbangan dari segi keselamatan penduduk dan pengguna jalan di kawasan tersebut.

Sehubungan itu, saya sekali lagi, bagi pihak rakyat di kawasan Repok, ingin menyeru agar kementerian dapat mengambil tindakan segera bagi menambah baik pencahayaan jalan di kawasan tersebut.

Keperluan Institusi Pendidikan TVET di Zon Tengah Sarawak

Tuan Speaker, pembangunan Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan elemen yang sangat penting dalam usaha melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, sekali gus menyokong pertumbuhan sektor industri, khususnya di negeri Sarawak. TVET bukan sahaja menyediakan laluan alternatif kepada pendidikan arus perdana, malah berperanan besar dalam memenuhi permintaan pasaran kerja yang semakin kompleks dan berdaya saing.

Sehubungan itu, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap sebuah lokasi strategik yang telah lama dikenal pasti, iaitu tanah kerajaan di Lot 365, Blok 59, Daerah Tanah Sarikei, Sungai Merudu. Kawasan ini memiliki potensi besar untuk dimajukan sebagai tapak pembinaan sebuah Politeknik atau institusi TVET yang lengkap dan selaras dengan keperluan pendidikan serta latihan kemahiran pada masa kini.

Oleh itu, sudah tiba masanya cadangan ini diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian demi memastikan manfaat jangka panjang kepada generasi muda di Zon Tengah negeri ini.

Menara Telekomunikasi SMART

Tuan Speaker, rakyat Sarawak amat mengalu-alukan pengenalan dan pembinaan Menara Telekomunikasi Luar Bandar oleh Lembaga Multimedia Sarawak (SMART) di seluruh negeri. Ini adalah satu usaha yang sangat signifikan dalam merealisasikan liputan internet yang menyeluruh, terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman. Inisiatif ini bukan sahaja akan memperkasakan komunikasi, tetapi juga membuka peluang untuk pembangunan ekonomi dan sosial yang lebih inklusif di seluruh negeri.

Justeru, adalah amat penting agar pihak berwajib mempercepatkan pelaksanaan fasa seterusnya bagi memastikan menara-menara ini dapat beroperasi sepenuhnya.

Cadangan Pembinaan Mini Industrial Park di Sarikei

Tuan Speaker, usahawan tempatan serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi daerah, khususnya di kawasan seperti Sarikei yang kaya dengan sumber daya manusia dan berpotensi tinggi untuk pembangunan ekonomi setempat. Namun demikian, kekurangan kawasan industri yang tersusun dan dilengkapi dengan infrastruktur lengkap sering kali menjadi penghalang kepada pengembangan perniagaan dan kemasukan pelaburan di kawasan ini.

Oleh itu, adalah wajar sekiranya pihak kerajaan mempertimbangkan pembangunan sebuah kawasan industri kecil atau Mini Industrial Park di Sarikei. Langkah ini bukan sahaja akan merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan, malah turut membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada golongan belia dan penduduk setempat.

Keperluan Bekalan Air Terawat ke Kawasan Ulu Sunqai Rusa Sarikei

Tuan Speaker, bekalan air terawat merupakan keperluan asas yang sepatutnya dinikmati oleh setiap rakyat tanpa mengira lokasi, sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar. Namun demikian, masih terdapat komuniti di pedalaman Sarikei yang belum menikmati kemudahan ini. Antara kawasan yang terkesan ialah Sungai Mawang dan Sungai Kuap di Ulu Sungai Rusa, melibatkan lapan buah rumah panjang serta sebuah gereja.

Saya amat berharap agar perancangan dan pelaksanaan projek ini dapat disegerakan demi memberikan harapan baharu serta kehidupan yang lebih selesa kepada penduduk di pedalaman Sarikei, yang telah sekian lama menantikan perubahan ini.

Pusat Konvensyen Sarikei

Tuan Speaker, bagi tujuan pembangunan ekonomi, keperluan untuk memiliki sebuah dewan yang lebih besar di Sarikei semakin mendesak. Dewan sedia ada hanya mampu menampung sekitar 1,000 penduduk, sedangkan jumlah penduduk terus meningkat dari tahun ke tahun. Keadaan ini menghadkan keupayaan untuk melaksanakan pelbagai program berskala besar yang memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

Pembinaan dewan baharu ini bukan sahaja akan menyokong pelaksanaan program-program kemasyarakatan dan kerajaan, malah turut memberi impak positif terhadap pembangunan sosioekonomi penduduk. Ia juga berpotensi meningkatkan pendapatan dari sektor pelancongan, selari dengan usaha menjadikan Sarikei sebagai destinasi pilihan di Sarawak.

Tuan Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, izinkan saya mengucapkan Selamat Hari Gawai Dayak kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat serta tuan-tuan dan puan-puan yang meraikan.

Perayaan yang penuh makna ini bukan sahaja menyemarakkan semangat kegembiraan, kemakmuran, dan keharmonian tetapi juga mengingatkan kita tentang kepentingan menghargai dan merayakan kepelbagaian budaya, tradisi, dan warisan masyarakat Dayak. Semoga kita semua dapat terus hidup bersama dalam suasana yang penuh rasa hormat dan kesyukuran. Sebagai penutup, saya mendoakan agar semua Ahli-ahli Yang Berhormat dikurniakan kesihatan yang baik, dimudahkan rezeki serta sentiasa diberkati dalam setiap usaha yang dijalankan.

*Selamat Hari Gawai Dayak,
Gayu Guru Gerai Nyamai,
Lantang Senang Nguan Menoa,
Ooo ha.*

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Member for Tebedu.

YB Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada: Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi laluan kepada saya, mewakili N.21 Tebedu untuk membahaskan Usul Penghargaan atas Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak yang telah dititahkan pada 19 Mei 2025 di Dewan Yang Mulia ini.

Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun yang telah menyampaikan beberapa isu pokok dan perkara yang jelas dengan penuh iltizam, penuh dedikasi dan kesungguhan yang meletakkan agenda rakyat dan agenda Sarawak di hadapan.

Seterusnya, saya juga turut menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga Almarhum Tun Abdullah Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke-5 yang telah meninggal dunia pada 14 April 2025. Kita doakan agar rohnya ditempatkan di kalangan orang beriman.

Saya juga mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang Datuk Amar Dominic Andrew Dagok anak Randan, mantan Naib Presiden Parti PBB Sarawak dan bekas MP Serian yang telah meninggal dunia pada 15 Mei 2025. Beliau merupakan anak jati kawasan DUN N.21 Tebedu yang juga orang yang sentiasa memberi nasihat dan dorongan kepada saya sepanjang perjuangan politik saya. Pemergian beliau adalah kerugian bagi kami di Tebedu.

Seterusnya, saya rasa penuh hormat dan sukacita juga saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak atas pelantikan beliau sebagai Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) bagi penggal 2025-2028. Pelantikan ini adalah

satu penghormatan dan pengiktirafan kepada Yang Amat Berhormat Premier di mata dunia dan di mata seluruh rakyat Malaysia.

Kepada ADUN N.8 Satok, saya ucapkan tahniah atas pelantikan beliau sebagai Timbalan Menteri Utiliti yang bertanggungjawab ke atas Sarawak Energy dan PETROS. Selamat menjalankan tugas dan kewajipan, Yang Berhormat Dato.

Tuan Speaker, Tuan Yang Terutama Tun telah membangkitkan dan menggariskan sembilan perkara pokok dan isu penting yang dekat di hati rakyat kita.

- Perkara Pertama - Isu dan Cabaran Nasional.
- Perkara Kedua - Tenaga Hijau dan Ekonomi Kitaran.
- Perkara Ketiga - Pembangunan Modal Insan dan Pendidikan.

Untuk merealisasikan visi ini, pembangunan modal insan menjadi keutamaan. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan kursus teknologi hijau percuma di institusi pengajian tinggi tempatan seperti Universiti Teknologi Sarawak dan Kolej Laila Taib serta cawangan universiti antarabangsa seperti Curtin dan Swinburne bagi memastikan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dalam sektor tenaga boleh diperbaharui.

Selain dari itu Kerajaan Negeri juga komited untuk menyediakan pendidikan percuma kepada pelajar Sarawak bermula pada tahun 2026 sebagai usaha untuk meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti kepada setiap lapisan rakyat yang layak melanjutkan pendidikan ke Institusi Pengajian Tinggi kepunyaan Sarawak.

Perkara Keempat - Pembangunan Infrastruktur dan Pelaburan Ekonomi

Sarawak telah mencatatkan pelaburan bernilai RM116 bilion sejak 2020, menjadikan Sarawak sebagai hab ekonomi utama Malaysia. Antara projek utama yang sedang dilaksanakan termasuk pembangunan Kuching Urban Transport System (KUTS), pembinaan pelabuhan dan lapangan terbang baharu serta pengambilalihan MASwings untuk meningkatkan aksesibiliti dan mobiliti rakyat dengan penubuhan AirBorneo.

Perkara Kelima - Perhubungan Kerajaan Sarawak dan Kerajaan Persekutuan

Kerajaan Sarawak terus berusaha untuk memperkukuhkan hubungan dengan Kerajaan Persekutuan. Contohnya melalui perjanjian dengan PETRONAS, Petroleum Sarawak Berhad (PETROS) telah dilantik sebagai *aggregator* tunggal gas di Sarawak dengan memastikan kerjasama yang harmoni antara kedua-dua entiti demi kepentingan bersama.

Perkara Keenam - Kestabilan Politik dan Kepimpinan Berwawasan

Tuan Speaker, kestabilan politik dan kepimpinan berwawasan adalah asas kepada pembangunan negeri Sarawak di bawah pimpinan YAB Premier Sarawak, telah menunjukkan kepimpinan yang mantap dan luar biasa dengan memberi tumpuan kepada tadbir urus yang baik, integriti dan visi jangka panjang untuk kesejahteraan rakyat.

- Perkara Ketujuh - Kesejahteraan Hidup Rakyat dan Perpaduan
- Perkara Kelapan - Pembangunan Belia, Sukan dan Persiapan Sukan Sea 2027

Perkara Kesembilan - Rancangan Malaysia Lima Tahun

Rancangan Malaysia Lima Tahun menjadi panduan utama dalam perancangan pembangunan negeri. Perkhidmatan awam memainkan peranan penting dalam merealisasikan rancangan tersebut melalui pelaksanaan dasar-dasar yang berkesan dan efisien. Kerajaan Sarawak juga memberi

pengiktirafan kepada sumbangan perkhidmatan awam melalui program latihan dan pembangunan profesionalisme.

Tuan Speaker, semalam rakan saya dari N.1 Opar ada menggesa agar pertambahan pegawai veterinar di Jabatan Veterinar Sarawak untuk kelancaran tugas. Saya juga menyokong saranan beliau.

Tuan Speaker, kesemua sembilan perkara ini telah diurus dengan cemerlang dan didepani dengan berani oleh Kerajaan Sarawak pimpinan YAB Premier.

Tuan Speaker, izinkan saya untuk membawa dan menyampaikan masalah payah dan perit, suka dan duka isi hati dari kawasan DUN N.21 Tebedu. Mewakili DUN N.21 Tebedu, saya cuba bentangkan 21 masalah. Atas sebab kekangan masa, saya hanya kongsi 11 sahaja.

Jaringan Jalan Raya

Kawasan DUN Tebedu terletak di bawah pentadbiran Daerah Tebedu dan Daerah Serian di bawah kawasan pentadbiran bahagian Serian. Ianya dihubungi dengan rangkaian jalan raya utama seperti Jalan Serian ke Tebedu, Jalan Mongkos dan Jalan Baki Riih. Setiap kampung yang berjumlah 59 kampung boleh dihubungi dengan jalan kampung yang berturap dengan standard R1 dan juga jalan standard R3.

Di bawah MARRIS, banyak jalan telah diturap semula oleh JKR dan Majlis Daerah Serian. Akan tetapi, masih banyak jalan yang menghubungkan kampung-kampung sudah lama tidak diturap semula dan didapati berlubang-lubang. Saya berharap pihak JKR Serian dan Majlis Daerah Serian akan membuat pemantauan dan mengenal pasti jalan-jalan yang perlu diturap semula untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya sentiasa dijaga.

Jalan Serian-Tebedu. Saya telah diberitahu oleh JKR Serian bahawa pembinaan jalan Serian-Tebedu sedang dirancang. Ini merupakan berita yang sangat baik yang dinanti-nantikan oleh rakyat di Tebedu. Saya berharap pembinaan jalan ini boleh dipercepatkan pelaksanaannya supaya ianya dapat menjadi pemangkin pertumbuhan sosioekonomi kawasan Tebedu. Saya merayu dan menyeru rakyat di Tebedu untuk mengambil segala peluang yang dihasilkan dengan perkembangan terbaharu ini.

Jalan Temong, Darul Iman, Darul Fallah, Darul Huda ke Tepoi, kita telah diperuntukkan sebanyak RM180 juta dan telah melalui proses *tender evaluation* dan seharusnya dibina dalam masa terdekat ini. Bagi pihak rakyat kami di kawasan ini, kita ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Sarawak pimpinan YAB Premier, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg atas pimpinan cemerlang beliau sehingga membolehkan pembinaan jalan tersebut. Terima kasih juga diucapkan kepada Menteri Kerja Raya dan Pembangunan Pelabuhan kerana berjaya melaksanakan projek tersebut.

*Daun pandan daun selasih,
Diucapkan terima kasih.*

Masalah Bekalan Air

Tuan Speaker, air merupakan keperluan asas yang sangat penting untuk kelangsungan kehidupan kita. Tanpa air, manusia dan haiwan tidak dapat hidup. Air juga sangat diperlukan untuk kebersihan dan kesihatan, pertanian dan penternakan. Ianya juga diperlukan untuk sesuatu industri pembuatan, penyejukan mesin dan pembersihan.

Di Dewan yang mulia ini, saya berkongsi masalah yang dihadapi oleh kami di Tebedu. Saya telah menerima pelbagai aduan dari pelbagai kawasan sepanjang jalan Baki Riih, Kampung Tae, Kampung Jenan, Kampung Lanchang, Kampung Plaman Nyabet dan paling teruk sekali Kampung

Kakeng dan beberapa kampung lain yang mengalami gangguan bekalan air tidak berkala, terputus bekalan air, kerana tekanan rendah dan masalah paip pecah. Saya berharap pihak JBALB akan mengenal pasti punca dan seterusnya mengambil penyelesaian kepada masalah yang tiada penghujungnya ini.

Masalah Bekalan Elektrik

This is very real, Tuan Speaker. Pagi tadi, saya juga menerima satu mesej yang mengatakan, dan memohon kepada saya agar membawa masalah ini ke dalam Dewan yang mulia ini. Kita di kawasan DUN Tebedu sering ataupun kerap mengalami masalah terputus bekalan elektrik. Masalah ini akan mengganggu aktiviti ekonomi dan aktiviti harian kita. Selain itu, jaringan internet akan terganggu dan mesin water pump booster akan terhenti fungsinya dan akhirnya, bekalan air juga pasti terganggu dan terputus.

ALAF ataupun Skim Bantuan Penyambungan Bekalan Elektrik untuk kawasan DUN N.21 Tebedu juga dipohon dipercepatkan dan diberi keutamaan yang sewajarnya.

Cadangan untuk membangunkan sebuah kilang di kawasan Tebedu sedang dirancang. Kilang ini bila beroperasi memerlukan pembekalan elektrik yang mencukupi dan stabil.

Oleh yang demikian, saya menggesa agar inisiatif untuk meningkatkan kapasiti pembekalan elektrik yang mencukupi dan stabil ini, untuk memastikan pengoperasian kilang tersebut nanti dapat berjalan dengan lancar.

Masalah Jaringan Internet

Jaringan internet sangat penting dalam kehidupan moden. Ianya membolehkan kita untuk mendapatkan maklumat dengan cepat dan mudah. Dalam pendidikan pula, ianya membantu proses untuk pembelajaran dalam talian, kelas maya dan penyelidikan. Internet juga memudahkan komunikasi pantas melalui e-mel, mesej segera dan panggilan video. Ini juga boleh membuka peluang perniagaan dalam talian, pekerjaan jarak jauh dan perkhidmatan digital yang membantu penajaan pendapatan.

Di DUN N.21 Tebedu, perkhidmatan internet ini masih kurang memuaskan. Kita sering menghadapi masalah gangguan terputus internet kerana kes kecurian kabel, terputus kabel optik dan vandalisme terhadap peralatan yang pada menara telekomunikasi. Saya memohon agar pihak berwajib dan Kementerian Utiliti mengambil serius perkara ini dan mencari jalan penyelesaian kepada masalah ini.

Saya juga ingin memohon agar kabel optik yang telah dipasang sepanjang jalan dari Tebedu ke kawasan Mongkos dan sepanjang Jalan Tebedu diurus dan diselenggara kerana telah ditumbuhi dengan semak belukar dan tumbuhan menjalar supaya kabel optik tersebut sentiasa terpelihara.

Saya juga memohon agar menara telekomunikasi yang di lokasi Kampung Daha Seroban dapat dioperasikan secepat mungkin kerana rakyat di kawasan ini sudah lama menunggu.

Klinik Kesihatan Tebedu

Klinik Kesihatan Tebedu telah memainkan peranan penting dalam menjaga dan meningkatkan tahap kesihatan masyarakat setempat. Klinik ini telah berbakti dan berkhidmat dengan baik kepada masyarakat setempat dalam tempoh yang begitu lama sehingga bangunannya sendiri kelihatan uzur dan daif. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kementerian Kesihatan Malaysia supaya menyegerakan pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 3 yang baharu di Bandar Tebedu seperti yang telah diluluskan kerana klinik yang sedia ada tidak sesuai lagi.

Greater Kuching Coordinated Development Agency (GKCDA)

Semalam rakan saya dari kawasan DUN Opar telah menyuarakan masalah dan cabaran berkenaan dengan pelaksanaan projek-projek di bawah kelolaan GKCDA. Saya juga turut menyokong permintaan dan saranan beliau.

Isu Tapak Pelupusan Sampah Tebedu

Di Daerah Tebedu, isu pengurusan sampah dan tapak pelupusan sampah merupakan cabaran yang perlu ditangani untuk memastikan kebersihan dan kesihatan awam terjamin.

Tuan Speaker, Tebedu mempunyai tapak pelupusan sampah yang dikendalikan oleh Majlis Daerah Serian. Tapak pelupusan sampah ini menghadapi beberapa isu iaitu kapasiti yang terhad. Dengan kadar pembuangan sampah sekarang ini, tapak pelupusan sampah tersebut mungkin tidak dapat diguna pakai dalam masa terdekat ini kerana tidak dapat menampung jumlah sampah yang semakin hari semakin meningkat. Oleh yang demikian, saya memohon agar pihak Majlis Daerah dan pihak kementerian untuk bersedia dengan tapak pelupusan baharu sebagai persiapan.

Selain itu, setiap kali perayaan seperti Gawai, tapak pengumpulan sampah di setiap kampung selalunya penuh dengan pelbagai jenis sampah yang tidak dikutip. Saya memohon agar perkhidmatan kutipan sampah diteruskan juga pada musim perayaan supaya tong sampah tidak melimpah dan menjadi masalah kepada penduduk setempat.

Masalah Penyalahgunaan Substance dan Masalah Sosial

Saya memohon pihak berwajib untuk memantau keadaan ini untuk kebaikan anak-anak kita lebih-lebih lagi yang masih di bangku sekolah.

Masalah Tanah Runtuh

Baru-baru ini, Tebedu telah mengalami hujan lebat dan berterusan. Keadaan ini telah memberi kesan kepada infrastruktur dan keselamatan penduduk dan ekonomi setempat. Kejadian tanah runtuh telah berlaku di beberapa tempat:

- (a) Kampung Krusen Kranji (dua lokasi);
- (b) Jalan Mongkos (tiga lokasi);
- (c) Kampung Tema (dua lokasi);
- (d) Kampung Daha Seroban (satu lokasi);
- (e) Kampung Tubih Mawang (satu lokasi);
- (f) Jalan Kampung Tepoi (tiga lokasi); dan
- (g) Kampung Entubuh (satu lokasi).

Untuk membaik pulih keruntuhan tanah yang membahayakan ini memerlukan peruntukan yang sangat besar. Oleh yang demikian, saya memohon agar Jawatankuasa Bencana mengambil maklum masalah ini dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya.

Kawasan Perindustrian Tebedu

Projek Pembangunan ini merupakan satu projek strategik untuk merangsang pertumbuhan ekonomi melalui sektor perindustrian perdagangan rentas sempadan dengan jiran kita Indonesia. Kawasan ini telah dikenal pasti sebagai hab perkilangan untuk Bahagian Serian dalam Pelan Induk Serian 2020-2030.

Sehingga hari ini, kita telah menerima dua cadangan pelaburan untuk kawasan industri tersebut. Kita amat teruja dengan rancangan pelaburan ini dan kita berharap kedua-dua pelaburan tersebut dapat beroperasi dalam masa terdekat kerana ianya dapat menjana dan merancakkan

aktiviti ekonomi setempat dan terus membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Sarawak amnya dan rakyat Tebedu khasnya.

Saya memohon agar kelulusan untuk membuka kilang di kawasan perindustrian Tebedu diberi pertimbangan sewajarnya dari pihak berwajib.

Penyukatan Tanah Lot Pertanian dan Kampung Tradisi

Saya sangat gembira sekali apabila diberitahu pada pagi tadi oleh Timbalan Menteri kita yang beberapa kampung telah pun diluluskan penyukatannya dan kita berharap kerajaan akan terus membuat inisiatif seterusnya pada masa hadapan.

Kesimpulannya Tuan Speaker, Sarawak memang bertuah kerana mempunyai seorang Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri yang sangat berpandangan jauh dan berpengalaman. Kita juga bertuah kerana dipimpin oleh seorang Premier yang berkebolehan dan berketrampilan gandingan Tuan Yang Terutama dan Datuk Patinggi Tan Sri Premier bersama pasukannya dalam kabinetnya telah terbukti mampu mengurus Sarawak dengan baik. Pasukan ini mampu mengurus setiap masalah yang diletakkan di hadapan mereka.

Dengan kesempatan ini juga, saya mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua para guru di mana sahaja mereka berada, Selamat Hari Raya Aidiladha kepada rakan kita yang beragama Islam dan Gawai *is just around the corner*, dengan ini saya juga, dengan kesempatan ini mengucapkan Selamat Hari Gawai kepada semua.

*Selamat Nyambut Andu Bahas Gawai Sawa 2025,
Arap Kita Adu-Adu Traser, Buhat Bahen Ngintu Andu Bahas Gawai.*

Tuan Speaker, dengan ini, Tebedu menyokong penuh Usul Penghargaan atas Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Member for Tamin.

YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang: Tuan Speaker, thank you for giving me the opportunity to move the Motion of appreciation on Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar address in this august House on 19th May 2025.

Firstly, I wish to congratulate Honourable Member for N.8 Satok on his appointment as Deputy Minister for Utility and Telecommunication (Sarawak Energy Berhad dan PETROS) which under his purview I am certain that he can take this new responsibility with integrity based on his previous background.

Tuan Speaker, the global economy continues to face uncertainty due to ongoing geopolitical conflicts, rapid technological advancements, climate change, and most recently, global tariff war. These external pressures impact Sarawak's economic growth. I commend the Right Honourable Premier for his proactive leadership and diversifying Sarawak's economy through green energy, digital innovation and strategic investments. These efforts elevate Sarawak on both national and global stages.

Tuan Speaker, Premier recent working visit to Europe yielded fruitful collaborations, particularly with the UK in areas such as education, research, semiconductor, and energy-key sectors for future-proofing our economy. The launch of AI-Based Power Converter in the United Kingdom demonstrates the talent of young Sarawakians and strengthens our digital transformation agenda.

Green Energy and the Circular Economy

Tuan Speaker, the Sarawak Government's commitment to developing renewable energy is timely and commendable. This initiative not only addresses the global challenge of climate change but also strengthens Sarawak's ambition to be recognised as the "*Battery of ASEAN*".

Free Education

Tuan Speaker, I applaud the Sarawak Government's initiative to provide a free higher education for Sarawakian in selected fields next year reflects our commitment to allow the younger generation through accessible and quality education. I understand that Yayasan Sarawak launch a scholarship for 40 medical students in 2018-2019 academic session aiming to produce 200 students within five years. May I know, as of now how many students benefited, racial breakdown and the cost? And also, any students graduated doing housemanship?

Malaysia Agreement 1963 (MA63)

Tuan Speaker, one cannot speak of MA63 without addressing the Inter-Governmental Committee Report. It is here that Sarawak's special position was carefully negotiated. The IGC Report laid out safeguards for our governance, financial autonomy, education policies and immigration controls.

The Federal Constitution is Malaysia's legal foundation, but over time, amendments have eroded Sarawak's original status without proper consultation. This not only weakens the Constitution but also the trust behind our Federation.

Our Sarawak Constitution reflects that trust. As legislators, we must protect it from being overshadowed by unilateral federal actions. Sarawak must retain the power to shape its own future, and we must ensure all federal decisions respect our rights under MA63 and uphold our autonomy.

Rights and Roles of PETROS and PETRONAS

Tuan Speaker, I wish to speak on an issue central to Sarawak's economic sovereignty, the rightful control and management of our oil and gas resources.

Our position is grounded in the Constitution, the Malaysia Agreement 1963 (MA63), the Oil Mining Ordinance 1958 (OMO) and more recently, the State Sales Tax Ordinance. The landmark 2020 settlement between Sarawak and PETRONAS which resulted in the recognition of our right to impose State Sales Tax on petroleum products, was a step in the right direction but this is not the final one.

PETRONAS, as a federal entity, has played a dominant role in Malaysia's petroleum industry. But dominance does not mean absolute authority. The Petroleum Development Act 1974 (PDA) which PETRONAS relies on for its nationwide control, has never been endorsed by this Assembly House. Let us be very clear, laws enacted without the consent of this House cannot extinguish rights guaranteed under the Malaysia Agreement 1963.

In recent development, the Federal and Sarawak State Government have signed a joint declaration to establish clear parameters and a collaborative framework for PETRONAS and PETROS in the oil and gas sector based on reported news yesterday. With respect to this new development, I would like the minister to enlighten us on the latest updates pertaining to the meeting between the Yang Amat Berhormat Prime Minister and Yang Amat Berhormat Premier yesterday.

Engineering Consultancy Professional Fees

Tuan Speaker, now I want to touch on the *Engineering Consultancy Professional Fees* service.

Tuan Speaker, as a practicing professional civil engineer, I have some concern as mentioned by the Honourable Member for Batu Kitang yesterday, whereby engineering professionals are currently facing issues especially in the implementation of projects funded by the Sarawak Government. The consultants offered of reduction in professional fees as low as 50% and much below the established Scale of Fees by Board of Engineers Malaysia (BEM). The sustainability of professional engineering consultancy in Sarawak is under threat due to the non-compliance with the Scale of Fees. This practice not only discourages younger generations from pursuing their careers in engineering but also results in local professionals earning considerably less than their counterparts in Semenanjung Malaysia. This current Scale of Fees makes it difficult to support small engineering companies where we have fixed monthly commitment including paying wages of engineers and the support staff.

Therefore, I urge the Sarawak Government to review the professional fees according to the Board of Engineer's Scale of Fee.

DEVELOPMENT IN TAMIN CONSTITUENCY FOR A PROSPEROUS FUTURE

Tuan Speaker, I rise today with great optimism to highlight the remarkable progress in the Tamin constituency and the plans ahead to further uplift the lives of our people. Development is the backbone of a growing society, and we must ensure that every citizen, particularly those in the rural areas, benefits from robust infrastructure, essential utilities, and sustainable economic opportunities.

Infrastructure

Tuan Speaker, infrastructure development is crucial to connectivity and economic growth. In recent months, we have witnessed significant upgrades to our roads and bridges, ensuring safer and more convenient travel for our residents and businesses. However, we must continue prioritizing the construction of new roads, maintenance of existing ones, and expansion of transport networks to better serve the growing population. Hereby, I would like to request the construction and upgrade of the following roads in Tamin:

- (a) Upgrade Jalan Sapudun Balingian Selangau from partial gravel road to tar seal road;
- (b) Upgrade Jalan Nanga Sekuau to SK Pakoh Ulu Oya Selangau from gravel road to tar seal road;
- (c) Upgrade Jalan Ulu Selangau from gravel road to tar seal road;
- (d) Upgrade Jalan SK Pakoh to Jalan Ulu Bunau Oya from gravel road to tar seal road.

Rural Water Supply

Tuan Speaker, access to clean and treated water remains a fundamental necessity. The expansion of rural water supply projects in Tamin is commendable, yet more needs to be done to ensure that every household receives uninterrupted access. Allocating additional resources for the modernized piping and water treatment facilities will be the key to improving the living conditions of our community.

Hereby, I am appealing to the Federal Government and State Government to speed up implementation for the construction of water treatment plant in Stapang/ Sekuau as this project was announced by former Prime Minister Dato' Sri Najib Razak at longhouse Sekuau in February 2016 with the project cost of RM117 million. I hope this project to commence as soon as possible.

Also, the implementation to upgrade Selangau Water Treatment Plant and laying of pipes to designated areas with approved project cost about RM200 million. I urge this project to be implemented as soon as possible.

Rural Electricity Supply

Tuan Speaker, electricity is no longer a luxury but a necessity for today. While progress has been made in rural electrification, some of the communities still struggle with inconsistent supply. There are many newly completed longhouses that have applied for electricity supply under the ALAF programme still pending for approval. For the time being, these longhouses are currently powered by the genset. Therefore, I request approval to be expedited for these longhouses.

Currently, electricity for some longhouses has a higher demand than its supply. Therefore, I request the government to increase the capacity from single phase to two-phase for each family.

Internet Connectivity

Tuan Speaker, in digital age, connectivity defines opportunities. The expansion of high-speed internet infrastructure in Tamin is imperative to bridge the digital divide. We must promote increased investment in telecommunications, ensuring that even the most remote villages have access to online resources for education, business, and social engagement.

However, not all the telecommunication towers are operational. Therefore, I appeal to the government to speed up the full operation to all built telecommunication towers as soon as possible.

Agriculture

Tuan Speaker, agriculture remains the lifeblood of our economy, and Tamin is rich in potential. The cultivation of oil palm, coffee, and rubber must be supported through subsidies, training programs, and market access initiatives. Equipping farmers with the necessary resources and knowledge will enhance productivity, improve livelihoods, and boost our local economy. Therefore, I appeal to government to assist the local farmers especially those are involved in oil palm plantation, coffee and rubber, by providing them knowledge and financial assistance.

Sports Facilities

Tuan Speaker, Sports are integral to fostering community spirit and youth development. Upgrading sports facilities, such as football fields, badminton courts, and recreational areas, will encourage active lifestyles and nurture talents. Investment in sports infrastructure ensures that our young people have the opportunities to develop their skills and aspire to compete at higher levels. Hereby, I appeal to the government to speed up implementation of construction of Selangau Mini Sport complex as soon as possible.

Relocation of Schools Affected by Flooding

Tuan Speaker, education is the foundation of progress, and no child should have their learning disrupted due to environmental challenges. Schools that are frequently affected by floods must be relocated to safer, more strategic locations. This requires immediate action in identifying suitable areas, allocated funds, and fast-tracking construction to guarantee uninterrupted education for our future generations. I am appealing to government to relocate the schools namely, Sk. Ng. Selangau, Sk. Kua Selangau, Sk. Sg. Buluh and Sk. Pelugau and also appeal for the construction of education office for Selangau district.

Affordable Housing

Tuan Speaker, one of the key issues faced by our community is the lack of accessible and affordable housing. The rising cost of living has made our home ownership an unattainable dream for many hardworking families. We must prioritize affordable housing schemes by collaborating with the developers and government agencies to provide quality homes at reasonable prices. Initiatives

such as rent-to-own schemes and subsidized housing projects should be introduced to ensure that no family is left behind. Therefore, I request for affordable housing to be built in Selangau town.

Investing In Recreational and Tourism Spots

Tuan Speaker, Tamin is blessed with natural beauty and rich cultural heritage, yet it remains largely untapped as a destination to recreation and tourism. Developing more parks, eco-tourism sites, and cultural attractions would not only improve the well-being of our people but also drive economic growth. By attracting visitors, we create jobs, support local businesses, and strengthen our community. Infrastructure improvements and promotional efforts will be key in transforming Tamin into a hub for outdoor activities. I suggest the government to establish tourist spot for areas namely, Ulu Oya, Ulu Mukah, Ulu Selangau and so on.

Empowering Local Talent

Tuan Speaker, our local artisans or skilled craft entrepreneurs are the backbone of our economy. From traditional craft makers to innovative small businesses, these individuals contribute immensely to our cultural identity and economic vitality. Establishing a dedicated Craft Centre and a Small and Medium Enterprises (SME) hub will provide much needed support through training, funding, and market access. By fostering entrepreneurship and craftsmanship, we ensure that local talents thrive, and that Sarawak's rich heritage is preserved for the generations to come. Hereby, I appeal to government to establish a craft centre and SME Hub in Selangau.

Survey of Native Customary Right (NCR) Land

Tuan Speaker, land ownership is a critical issue for indigenous communities in Sarawak. Conducting comprehensive NCR land survey will ensure rightful ownership, facilitate sustainable land development, strengthening legal frameworks and providing support for land registration will protect the right of native landowners. Therefore, I request for a more allocation for the Land & Survey to carry out a survey work the remaining NCR land in Tamin area.

Drug Abuse and Illegal Online Activities in Selangau

Tuan Speaker, over the past few years, I have received reports from the public in Selangau regarding the increased case of robbery, violence and mental issues. It is understood that the main causes of these issues are the consumption of drugs and involvements in online gambling, particularly among the youths. This issue has occurred not only in the public areas such as Pekan Selangau, but also in their own homes and plantations area. Therefore, I urge the relevant agencies and authorities to take action on the ongoing drug abuse and illegal online activities to prevent its further widespread.

Conclusion

Tuan Speaker, for conclusion, I would like to wish all Muslims, *Selamat Hari Raya or Aidiladha*, Selamat Hari Wesak to all Buddhists, Selamat Hari Guru to all "*Cikgu-Cikgu*", Selamat Hari Gawai to all Dayak Communities, "*Gayu Guru Gerai Nyamai, Lantang Senang Nuan Menua*".

With that, Tuan Speaker, I beg to move the Motion of Appreciation to Royal Address by Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak in this august House on 19th May 2025. Thank you very much.

Tuan Speaker: Honourable Member for Tellian.

YB Encik Royston bin Valentine: Terima kasih, Tuan Speaker. Salam Damai, Salam Sarawakku Sayang dan Salam Sarawak Maju Makmur. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Usul Penghargaan atas Ucapan Tuan Yang Terutama Yang

di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar bagi persidangan kali ini.

Dalam ucapan pembukaan, TYT Tun menekankan betapa pentingnya semangat harmoni, perpaduan dan tanggungjawab dalam memastikan pembangunan Wilayah Sarawak yang inklusif, maju dan makmur. Selain itu, komitmen Kerajaan Sarawak dalam membangunkan ekonomi mampan, memperkukuh perpaduan sosial dan memastikan kesejahteraan rakyat melalui pelaksanaan dasar progresif serta kerjasama strategik dengan pihak Kerajaan Persekutuan haruslah sentiasa dipelihara.

Tuan Speaker, selama lapan tahun memimpin Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg telah membawa Sarawak ke era baharu melalui pertumbuhan ekonomi eksponen, inovasi teknologi, penguasaan sumber tenaga dan penegasan hak negeri. Gabungan visi pragmatik, kepimpinan berani dan kerjasama strategik telah meletakkan Sarawak sebagai model pembangunan wilayah di Asia Tenggara khususnya. Menghadapi cabaran ekonomi global akibat konflik geopolitik, perubahan iklim dan revolusi teknologi, Kerajaan Sarawak ketika ini sedang giat memperkukuhkan daya tahan ekonomi dengan meneroka peluang baharu seperti tenaga hijau, teknologi digital dan inovasi.

Infrastruktur Asas - Jaringan Jalan Raya

Tuan Speaker, seterusnya saya ingin membangkitkan perkara berkaitan kawasan N.57 Tellian. Sistem jaringan jalan raya merupakan kemudahan asas yang amat penting kepada rakyat, maka pihak kerajaan telah merancang dan meluluskan banyak projek untuk memenuhi keperluan asas penduduk termasuklah di kawasan N.57 Tellian. Oleh itu, saya ingin mengetahui status semasa pelaksanaan projek-projek berkenaan:

- (a) Jalan Nanga Baoh ke Ulu Baoh, Daerah Dalat;
- (b) Naik taraf Jalan Ulu Sikat – Sebakong (Fasa 2);
- (c) Alternative Access Road to Petanak Scheme;
- (d) Proposed Sebakong / Ulu Sikat / Lubok Bemban Road (Phase 3);
- (e) Cadangan Naik taraf Jalan Dijih - WTK Sebakong;
- (f) Pembinaan Jalan Tellian Bypass, Mukah;
- (g) Naik taraf Jalan Bukit Inkerbai ke Lubok Bemban (Selekoh Sg Tajam); dan
- (h) Cadangan Naik taraf Jalan/ Meninggikan Paras Jalan di Jalan Tingkas/ Sikat / Sebakong yang selalu terputus disebabkan banjir/air sungai Batang Mukah yang melimpah semasa Musim Hujan (MTL).

Bekalan Elektrik

Saya mohon maklum balas berkaitan status semasa semua permohonan bekalan elektrik di seluruh kawasan DUN Tellian setakat hari ini dan saya mohon untuk disegerakan projek-projek bekalan elektrik yang telah pun dipohon oleh rakyat di kawasan saya memandangkan ramai yang sudah bertanya apakah status permohonan mereka terutamanya rakyat di kawasan Rumah Panjang. Kebanyakan mereka masih lagi menggunakan *generator*. Permohonan yang dikemukakan adalah melalui Pejabat Daerah Mukah dan Pejabat Daerah Dalat untuk skim ALAF (*Additional and Late Applicant Fund*) dan RES (*Rural Electrification Scheme*).

Bekalan Air Terawat

Sekali lagi, saya bangkitkan isu berkaitan projek bekalan air terawat bagi kawasan DUN Tellian. Saya memohon maklum balas daripada agensi bertanggungjawab untuk projek-projek seperti berikut:

- (a) Projek Bekalan Air Luar Bandar di kawasan Bukit Inkerbai & Lubok Bemban yang sudah diluluskan sejak sekian lama masih belum lagi bermula pada ketika ini;

- (b) Projek di kawasan Ulu Sikat & Sebakong;
- (c) Projek Bekalan Air Luar Bandar di Kawasan Sg Arip, Dijih, Ulu Baoh & Sebakong;
- (d) Projek di kawasan Rh. Ibat ak Lantai;
- (e) Mukah Water Treatment Plant Project; *and*
- (f) Mukah Water Supply System Project.

Apakah status pelaksanaan projek-projek berkenaan ketika ini?

Pembangunan Fizikal

Tuan Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh berkaitan projek-projek yang telah diluluskan dibawah Projek Rakyat, Agensi Pembangunan Delta Rajang (RADDA) & Alternative Funding.

- (a) Projek Waterfront Mukah;
- (b) Projek Pemuliharaan Tebingan Batang Mukah antara Sg Penakub & Sg Tellian;
- (c) New Mukah Integrated Market & Supporting Facilities Project;
- (d) Projek Pengawalan Hakisan Pantai Petanak, Daerah Mukah;
- (e) Projek Anjung Ria SENAGA Mukah;
- (f) Projek Medan Selera Kala Dana Mukah;
- (g) Projek Bina Baharu Dermaga Komersial Mukah;
- (h) Pemasangan Smart Traffic Light di persimpangan jalan Wawasan & Jalan Setia 2; dan
- (i) Proposed R.C. Commercial Wharf di Mukah.

Secara keseluruhannya, pembangunan projek di bawah RADDA yang menumpukan kawasan pantai Mukah ini sudah pasti akan merancakkan lagi sektor pelancongan di Mukah, yang mana ia akan memberikan manfaat besar dalam menjana ekonomi, meningkatkan taraf hidup penduduk, memperbaiki infrastruktur dan seterusnya memelihara budaya tempatan secara langsung. Namun, manfaat ini bergantung kepada perancangan dan pengurusan lestari agar impak negatif terhadap alam sekitar dan sosial dapat diminimumkan dalam proses pelaksanaannya nanti.

Mohon jasa baik pihak kementerian yang mengendalikan projek-projek berkenaan untuk memberikan maklum balas berkaitan status semasa pelaksanaannya. Pada kesempatan ini juga, saya juga memohon agar kakitangan teknikal dan sokongan di agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan di Sarawak ditambah bilangannya selari dengan bebanan kerja yang tinggi yang mereka sedang hadapi ketika ini.

Pelaksanaan Rural Transformation Project (RTP)

Tuan Speaker, tahun demi tahun, pelbagai projek dilaksanakan di bawah RTP di seluruh Sarawak yang mana ia adalah perkara sangat baik yang memberi manfaat kepada rakyat terutamanya di kawasan luar bandar.

Namun berlaku masalah di peringkat pelaksanaan yang melibatkan kontraktor yang tidak berintegriti. Ia mendatangkan masalah besar kepada perancangan pembangunan secara keseluruhan. Kontraktor yang bermasalah ini haruslah diambil tindakan yang tegas agar tiada lagi projek sakit dan akhirnya terbengkalai oleh sebab sikap sambil lewa golongan ini. Apa yang kita praktikkan ketika ini saya lihat, pihak kontraktor tetap akan dibayar berdasarkan peratusan kerja mereka. Saya cadangkan bagi projek yang ada masalah berlarutan oleh sebab kecuaiannya kontraktor, mereka tidak perlulah dibayar malahan dikenakan kompaun agar ia menjadi pengajaran kepada golongan kontraktor yang tidak bertanggungjawab ini.

Isu Hakisan Sungai dan Muara Batang Mukah Yang Cetek

Seterusnya, adalah isu hakisan sungai dan Muara Batang Mukah yang cetek. Tebingan Sungai di Kampung Tellian Ulu sehingga Kampung Tellian Laut yang terhakis di beberapa kawasan pasti akan menjejaskan kediaman penduduk yang kebanyakannya di tebingan sungai, situasi yang

sama berlaku di kawasan Nanga Sikat, Lubuk Bemban yang melibatkan beberapa rumah panjang dan sekolah yang terjejas akibat hakisan berkenaan yang berlaku di kawasan berikut. Oleh itu, saya mohon agensi bertanggungjawab untuk mencari jalan penyelesaian terhadap perkara ini.

Seterusnya adalah Muara Batang Mukah yang cetek yang mendatangkan masalah besar kepada nelayan untuk keluar masuk ke laut, menjejaskan operasi kapal industri dan apabila tiba musim banjir pula akan mengakibatkan banjir lambat surut apatah lagi apabila bertembung dengan air pasang atau *king tide*.

Selain dari perubahan iklim yang tidak menentu, situasi ini merupakan salah satu punca yang menyumbang kepada bencana banjir yang berlarutan sehingga dua minggu yang berlaku di Mukah pada awal tahun. Tidak pernah berlaku sebelum ini rumah panjang di kawasan Ulu Batang Mukah dimasuki air sehingga ke paras pinggang dan rumah-rumah di perkampungan terjejas teruk. Maka, saya menggesa agensi bertanggungjawab untuk melaksanakan kajian dan mencadangkan jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah ini terutamanya di kawasan Muara Batang Mukah yang agak cetek.

Dalam situasi bencana banjir yang lepas, beberapa masalah telah dikenal pasti dan perlu diambil tindakan pencegahan. Didapati bekalan elektrik ke rumah kediaman, menara telekomunikasi dan loji rawatan air telah terjejas akibat *substation* SEB ditenggelami air yang menjurus kepada gangguan perkhidmatan yang teruk. Saya ingin menyarankan pihak SEB untuk mengkaji semula kriteria dan keperluan tapak *substation* SEB & komponen bekalan elektrik pencawang telekomunikasi dan loji air untuk mengurangkan risiko gangguan bekalan yang berpanjangan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Jabatan Bekalan Air Luar Bandar, Bahagian Mukah atas tindakan proaktif dalam menghadapi situasi getir ketika musim banjir yang lepas sekali gus berjaya memastikan loji air Mukah terus dapat berfungsi dengan baik untuk menyalurkan bekalan air bersih kepada penduduk.

Kebetulan menyentuh perkara berkaitan Menara Telekomunikasi, saya menggesa pihak MCMC untuk mempercepatkan projek Menara Telekomunikasi di bawah program JENDELA di kawasan DUN Tellian agar ia dapat disiapkan dengan lebih awal oleh sebab penduduk yang amat memerlukan kemudahan itu ketika ini.

Pendidikan

Tuan Speaker, perkara seterusnya adalah berkaitan dengan pendidikan. Penubuhan sekolah antarabangsa, institusi pendidikan tinggi, institusi kemahiran dan pendidikan tinggi percuma dalam bidang terpilih mulai tahun hadapan serta kerjasama strategik antara institusi pendidikan dan industri adalah usaha serius Kerajaan Sarawak dalam memastikan kesinambungan pembangunan modal insan dan pendidikan di Sarawak ini berterusan.

Dalam memastikan kemenjadian murid sentiasa berkembang baik, banyak perkara perlu diambil kira bermula dari persekitaran pembelajaran, kurikulum dan kokurikulum, kemudahan sekolah, kekuatan tenaga pengajar dan pelbagai lagi aspek lain yang perlu diberi perhatian sewajarnya oleh pihak kerajaan sama ada di peringkat pusat mahupun Kerajaan Sarawak sendiri.

Saya ingin tahu, adakah ketika ini jumlah guru yang berkhidmat di Sarawak mencukupi ataupun tidak? Dan apakah usaha kerajaan untuk memastikan masalah kekurangan guru dapat diatasi sebaik-baiknya dengan keadaan kebelakangan ini ramai juga guru yang bersara awal seperti yang dilaporkan dalam ucapan penggulungan Kementerian Pendidikan Sarawak dalam persidangan DUN bulan yang lepas. Mohon pihak kementerian untuk melaporkan juga statistik terkini bilangan guru yang bersara awal.

Bercakap berkaitan persaraan ini, dua hari yang lepas ada Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mencadangkan kenaikan umur persaraan dari 60 tahun ke 65 tahun berdasarkan pandangan peribadinya. Tapi pada pandangan saya, biarlah had umur persaraan itu kekal 60 tahun;

harus diambil kira peluang pekerjaan untuk golongan muda sama ada untuk pengambilan baru ataupun yang melibatkan kenaikan pangkat. Tambahan pula, berdasarkan statistik yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran belia di Malaysia masih lagi tinggi (10.6% pada 2024) dan tidak semua pekerjaan juga sesuai untuk individu berusia sekiranya had umur persaraan dinaikkan. Data ini saya dapat dari Jabatan Perangkaan Malaysia.

Tuan Speaker, seterusnya, masih berkaitan pendidikan, saya ingin memohon maklum balas berkaitan projek-projek sekolah seperti berikut:

- (a) Pembinaan bangunan tambahan prasekolah, surau dan kemudahan lain di SK Mukah;
- (b) Pembinaan bangunan tambahan 12 bilik darjah dan kemudahan lain di SMK Mukah; dan
- (c) Pembangunan Semula Sekolah Daif SK Dua Sungai & SK Kg. Petanak, Mukah yang sudah sekian lama projek ini dijalankan tetapi masih lagi belum siap dan belum dapat dimasuki oleh murid-murid dan guru untuk meneruskan sesi pembelajaran dalam keadaan yang lebih selesa dan saya ingin bertanya bilakah kedua-dua bangunan sekolah yang baru ini dapat digunakan?

Institusi Kemahiran

Terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Sarawak di atas penubuhan CENTEXS Mukah yang merupakan c di zon tengah Sarawak, ia menyediakan kemudahan moden, program latihan berkualiti dan pensijilan industri untuk melahirkan tenaga kerja mahir yang memenuhi keperluan ekonomi negeri, khususnya dalam sektor minyak dan gas, pertanian dan digital.

Dengan wujudnya institusi ini, pasti ramai yang ingin tahu apakah program terbaru yang ditawarkan di Centexs Mukah dan apakah inisiatif yang telah dirangka oleh pihak CENTEXS untuk menarik lebih ramai golongan muda ataupun anak-anak Sarawak ini untuk menjadikan bidang teknikal ini sebagai pilihan utama selepas mereka tamat SPM.

Kemudahan Sukan Dan Rekreasi

Tuan Speaker, Mukah adalah sebuah bahagian yang luas dan amat memerlukan kemudahan dan rekreasi sukan yang lengkap untuk menampung keperluan penggunaan seluruh lapisan masyarakat. Oleh itu, saya menggesa agar dewan sukan tertutup di bawah kendalian pihak SSC diperbaiki dan dinaik taraf segera memandangkan ia adalah satu-satunya dewan sukan awam yang lengkap dan boleh digunakan oleh penduduk sekitar selain daripada Kompleks Sukan Komuniti (KSK) Mukah di bawah kendalian pihak Kementerian Belia dan Sukan Malaysia iaitu di bawah *Federal*.

Saya mendapati Kompleks Sukan Komuniti (KSK) Mukah ini masih belum dapat digunakan walaupun sudah dinaik taraf oleh pihak KBS Malaysia atas sebab-sebab yang melibatkan proses-proses serah milik bangunan berkenaan daripada pihak Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Sarawak. Saya menggesa agar proses serah milik ini dapat diselesaikan segera antara agensi-agensi yang berkaitan agar kemudahan dewan ini dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh penduduk. Biar kemudahan ini rosak kerana digunakan, jangan rosak oleh sebab terbiar dan tidak digunakan. Saya mohon pihak berkaitan untuk memberikan maklum balas terhadap isu ini?

Tuan Speaker, saya juga mohon maklum balas berkaitan status projek-projek seperti berikut:

- (a) Stadium Mukah Fasa 2 yang melibatkan pembinaan Indoor Stadium yang baru; dan
- (b) Projek Pengubahsuaian Dewan Suarah Mesra Mukah yang saya lihat ketika ini masih lagi seperti itu. Tidak ada *progress* yang berkembang baik untuk kita pastikan projek ini dapat berjalan dengan lancar dan ia dapat digunakan oleh rakyat di sekitar ini.

Perkhidmatan Kesihatan

Seterusnya perkhidmatan kesihatan, perkara berkaitan kesihatan ini sering kali saya bangkitkan dalam persidangan DUN walaupun ia adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan, saya yakin hanya melalui platform seumpama inilah suara-suara rakyat di peringkat akar umbi akan dapat disalurkan kepada pihak yang tepat agar tindakan lanjut dapat diambil sewajarnya.

Tuan Speaker, saya ingin bertanya apakah status semasa permohonan pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 2 di Mukah dan apakah perancangan lain yang dirangka oleh pihak kerajaan terhadap Hospital Mukah yang dalam keadaan serba kekurangan? Doktor dan jururawat yang kurang, kelengkapan perubatan yang tidak mencukupi sering kali mengakibatkan pesakit terpaksa dihantar ke Hospital Bintulu atau Sibu untuk rawatan susulan.

Perikanan

Sektor perikanan adalah salah satu sektor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi penduduk di Mukah bermula daripada nelayan sungai hinggalah kepada nelayan laut. Saya tertarik dengan inisiatif Kerajaan Sarawak berkaitan Projek *Reef Ball* yang dilaksanakan oleh pihak Sarawak Forestry Corporation (SFC) yang bertujuan untuk memulihara dan melindungi ekosistem marin di pesisir pantai Sarawak, termasuklah kawasan Mukah. Projek Sarawak *Reef Ball* ini juga telah mendapat pengiktirafan antarabangsa daripada *Reef Ball Foundation* USA atas kejayaan Sarawak membina terumbu karang buatan terpanjang di dunia.

Maka, saya ingin tahu, setakat hari ini, apakah status projek pelabuhan *reef ball* di perairan Mukah khasnya dan sepanjang perairan Sarawak amnya? Dan apakah impak dan keberhasilan Projek *Reef Ball* berkenaan kepada komuniti nelayan terutamanya.

Ketua Masyarakat Dan Ketua Kaum

Tuan Speaker, bilakah Kerajaan Sarawak dapat meluluskan Jawatan Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum di kawasan DUN Tellian yang telah dipohon bagi jawatan-jawatan berikut;

- (a) Pemanca Iban & Pemanca Cina bagi Daerah Mukah;
- (b) Penghulu Iban Batang Mukah bagi kawasan Ulu;
- (c) Penghulu Melanau bagi kawasan Kuala Lama, Mukah; dan
- (d) Ketua Kaum bagi Kampung Penat & SPK Petanak.

Saya menggesa agar pihak kerajaan membuat keputusan segera terhadap permohonan pewujudan jawatan-jawatan tersebut. Seterusnya, saya juga ingin mencadangkan agar diwujudkan jawatan KMKK di kawasan-kawasan perumahan di sekitar Mukah memandangkan ketika ini terdapat sebanyak 26 perumahan di sekitar Daerah Mukah dan akan ada beberapa lagi yang sedang dalam pembinaan.

Saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat Kalaka dan rakan-rakan lain berkaitan peranan penting dan sumbangan besar KMKK di Sarawak yang banyak membantu sebagai pemudah cara pelaksanaan dasar-dasar kerajaan di peringkat akar umbi. Oleh itu, adalah wajar bagi pihak kerajaan untuk menaikkan elaun pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi ini selari dengan bidang tugas dan tanggungjawab mereka.

Pembangunan Modal Insan Isu Penyalahgunaan Dadah dan Substans Serta Masalah Judi Online

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, bagaimanakah Kerajaan Sarawak mengawasi serta mengawal aktiviti penyalahgunaan dadah dan judi *online* yang semakin merisaukan ketika ini dan apakah terdapat undang-undang baru yang dirancang untuk menangani masalah ini di Sarawak?

Selain Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), terdapat pertubuhan lain yang ditubuhkan di bawah kerajaan Sarawak berkaitan usaha pencegahan dan pembasmian dadah. Sarawak merupakan satu-satunya negeri yang menubuhkan *One-Stop Committee* (OSC) khususnya untuk menangani isu penyalahgunaan dadah di peringkat negeri berbanding negeri-negeri lain yang ada di Malaysia.

Oleh itu, saya mohon agar OSC terus bekerjasama rapat bersama AADK dan Skuad Antidadah di setiap bahagian untuk memastikan pendekatan yang lebih holistik dan bersepadu dalam menangani masalah dadah di Sarawak. Gejala penyalahgunaan dadah dan judi *online* ini semakin hari semakin membimbangkan.

Oleh itu, saya sekali lagi menggesa pihak AADK & PDRM untuk terus bekerjasama membanteras masalah ini habis-habisan.

Isu Vape & Cecair Perisa Yang Mengkhayalkan

Vape sekarang telah tercemar dengan banyak bahan asing yang mendatangkan bahaya kepada pengguna termasuk dadah, *caffeine*, *diacetyl*, kepekatan nikotin tidak terlabel dan THC. Ini adalah akibat dari tiada kawal selia khas terhadap kualiti *vape* yang dijual selain penjualannya kepada remaja bawah umur dan kemasukan *vape* secara haram dengan perisa yang mengkhayalkan.

Setakat Mei 2025, negeri-negeri yang telah mengharamkan penjualan *vape* secara rasmi ialah Johor dan Kelantan atas dasar kesihatan dan prinsip agama. Selain itu, Perlis juga telah mengumumkan pengharaman bermula tahun ini, manakala Terengganu menguatkuasakan larangan bermula Ogos 2025. Selangor pula sedang dalam proses ke arah pengharaman dan Melaka mempertimbangkan larangan di kawasan tertentu.

Maka dengan ini, saya mencadangkan agar Kerajaan Sarawak juga dapat mengambil tindakan yang sewajarnya dari sudut penguatkuasaan undang-undang untuk mengawal selia dan juga mencegah segala cubaan yang boleh merosakkan kesihatan anak bangsa kita terutamanya yang melibatkan unsur-unsur dadah. "*Prevention is always better than cure*"

Rumah Mampu Milik

Tuan Speaker, saya memohon agar dibina lebih banyak rumah mampu milik di Mukah bagi menampung keperluan isi rumah yang terpaksa berkongsi dalam satu rumah ketika ini selain daripada memenuhi keperluan keluarga muda untuk memiliki rumah kediaman sendiri.

Saya juga memohon maklum balas daripada pihak kementerian berkaitan status terkini pelaksanaan SPK Tellian Fasa 1 & dua lagi SPK yang telah kita cadangkan iaitu SPK Tellian Fasa 2 & SPK Petanak Fasa 2.

Skim Pembesaran Kampung ini memberikan banyak manfaat kepada rakyat, apatah lagi dengan pembahagian lot-lot tanah kepada penduduk yang masih belum memiliki rumah dan tanah sendiri.

Di kesempatan ini juga, saya sekali lagi memohon agar pihak Land and Survey menyelesaikan segera masalah penduduk perumahan yang belum mendapat surat hak milik tanah individu di beberapa Taman Perumahan di Mukah seperti Taman Desa Kenanga dan Taman Desa Cempaka. Dan saya juga memohon pihak Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan & Perumahan Sarawak untuk menyelesaikan masalah kewujudan Pemaju Perumahan yang gagal menyiapkan rumah dalam tempoh yang ditetapkan di sekitar Daerah Mukah sehingga menyebabkan pembeli menanggung kerugian besar, saya mengutarakan isu ini berdasarkan aduan yang disampaikan kepada saya pada awal bulan April yang lepas.

Tuan Speaker, sebelum saya mengundurkan diri, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Tuan Speaker dan kakitangan DUN, seluruh warga kerja kementerian sama ada di peringkat pusat mahupun negeri, warga media dan semua yang terlibat secara langsung dalam persidangan kali ini.

Akhir kata, Selamat Hari Guru, Selamat Hari Wesak dan Selamat Hari Raya Aidiladha dan Selamat Hari Gawai, *Gayu Guru Gerai Nyamai, Lantang Senang Nguan Menua* kepada semua yang meraikannya.

Dengan ini, Tellian menyokong penuh usul penghargaan atas Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Semoga Tuhan Allah memberkati segala usaha kita semua. Saya yakin dengan niat dan tujuan yang baik pasti semuanya akan sentiasa dipermudahkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat bagi Jepak.

YB Encik Iskandar bin Turkee: Terima kasih, Tuan Speaker. Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Ibu Pertiwiku, Salam Sarawakku Sayang dan Salam Sarawak Maju Makmur.

Syukur kepada Allah S.W.T. kerana kita dapat bersidang dalam suasana harmoni dan sejahtera untuk Mesyuarat Pertama bagi Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Sarawak Ke-19 ini. Semoga persidangan ini akan membawa Sarawak ke arah kemajuan dan pembangunan yang lebih inklusif, berdaya saing dan mampan.

Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Usul Penghargaan ke atas Ucapan Tuan Yang di-Pertua Negeri Sarawak bagi pembukaan Persidangan ini.

Dengan kesempatan ini, saya dan warga DUN Jepak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg di atas lantikan sebagai Yang di-Pertua PERKIM yang baharu untuk penggal 2025 hingga 2028 dalam Pemilihan Ahli Majlis Kebangsaan PERKIM Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) ketika persidangan Mesyuarat Agung Tahunan PERKIM kali Ke-64 berlangsung di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).

Di sini juga, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri bagi N.8 Satok di atas pelantikan beliau sebagai Timbalan Menteri Utiliti yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal Sarawak Energy Berhad (SEB) dan Petroleum Sarawak (PETROS). Saya yakin pelantikan ini merupakan langkah strategik Kerajaan Sarawak di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier bagi menangani cabaran semasa di peringkat tempatan, nasional dan global.

Tuan Speaker, ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri di dalam Pembukaan Penggal Keempat ini menekankan agar semua tuntutan Sarawak diharapkan dapat diselesaikan segera oleh Kerajaan Persekutuan bagi memastikan manfaatnya dapat dinikmati bersama di peringkat negeri dan negara. Ianya dipamerkan melalui hubungan Ketua Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak ketika ini amat akrab. Hasilnya banyak isu berkaitan hak dan kepentingan Sarawak telah berjaya diselesaikan hasil kerjasama erat kedua-dua pihak. Dengan itu, saya yakin hubungan akrab ini juga akan memastikan Sarawak mendapat tuntutan yang termaktub dalam Penjanjian Malaysia 1963 iaitu MA63 Laporan *Inter-Governmental Committee* (IGC), Perlembagaan Malaysia dan Perlembagaan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua Negeri turut menyeru agar Kerajaan Persekutuan segera melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap Pembangunan ekonomi, sosial dan keselamatan di negeri ini.

Oleh itu, keikhlasan dan komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim melalui prinsip Malaysia MADANI amat dihargai. Ini mampu memberi impak yang positif kepada usaha menyemai semangat *segulai sejalai* ke arah Pembangunan yang inklusif kepada Sarawak.

Ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier bersama barisan kepimpinan Kerajaan Sarawak telah merangka pelbagai pendekatan selaras dengan aspirasi Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 2030 bagi menangani ketidakpastian ekonomi global akibat konflik geopolitik, revolusi teknologi, perubahan iklim dan perang tarif global yang memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Sarawak. Sehubungan dengan itu, Sarawak telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (a) Kerjasama strategik dengan United Kingdom dalam bidang Pendidikan, penyelidikan, pembuatan, semikonduktor dan tenaga;
- (b) Kejayaan melancarkan *AI Based Power Converter* di United Kingdom dan merupakan hasil keupayaan anak-anak Sarawak dalam bidang AI serta transformasi digital.
- (c) Penerokaan Sarawak sebagai hab aeroangkasa baharu di Rantau Asia Pasifik berdasarkan lawatan kerja ke ibu pejabat *Avions de Transport Regional* (Regional Transport Aircraft (ART)) dan *Airbus* di Toulouse, Perancis.

Izinkan saya terus menyentuh isu dan pembangunan di kawasan saya yang masih memerlukan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya. Maka dengan itu, penyelesaian keperluan utama bagi warga DUN Jepak hendaklah ditangani dengan penuh komitmen dan bijaksana dari semua jabatan kerajaan, badan berkanun dan agensi terbabit. Keperluan adalah seperti berikut:

ISU BANJIR BINTULU

Tanggal 29 Januari 2025, Bahagian Bintulu telah berdepan dengan musibah banjir yang luar biasa dan melumpuhkan aktiviti penduduk di bandar Bintulu. Selain daripada punca semula jadi, kita percaya faktor lain yang menyumbang berlakunya bencana banjir. Contohnya, kelemahan dalam sistem perparitan di Bintulu telah menghalang Sungai Sibiew daripada mengalirkan air berlebihan secara berkesan, menyebabkan lonjakan paras sungai dengan cepat. Impak daripada banjir ini, komunikasi terjejas dan terputus, sama ada jaringan jalan raya dan perhubungan talian (telefon dan internet) dan sebagainya. Kesan daripada ini telah menyebabkan kesukaran untuk menyalurkan bantuan kepada penduduk yang terjejas kerana tidak dapat dikunjungi dan dihubungi. Oleh yang demikian itu, disini saya syorkan beberapa pendekatan dalam pengurusan risiko bagi menangani isu-isu banjir di atas.

Rancangan Tebatan Banjir di Bintulu

Bagi memastikan aliran sungai lancar dari hulu hingga ke Kuala Sungai Sibiew dan Kuala Kemena, satu kajian hidrografi *survey* perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti kedalaman dan mendapan yang berlaku yang menyebabkan banjir. Hasil daripada kajian ini, kerajaan boleh melaksanakan tindakan jangka pendek dan jangka panjang dalam menangani isu banjir di Bintulu. Contoh, *dredging* sungai, kolam tebatan banjir, naik taraf sistem perparitan, perbanyakkan *monsoon drain* di penempatan penduduk yang ramai dan padat dan penempatan semula penduduk yang terkesan dari banjir.

- (a) Bekalan Elektrik Berasingan

Setiap bekalan elektrik untuk stesen minyak dan peralatan komunikasi seperti menara TELCO perlu dibekalkan elektrik secara berasingan dan tidak berkongsi dengan pihak lain. Manakala, kedudukan *substation* perlu dibina pada kedudukan tinggi daripada aras yang selamat dari banjir. Ini bagi memastikan gerakan operasi menyelamatkan dan membantu mangsa

banjir dapat dibuat dengan bekalan minyak yang mencukupi dan tidak terjejas dan mangsa banjir boleh dihubungi sebab peralatan komunikasi berfungsi.

- (b) Memperluaskan penggunaan peralatan komunikasi secara satelit, terutama di kawasan pendalaman. Contohnya penggunaan *starlink* yang boleh berfungsi menggunakan bekalan elektrik melalui tenaga solar energy.

Pewujudan *Smart Data Utiliti Bank* merangkumi setiap bahagian, daerah, bandar, kampung, rumah panjang dan apa jua penempatan di mana segala rekod-rekod dan inventori lokasi kabel elektrik, *substation*, jaringan paip air, paip gas, lokasi menara TELCO, *high water tank*, jaringan komunikasi *fibre optic* dan lain-lain. Ini perlu dalam membantu kerajaan dalam pengurusan risiko untuk bertindak lebih sistematik, cepat dan berkesan dalam menggerakkan jabatan atau agensi yang berkaitan. Di mana tempoh untuk mengesan punca dan lokasi kerosakan berjaya dibuat dalam tempoh yang singkat, apabila dengan penggunaan AI.

BINA DAN NAIK TARAF SEKOLAH

Kemudahan dan persekitaran yang baik di sekolah dapat menyediakan persekitaran pembelajaran kondusif dan menyokong murid, sekali gus mempengaruhi pencapaian mereka. Sekolah dilengkapi kemudahan mencukupi seperti perpustakaan, makmal komputer, dewan sukan dan bilik darjah selesa membantu murid memperoleh pengetahuan dan kemahiran diperlukan.

Persekitaran sekolah yang selamat dan terjamin pula memberikan murid rasa selesa dan selamat, tidak menjejaskan tumpuan dan pembabitan dalam aktiviti pembelajaran. Maka, murid cenderung lebih fokus dan mempunyai prestasi akademik lebih baik.

Menurut laporan bank dunia, impak infrastruktur sekolah pada pembelajaran: satu sintesis terhadap bukti diterbitkan pada tahun 2019, kerajaan dan masyarakat di seluruh dunia perlu berusaha meningkatkan sistem pendidikan dan memastikan semua kanak-kanak serta belia mempunyai peluang untuk ke sekolah, memperolehi pengetahuan dan kemahiran diperlukan bagi menjalani kehidupan sihat dan produktif.

Berdasarkan laporan berkenaan, pencapaian murid dapat ditingkatkan apabila sekolah mempunyai persekitaran pembelajaran fizikal yang lebih baik. Terdapat kajian terkini menunjukkan pelaburan dalam infrastruktur sekolah berkualiti mempunyai hubungan positif dengan pembelajaran murid.

Dalam aspek ini, pembangunan infrastruktur sekolah di harap dapat mengurangkan jurang pendidikan di kawasan bandar dan luar bandar. Berdasarkan kajian, sehingga kini pencapaian murid masih tidak seimbang.

Prestasi pelajar luar bandar lebih rendah

Di negeri yang memiliki banyak sekolah luar bandar seperti di Sabah dan Sarawak, secara purata murid menunjukkan prestasi lebih rendah jika dibandingkan negeri memiliki bilangan sekolah luar bandar yang sedikit.

Berdasarkan pendedahan Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak sehingga April 2022, terdapat 455 sekolah rendah dan menengah di Sarawak dikenal pasti sebagai daif dan berada dalam kategori kritikal. Sehubungan dengan itu, mohon kerajaan untuk membina baru dan naik taraf sekolah-sekolah di DUN Jepak seperti berikut:

- (a) Bina Baharu Sekolah

Sekolah ini infrastruktur yang daif, terdedah dengan banjir dan hakisan, iaitu: Sk Sg Selad, Sk Sg Silas dan Sk Sg Setulan.

(b) Naik taraf Sekolah

Sekolah ini dalam keadaan infrastruktur yang daif, iaitu: SK Jepak, SK Kuala Tatau dan SK Setiam.

PERUMAHAN KOS RENDAH DAN SEDERHANA

Kerajaan Sarawak akan memperkenalkan inisiatif baharu dalam bentuk subsidi perumahan untuk golongan berpendapatan rendah bagi menampung sebahagian daripada harga perumahan. Ia memperuntukkan sebanyak RM50 juta pada di bawah Belanjawan Negeri 2025. Bagi memastikan rakyat mampu memiliki rumah, kerajaan juga memperkenalkan satu inisiatif baharu dalam bentuk subsidi perumahan untuk golongan berpendapatan rendah bagi menampung sebahagian daripada harga rumah. Ia bagi meringankan beban kewangan kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana di Sarawak untuk memiliki rumah kos rendah dan sederhana.

Saya mohon agar Pembinaan Rumah Kos Murah dan Sederhana di DUN Jepak diberi keutamaan dan disegerakan berdasarkan belanjawan yang telah diperuntukkan bagi tahun 2025. Ini merujuk kepada lawatan kerja YAB Premier ke Bintulu pada 15 Februari 2025, yang menyatakan: *"Kerajaan Sarawak bakal membangunkan kawasan perumahan dengan harga mampu milik di Bintulu"*. Inisiatif Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) itu, menurut beliau akan dilaksanakan dengan konsep *'Supply-Demand'*, saya ulang *'Supply-Demand'*, *demand is there but supply, I don't know*, setakat ini lah.

Yang Amat Berhormat Premier juga memaklumkan bahawa BDA akan memperluaskan kawasan di Bintulu termasuk di Sebauh dan Tatau yang akan menjadi sebahagian daripada Pelan Pembangunan Besar-Besaran BDA. Ini demi masa depan Bintulu yang lebih besar. Pembangunan perlu lebih teratur termasuk perumahan. Harga rumah jangan terlalu mahal. Sebab itu kita akan bina rumah banyak-banyak agar harga akan turun mengikut *'market forces'*.

Kerajaan akan bina perumahan hingga ke Tatau dan Sebauh sebab dulu hanya tertumpu di bahagian bandar Bintulu menyebabkan harga rumah mahal.

Sebarang kelewatan dalam melaksanakan projek perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana akan memberi impak-impak negatif, contohnya, peningkatan penempatan setinggan dan pencerobohan tanah milik kerajaan di Bintulu. Selain itu, kenaikan kos barang-barang binaan juga bertambah dari setahun ke setahun menyukarkan untuk merealisasikan harapan mereka untuk memiliki rumah tersebut.

Oleh itu, sudah tiba masanya BDA berkolaborasi dengan Housing Development Corporation (HDC), Land Custody Development Authority (LCDA), Tabung Baitulmal atau mana-mana syarikat yang sanggup membina rumah kos sederhana dan kos rendah demi kesejahteraan rakyat, khasnya di Bintulu.

ANJUNG USAHAWAN DAN TAMAN REKREASI

Berhadapan dengan kos sara hidup yang tinggi, maka Kerajaan Sarawak yang prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat yang terkesan. Seajarnya dengan itu, pelbagai pendekatan, salah satu pembinaan Anjung Usahawan untuk rakyat terlibat dalam perniagaan bagi memasarkan produk-produk tempatan. Maka, di sini, pihak saya mohon agar Anjung Usahawan dibina di DUN Jepak di laluan jalan Jambatan Jepak-Bintulu selari dengan Pejabat Pentadbiran Kerajaan yang baru. Anjung Usahawan Jepak bakal menjadi pusat keusahawanan yang dilengkapi dengan kemudahan e-perdagangan untuk para usahawan.

Ia merupakan salah satu daripada pusat keusahawanan bagi mempercepatkan transformasi sosioekonomi serta menyokong pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Bintulu. Komponen Anjung Usahawan Jepak merangkumi pusat latihan, pejabat pentadbiran, bengkel, pusat

pemprosesan, kawasan terbuka untuk penganjuran acara awam seperti acara PKS, hostel, tempat letak kereta yang mencukupi, taman rekreasi, tandas dan kawasan solat.

Penubuhan Anjung Usahawan Jepak bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat dengan menyediakan tempat yang selesa bagi tujuan berniaga, melatih dan memproses produk tempatan dilengkapi dengan sistem e-dagang. Pusat berkenaan memfokuskan kepada kemampuan peningkatan para pengusaha tempatan dalam pemprosesan makanan, pembuatan dan pengembangan produk; melatih usahawan dalam *teknopreneurship*; dan merangsang aktiviti ekonomi kawasan sekitar.

PUSAT KONVENSYEN BINTULU ATAU BINTULU CONVENTION CENTRE (BCC)

Belanjawan tahun 2025 memperuntukkan RM250 juta untuk projek rakyat bagi membina fasiliti baru seperti Kompleks Sukan dan menaik taraf "*Civic Centre*" sedia ada. Oleh yang demikian, saya mohon agar di bina Pusat Konvensyen Bintulu di DUN Jepak. Ini selari dengan perubahan landskap pembangunan di Jepak susulan siapnya Jambatan Bintulu-Jepak pada tahun ini.

Dan kita sedia maklum dengan kepesatan industri *Oil & Gas* dan *New Energy* dan lain-lain di Bintulu, maka sudah pasti para pelabur iaitu *Foreign Direct Investor* akan menganjur seminar, konvensyen, kursus dan lain-lain yang bertaraf antarabangsa dan dunia di Bintulu.

Kewujudan BCC ini akan melengkapi keperluan di atas dan secara tak langsung mempromosi Sarawak di peringkat antarabangsa serta menjana ekonomi Sarawak.

KOMPLEK SUKAN BERSEPADU BINTULU (KSBB)

KSBB Kompleks Sukan Bersepadu Bintulu merupakan ke arah destinasi sukan dan hiburan terkini di Sarawak. Dengan stadium bertaraf dunia dan kemudahan integrasi, KSBB mampu menterjemahkan masa depan rekreasi dan peluang ekonomi. Kompleks Sukan Bersepadu akan memberi manfaat bukan sahaja kepada atlet dan peminat sukan tetapi juga kepada komuniti secara meluas. Kecanggihan KSBB akan mengubah landskap sukan, budaya, dan hiburan di Bintulu dan Sarawak. Ia meliputi pembinaan stadium utama, kawasan sukan luar, plaza parkir, dan terminal pengangkutan bersepadu. Ini menumpukan pada pembangunan kemudahan komersial dan budaya, termasuk sayap sukan, sayap belia, teater, kedai runcit, kawasan rekreasi, serta infrastruktur penginapan seperti hotel.

Ia juga mempunyai ciri menarik, stadium utama adalah padang boleh tarik, yang mungkin yang pertama di Sarawak. Ini akan memudahkan penyelenggaraan padang dan membolehkan sukan-sukan lain seperti hoki, tenis dan juga persembahan diadakan di stadium yang sama tanpa menjejaskan padang.

KSBB akan mencipta peluang yang banyak untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan mengintegrasikan ruang runcit dalam kompleks.

Reka bentuk KSBB berintegrasi dengan hab pengangkutan, kedai, dan restoran yang dirancang akan dipastikan aliran pengunjung yang tetap walaupun pada waktu tiada acara sukan. Penubuhan KSBB mampu membawa kesan positif ke atas komuniti sekitar dan perniagaan tempatan, bukan sahaja di Jepak di mana KSBB akan terletak, tetapi juga di kawasan berdekatan yang berpotensi meningkatkan ekonomi Bintulu serta daerah-daerah berdekatan. Peluang pekerjaan juga mampu ditawarkan dengan terbinanya KSBB.

Selain itu, KSBB menyediakan sebuah teater dalam kompleks juga akan mempromosikan aktiviti budaya dan hiburan, sejajar dengan warisan Sarawak untuk menghormati warisan negeri. KSBB tidak hanya akan memberi manfaat kepada atlet dan peminat sukan, tetapi juga kepada komuniti dengan lebih luas.

Ia menggambarkan potensi kompleks tersebut di mana ibu bapa boleh memandu ke fasiliti pada pagi hari dan meletak kereta di plaza parkir berbilang tingkat, sementara anak-anak mereka boleh tiba melalui sistem Transit Aliran Automasi (ART) atau perkhidmatan *e-hailing* dari kolej ke hab pengangkutan.

Untuk makan tengah hari, keluarga boleh ke kawasan runcit, yang mempunyai surau yang selesa. Kemudian pada petang, mereka boleh berjalan di taman hijau dan pergi ke kedai-kedai yang berdekatan. Ia menggambarkan stadium yang terbaru yang terletak dalam kompleks sebagai "*arena sukan*" di kawasan Bintulu, menjadikannya berbeza dari kemudahan lain di negeri ini. KSBB akan menawarkan infrastruktur lengkap untuk menampung baik pengunjung mahupun atlet.

Kebolehan KSBB, seperti keupayaannya untuk mengadakan acara berasingan, juga akan menjana pulangan yang besar, yang akan disalurkan semua ke dalam penyelenggaraan dan peningkatan masa depan kompleks.

Tuan Speaker, akhir kata, kita doakan agar semua hasrat rakyat yang disuarakan melalui Dewan yang mulia ini akan diambil tindakan dan dilaksanakan dengan jayanya bagi memastikan segala rintihan dan denyut nadi rakyat berjaya disantuni. Dan saya menyokong usul penghargaan atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak di sini.

Saya mengucapkan Selamat Hari Gawai Dayak, *Gayu Guru Gerai Nyamai, Lantang Senang Nguan Menua* dan Selamat Menyambut Hari Raya Aidiladha kepada semua dan juga mengucapkan tahniah kepada Tuan Speaker, Timbalan Speaker, Setiausaha Dewan. Warga kerja Dewan Undangan Negeri di atas kecemerlangan mengendalikan persidangan Dewan Undangan Negeri selama ini. Saya ingin menyampaikan pantun iaitu, pertama:

*Makai mee laksa di kedai apai,
Tapau mimit bai ku pulai;
Aku meri Selamat Gawai,
Gayu Guru Gerai Nyamai.*

*Walau jauh bukan halangan,
WhatsApp dihantar tanda ingatan;
Maaf ku pohon selama berkawan,
Salam Aidil Adha buat anda semua dan kenalan.*

Maka dengan itu, Jepak menyokong usul atas Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, we have a lunch break. Sitting resume at 3.00 pm.

(Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.02 petang)

(Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.55 petang)

[Tuan Speaker mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Speaker: Honourable Member for Tupong.

YB Dato Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Speaker. I rise and I would like to reiterate my objection yesterday under Standing Order 32 specifically concerning certain remarks made by Yang Berhormat Pending, which in my view falls clearly within the scope of Standing Order 32(6), "*No Member shall impute improper motives to any other Member or make any statement or allegation which the said Member is not prepared to substantiate*".

I refer the House to page 60 of the unpublished Hansard where Yang Berhormat Pending stated quote (*Sentences Expunged*). And I will read together again with the in the unpublished Hansard page 63. (*Sentences Expunged*).

The repeated reference of (*Words Expunged*) in this statement appear to imply improper motives and unsubstantiated allegation thereby contravening Standing Order 32(6). Although Yang Berhormat Pending might argue that these terms were not directly aimed at any individual, it is evident particularly from the perspective of the layperson that such language is suggestive, and it alludes to a specific person. This form of inuendo though veiled, reveals an intent that breaches the decorum expected under Standing Order 32. Therefore, I respectfully seek the ruling from Tuan Speaker on this matter and request the above-mentioned remarks by Yang Berhormat Pending be expunged from the Hansard. Terima kasih, Tuan Speaker.

Tuan Speaker: Honourable Member for Pending?

YB Puan Violet Yong Wui Wui: Tuan Speaker, let me make it clear here. I don't impute any improper motives against any Honourable Member in this House. Just to explain why I delivered that part of speech because our Dewan, just to lighten up the Dewan. But in any event, since there is (*Words Expunged*). It's okay lah. Make everybody happy, though our (*Words Expunged*), but well, Tupong is not happy, so I withdraw lah. It's okay because any how it is just a *pantun* and for the other part, it is just looking for this (*Words Expunged*) to solve the electric, *bekalan elektrik* problems. So, I withdraw that part. It's okay. You can order it to be expunged. And now, everybody knows this (*Words Expunged*) but cannot be said in this Dewan. So, I am happy about that. It's okay.

YB Dato Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman: Are you trying to impute ...(*Interruption*)...

YB Puan Violet Yong Wui Wui: So, so, okay ...(*Interruption*)...

YB Dato Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman: The first part...(*Interruption*)...

YB Puan Violet Yong Wui Wui: So just, no...(*Interruption*)...

YB Dato Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman: This first part was okay, thank you...(*Interruption*)...

YB Puan Violet Yong Wui Wui: Just withdraw it. Just withdraw it, and that's it. And let's proceed with the rest.

Tuan Speaker: Do you admit this is part of your speech recorded in the Hansard?

YB Puan Violet Yong Wui Wui: Yes.

Tuan Speaker: Do you admit?

YB Puan Violet Yong Wui Wui: It was recorded in the Hansard...(*Interruption*)...

Tuan Speaker: It's a fact. It's a fact. Page 60, page 63, page 64 your *pantun*. Now, under Standing Order 32(6), "no Member shall impute improper motives to any other Member or make any statement or allegation which the said member is not prepared to substantiate". Standing Order 32(4) it should be out of order to use offensive and insulting language about Members of the DUN. You have two *pantuns*; no Member should refer to another Member by name. Standing Order 32(5), "no Member shall refer to any Member by any other name".

You are using the word (*Words Expunged*), instead of Honourable Member for Gedong and Premier. You are using his name. It violates Standing Order 32(5), Standing Order 32(6) is improper motive, and Standing Order 32(4), insulting language. So, I make a ruling and since you also

withdraw it, that your speech, that part of speech page 60, page 62, page 63, and page 64. I hereby direct the Secretary to expunge those parts. Okay.

YB Encik Chong Chieng Jen: Just to clarify. Only that part about, the part with *(Words Expunged)* and *(Words Expunged)* to be expunged right? Not the whole of the text right because the Minister has to respond ...*(Interruption)*...

Tuan Speaker: No, the relevant parts ...*(Interruption)*...

YB Encik Chong Chieng Jen: The relevant parts ...*(Interruption)*...

Tuan Speaker: Not the words, the relevant paragraphs.

YB Encik Chong Chieng Jen: Okay.

Tuan Speaker: The relevant paragraphs ...*(Interruption)*...

YB Encik Chong Chieng Jen: And she requested the first *rangkap* of the *pantun* to be kept...*(Interruption)*...

Tuan Speaker: Okay. Let's be done with it. Honourable Member for Krian.

YB Encik Friday anak Belik: Terima kasih, Tuan Speaker. Sebelum saya meneruskan ...*(Interruption)*...

Tuan Speaker: Excuse me, Sorry. Under Standing Order 89, "*the power of the Speaker to expunge*", also is in practice with other Commonwealth countries. This is contained in Section 380 of Lok Sabha, India, the lower House. Ya, proceed.

Pengenalan

YB Encik Friday anak Belik: Terima kasih, Tuan Speaker. Sebelum saya meneruskan perbahasan saya saya ingin memaklumkan bahawa terdapat 31 orang Ketua Kaum dan Kaunselor daripada N.39 Krian bersama kita pada petang ini di Galeri. Terima kasih. Terima kasih, Tuan Speaker, kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Usul Penghargaan atas Ucapan Perasmian oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak pada 19 Mei 2025 dalam Dewan yang mulia ini. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak atas titah perutusan yang disampaikan.

It is a privilege and solemn duty to rise today to propose a motion of thanks in response to the gracious and visionary opening address delivered by Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar at the commencement of the First Meeting of the Fourth Session 19th Sarawak State Legislative Assembly in this august House on 19th May 2025. His Excellency's speech, grounded in wisdom and foresight, has once again illuminated the path toward Sarawak that is prosperous, united and resilient. With great clarity, he outlined the government's unwavering commitment to advancing infrastructure development, safeguarding our cultural heritage, and fostering sustainable economic growth for all communities across our beloved Bumi Kenyalang. His Excellency's address resonated deeply with the aspirations of every Sarawakian, particularly on digital transformation, rural connectivity and infrastructure development, environmental stewardship, social inclusivity, green energy and green economy, education and human capital development, State Federal relationship, political stability, the role of PETROS as a sole gas aggregator, prosperity among the *rakyat*, unity and social harmony, youth and sports development, Malaysia's Five Year Plan, and of course, the pivotal role of government servants in Sarawak.

It is acknowledged that His Excellency's steadfast leadership in upholding the principle of unity and multi-cultural harmony has become the cornerstone of Sarawak's identity. His address has reaffirmed the state's strategic alignment with the PCDS 2030, ensuring that Sarawak remains a beacon of stability and innovation in Malaysia.

Di kesempatan ini juga, saya ingin memberi ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak atas pelantikan beliau sebagai Yang di-Pertua PERKIM iaitu Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia bagi penggal 2025 hingga 2028 pada 10 Mei lepas. Pelantikan beliau untuk menerajui PERKIM adalah sebagai satu pengiktirafan kepada daya pimpinan beliau yang dinamik dan disegani bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi juga di peringkat antarabangsa.

This is evident, when almost immediately after he assumed the post of Chief Minister now the Premier in January 2017, Sarawak's economic landscape has been characterized by strategic diversification and modernization, focusing on sustainable development and technological advancement. Yang Amat Berhormat Premier had positioned Sarawak as a leader energy hub in the region by leveraging on rivers and dams like Bakun and Murum. Sarawak has also embarked on green economy and is a pioneer in green hydrogen production and hydrogen powered public transport system. On agriculture, Yang Amat Berhormat Premier had initiated modern farming by promoting fertigation, hydroponic, and the setting up of a few agro-park where new technologies like IOT, and agricultural best practices are put in place. This is to enhance the agriculture sector to pursue Sarawak's ambition to be a self-reliance and food production hub in the region. Yang Amat Berhormat Premier also has been very persistent and consistent in pursuing Sarawak's right under the MA63, especially to fight for greater control over oil and gas resources. This has actually greatly boosted Sarawak's revenue in the last few years.

Isu-Isu Pembangunan Di Kawasan DUN Krian

Seterusnya Tuan Speaker, saya ingin membangkitkan beberapa isu pembangunan yang melibatkan kawasan N.39 Krian:

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Jalan Raya

Tuan Speaker, during the last sitting I did bring up to this august House a total of 17 access road in my *kawasan* that needed to be upgraded or repaired. Being a rural based and purely agricultural constituency, Krian is still in dire needs of better infrastructure projects like farm roads and bridges. Di antaranya ialah:

- (a) Jalan Ulu Kabo/Sungai Jirak/Ulu Awik;
- (b) Jalan Ulu Risau;
- (c) Jalan ke SK Ulu Awik;
- (d) Jalan Lubok Kepayang;
- (e) Jalan Rh Tanjong, Awik;
- (f) Jalan Belavong/ Engkala, Awik;
- (g) Jalan Ukir, Awik;
- (h) Jalan Ulu Krian/Nanga Alum, Ulu Gerenjang;
- (i) Jalan Ulu Sebetan;
- (j) Jalan Sungai Sarang, Lichok, Roban;
- (k) Jalan Rumah Nyambar, Dabai, Roban;
- (l) Jalan Rumah Dius, Kedoh;
- (m) Jalan Rumah Machup, Kedoh;
- (n) Jalan Rumah Jimmy, Brayang;
- (o) Jalan Rumah Tugau, Brayang;
- (p) Jalan Rumah Mang, Brayang;

- (q) Jalan Kawang/ Sg. Engkabang/ Drau;
- (r) Naik Taraf Jln. Kawang/ Nanga Drau; dan
- (s) Naik Taraf Jalan ke Rh. Ipa, Krango.

Tuan Speaker, sekali lagi saya bawa ke Dewan yang mulia ini dan memohon supaya jalan-jalan seperti di atas diberi pertimbangan sewajarnya oleh pihak yang berwajib. Jalan-jalan di atas amatlah penting bukan sahaja memudahkan pergerakan penduduk tetapi juga membantu untuk membuka kawasan-kawasan ini sama ada dalam bidang pertanian atau program-program lain seperti aktiviti pelancongan di mana kawasan-kawasan ini masih mempunyai potensi untuk diterokai.

Jambatan

Tuan Speaker, kebanyakan jambatan yang dibina bersama jalan-jalan yang saya telah sebut di atas merupakan jambatan kayu yang sudah uzur dan kurang selamat untuk digunakan. Untuk itu, saya ingin memohon supaya peruntukan kewangan untuk menggantikan jambatan-jambatan seperti berikut:

- (a) Jambatan Gantung di Sg Krian yang menghubungkan Rh. Panjang Tabau dan Krangan ditukar dengan Jambatan I-Beam;
- (b) Jambatan Sg. Krian di Jalan Nanga Batang;
- (c) Mengganti Jambatan Sg. Ibus, Jalan Mudong/ Kop Ibus;
- (d) Mengganti Jambatan Jalan Tanjong/ Rh. Lewis;
- (e) Mengganti Jambatan ke Rh. Dius, Kedoh, Roban;
- (f) Mengganti Jambatan ke Rh. Machup, Jln. Ulu Kedoh;
- (g) Mengganti Jambatan Jln. Kawang/ Drau Ulu.

Menara Telekomunikasi dan Liputan Internet dan Telefon

Tuan Speaker, masih terdapat menara-menara telekomunikasi yang sudah didirikan tetapi belum beroperasi. Rungutan orang awam masih kedengaran mengadu tentang liputan internet dan telefon yang masih belum memuaskan walaupun menara sudah didirikan. Untuk itu kita mohon pihak yang berwajib untuk mempercepatkan proses mengaktifkan menara-menara ini.

Bekalan Air Bersih Terawat

Kita amat berterima kasih kepada Kerajaan Sarawak kerana telah meluluskan Projek Bekalan Air Bersih Terawat di kawasan seperti berikut:

- (a) Ulu Gereja;
- (b) Kawasan Ulu Sebetan;
- (c) Kawasan Brayang/ Mudong/ Tapang Ujan/ Ibus;
- (d) Projek Menaik Taraf Loji Bekalan Air di Kaki Wong.

Saya harap proses pelaksanaan projek-projek di atas dapat disegerakan supaya penduduk di kawasan terbabit dapat menikmati bekalan air bersih dalam masa terdekat. Sebenarnya satu libat urus sudah diadakan di antara JBALB dengan penduduk terlibat pada bulan Februari lepas dan kita harap mendapat berita baik berkaitan pelaksanaannya dalam masa terdekat.

Tuan Speaker, saya amat berterima kasih dan menyambut baik inisiatif Yang Berhormat Menteri Utiliti dan Telekomunikasi yang selalu turun padang untuk melawat loji rawatan air di Kaki Wong dan Lichok, dan yang terbaharu pada bulan April yang lepas bagi meninjau sendiri perkembangan dan masalah bekalan air di Daerah Saratok dan Daerah Kabong. Terima kasih juga kerana telah meluluskan projek menaiktaraf loji rawatan air di Kaki Wong dan Lichok. Dengan adanya projek menaik taraf loji-loji rawatan air ini, maka kapasiti pengeluaran air di Kaki Wong dan

Lichok akan bertambah dan sudah pasti dapat menyelesaikan masalah kekurangan air pada masa akan datang.

Bekalan Elektrik

Tuan Speaker, pada persidangan bulan November yang lepas saya telah menyuarakan masalah bekalan elektrik di beberapa kawasan di DUN Krian. Sehingga kini, kedudukan permohonan yang masih belum diluluskan di bawah ALAF masih sama *since the last meeting*. Sejak dua tahun yang lepas kita sudah menerima dan mengemukakan sebanyak 126 permohonan di bawah ALAF dan sudah pun dikemukakan kepada pihak Kementerian. Namun, setakat ini hanya tujuh permohonan sahaja yang telah diluluskan. Maka dengan ini saya merayu kepada pihak kementerian dan SEB supaya mempercepatkan proses kelulusan ke atas permohonan tersebut demi keselesaan mereka yang terlibat.

Sekolah Daif

Tuan Speaker, kita amat berterima kasih kepada kerajaan kerana telah meluluskan Projek Pembinaan Bangunan Sekolah Baharu di tiga buah sekolah rendah di Krian sejak tahun 2024 di bawah Projek Sekolah Daif 1B iaitu SK Orang Kaya Tandok, Krangan sudah siap, SK Babang dalam proses pembinaan dan SK Nanga Atoi dalam proses pembinaan. Namun demikian, terdapat 25 buah sekolah rendah lagi dalam keadaan daif dan memerlukan perhatian segera. Di samping itu, juga Tuan Speaker, saya mohon Kementerian Pendidikan Malaysia atau Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak untuk menyegerakan pemindahan SK Kabo Ulu ke tapak yang baharu yang sudah pun diluluskan. Ini amat penting kerana tapak sekolah yang sedia ada sering kali dilanda banjir. Pada bulan Februari yang lepas, jambatan gantung yang menghubungkan sekolah tersebut telah dihanyutkan oleh arus deras dan difahamkan peruntukan telah diluluskan oleh SDMC. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah kerana telah mempercepatkan proses kelulusan untuk membina jambatan baharu ke sekolah berkenaan dan akibatnya Tuan Speaker, murid sekolah di sekolah berkenaan terpaksa dipindahkan secara sementara ke sekolah yang berdekatan.

Fasiliti Kesihatan

Tuan Speaker, seperti yang kita sedia maklum, kemudahan kesihatan yang baik dan mencukupi adalah salah satu aspek penting bagi menentukan taraf hidup rakyat. Di DUN Krian, kita ada dua buah klinik kesihatan iaitu Klinik Kesihatan Nanga Budu dan Klinik Kesihatan Nanga Atoi. Kedua-dua klinik kesihatan ini telah banyak membantu penduduk-penduduk di kawasan berkenaan. Saya amat berterima kasih kepada kerajaan dan Kementerian Kesihatan Malaysia kerana telah meluluskan Projek Menaik Taraf Prasarana di Klinik Kesihatan Nanga Atoi, di mana Projek Pembinaan Bangunan Baharu sudah pun bermula. Saya juga berterima kasih kepada Kementerian kerana telah meluluskan satu lagi klinik kesihatan di Krian iaitu Klinik Kesihatan Mid Krian-Bajau. Saya difahamkan tapak bagi projek tersebut sudahpun dikenal pasti. Dengan adanya klinik kesihatan ini nanti akan dapat mengurangkan masalah kesesakan di Hospital Daerah Saratok. Mengenai Hospital Daerah Saratok Tuan Speaker, saya memohon supaya kementerian mempertimbangkan untuk menambah bilangan staf, di mana saya difahamkan daripada jumlah 270 jawatan yang dilulus hanya 230 diisi buat masa ini. Dimaklumkan juga, ruang di hospital semakin sempit dan tidak mampu menampung bilangan peralatan dan staf yang ada. Maka dengan ini, saya memohon kepada pihak Kementerian Kesihatan untuk membina bangunan tambahan bagi menampung pengembangan ini yang amat kritikal ialah Klinik Ibu dan Anak, di mana buat masa ini ianya ditempatkan dalam bangunan yang sama dengan wad-wad lain. Untuk itu, saya merayu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia supaya membina satu bangunan yang berasingan untuk menempatkan Klinik Ibu dan Anak.

Jalan Ulu Paku/ Nanga Alum/ Ulu Budu/ Pakan Road

The proposed road which will connect Ulu Paku to Nanga Alum, Ulu Budu, Pakan will become a game changer in the interior of Betong and Saratok District. It will surely help to speed up socio-economic development in the area and will create a rich hinterland for Saratok, Betong and Pakan in the near future. The road will also shorten the travelling time and distance for people from Pakan, Julau, Ulu Krian, Ulu Paku, Betong. Therefore, I want to request that fund to be made available to construct the missing link so that Ulu Krian will be connected to Ulu Paku Road. This will definitely help to boost development in the area.

Eco-Tourism

Krian Fest which features River Rafting and Mountain Bike Jamboree and Cultural performances is held every year. In the past event, it was able to attract participants from across Sarawak and Sabah. Therefore, I would like to appeal to the Ministry of Tourism, Culture and Performing Arts for the event to be captured under the ministry's annual event of calendar.

Youth and Talent Development

Tuan Speaker, as Sarawak is fast moving towards digitalization, it is very crucial for us to prepare and develop our youth to embrace technological change in tandem with the state's workforce requirement from now. Towards this end, TEGAS *ataupun* Tabung Gagasan Anak Sarawak plays a pivotal role in driving Sarawak's digital transformation aligning with the state's PCDS. TEGAS, which was established in 2012, had been instrumental in driving Sarawak's digitalization initiatives. Amongst others its roles are:

- (a) Fostering Innovation and Entrepreneurship;
- (b) Digital Talent Development; and
- (c) Digital Innovation Hub.

In order to make sure the programme which is undertaken by TEGAS is more inclusive, I would like to appeal to TEGAS to provide and include more rural youths in their programmes in future.

Masalah Sosial

Tuan Speaker, seperti juga di kawasan-kawasan lain, Krian tidak lepas daripada berdepan dengan masalah sosial yang berkaitan dengan dadah. Kita amat risau kerana masalah ini telah merebak ke kawasan luar bandar di rumah panjang dan kampung-kampung. Masalah ini bukan sahaja menjadi masalah sosial, bahkan boleh menjadi masalah keselamatan dan ekonomi. Jika masalah ini tidak dibendung dengan segera ianya boleh mendatangkan masalah sosial yang lebih serius dan boleh menggugat keharmonian dalam kalangan masyarakat kita. Oleh itu ...
(*Interruption*)...

Timbalan Speaker: Mohon digulung, Yang Berhormat.

YB Encik Friday anak Belik: Oleh itu, kita mohon tindakan yang lebih efektif dan tegas oleh pihak yang bertanggungjawab. Sebelum saya mengakhiri perbahasan saya, Tuan Speaker, saya ingin menyokong satu usul yang dikemukakan oleh rakan saya dari Pelagus iaitu, Tan Sri Datuk, err, Tuan Speaker, saya menyokong cadangan daripada Yang Berhormat bagi Pelagus berhubung dengan pindaan Perlembagaan Sarawak untuk menambah bilangan menteri dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri. Cadangan ini adalah wajar memandangkan perkembangan pesat negeri Sarawak serta pertambahan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh Kerajaan Negeri dalam mengurus tadbir hal ehwal rakyat dan pembangunan negeri Sarawak secara keseluruhannya.

Untuk mengakhiri perbahasan saya atas Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Speaker serta

kakitangan DUN kerana telah memberi peluang kepada Krian untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak atas perkenan Tuan Yang Terutama Tun untuk Istiadat Pembukaan Persidangan Pertama bagi Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Sarawak Kesembilan belas pada 19 Mei yang lepas.

Semoga dengan keberangkatan Tuan Yang Terutama Tun menjadi inspirasi dan landasan baru kepada kita semua dalam menggalas tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat untuk memacu Sarawak ke arah pembangunan yang lebih mampan menjelang 2030. Dengan kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Hari Gawai kepada rakan-rakan yang meraikannya, dan selamat menyambut Hari Raya Haji kepada rakan-rakan yang beragama Islam. Tuan Speaker, dengan itu, saya mohon untuk menyokong. Terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Krian. Next, I would like to call with respect, Yang Berhormat bagi Bawang Assan.

YB Dato Sri Wong Soon Koh: Thank you, Tuan Speaker.

Before I deliver my speech, I would like to join all the Ahli-ahli Yang Berhormat in this august House to express my appreciations to Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak for officiating the First Meeting of the Fourth Session Nineteenth State Legislative Assembly on 19th May 2025. His Excellency's advice shall serve as a guidance to all of us in discharging our duties and responsibilities as people's representatives.

Tuan Speaker, His Excellency's speech was a clear endorsement of Yang Amat Berhormat Premier Abang Zohari's leadership, portraying him as a modern, progressive and courageous leader. His administration is credited not only with transforming Sarawak's economy but also with safeguarding its rights and preserving social harmony, making him a key figure in shaping Sarawak's destiny. His Excellency also commended Yang Amat Berhormat Premier for his visionary leadership in steering Sarawak towards modernisation and economic diversification. He specifically highlighted how the Yang Amat Berhormat Premier had elevated Sarawak's profile on the global stage, establishing international partnerships, promoting Sarawak's capabilities in renewable energy, and championing green energy initiatives, including hydrogen and methanol development.

Tuan Speaker, a good leader is hard to come by. A capable and visionary leader is even harder to come by. I would, therefore, like to call upon all of us in this august House to rally behind the Yang Amat Berhormat Premier in our march towards a better and brighter Sarawak.

Tuan Speaker, come 2026, Sarawak will implement Free Tertiary Education Scheme (FTES) in state-owned universities (IPTAs) which marks a significant stride towards enhancing educational accessibility and fostering a skilled workforce, particularly in the science, technology, engineering and mathematics (STEM) fields.

In addition to STEM, we were told the scheme would also encompass courses in law, medicine, accounting and finance. Tuan Speaker, we understand that focusing on science-related courses is a strategic investment to develop for a workforce for industry that could propel Sarawak's future economy. But Tuan Speaker, in so doing, it is my hope that we do not neglect arts and humanities courses. We all know that society does not just run on STEM alone, STEM alone, commerce, communication, education and community development will require critical thinkers, educators, historians, linguists and social scientists. Moreover, we in Sarawak require critical thinkers, educators, historians, linguists and social scientists. I say we in Sarawak have rich cultural heritage; we need graduates in the arts and humanities to preserve and promote them.

Also, we must remember that in arts-related courses may come from less affluent backgrounds. If we deny them free education it may worsen inequality, especially in the rural and

indigenous communities. Moreover, rapid economic development often benefits urban centres and elites' classes first, leaving rural communities further behind.

Tuan Speaker here comes the question. Should economic utility take precedence, or should education policy reflect border societal value? In my opinion, we should incentivise fields like STEM, STEM which are crucial to our economic growth, but we should not lose sight of students choosing non-STEM courses. We must make room for flexibility and for interdisciplinary education where a science student can take on ethics and arts student can learn data analysis so that such students can develop into a multi-dimensional human being as well – rounded men and women of taste, discernment and intellectual versatility.

Tuan Speaker, let me move on to another topic which is on gas and oil rights. I must say that taking PETRONAS to court over the exploration and exploitation rights in Sarawak soils is a strategic decision. It is a strategic decision. We have ownership rights, we have regulatory authority over our own natural resources, based on the MA63 and Oil Mining Ordinance, 1958 (OMO). Taking the case to court is to affirm, is to reaffirm our legal rights over our Continental Shelf and oil and gas resources.

Tuan Speaker, a court case can single, can signal that the Sarawak Government is determined to stand firm for Sarawak's rights and at the time the legal pressure could strengthen our hand in negotiating revenue-sharing agreements or production-sharing contracts or settling joint regulatory arrangements.

Tuan Speaker, as we all know because of this, a joint declaration was signed between the YAB Prime Minister and our YAB Premier on 21st May 2025, yesterday, under three headings: federal and state laws, PETROS as gas aggregator and number three, a co-operative framework.

Tuan Speaker, when it comes to federal-state relations, it is a matter of cooperation or confrontation. Open disputes may sour relations with the Federal Government which may affect cooperation in other sectors such as our development, funding, education, health, infrastructure etc. and prolonged confrontation and uncertainty in this federal-state relation may render Sarawak less attractive to foreign investors especially in the oil and gas sectors.

Foreign investors may hesitate to invest in need prolonged federal-state disputes. We know that Sarawak's constitutional and legal claims are to regulate and manage our own oil and gas resources, but negotiations and consultations should be the preferred path. I say negotiations and consultations should be the preferred path as what our YAB Premier has done, a negotiated settlement through a joint regulatory model which will yield more tangible and positive results, such as increased royalty payments or greater profit sharing, joint monitoring powers or joint development ventures. These middle-ground solutions will preserve national cohesion, maintain investors' confidence and national economic stability while maintaining the federal framework and national unity.

Tuan Speaker, in a dispute of this nature, you cannot have a situation where you are right, I am wrong or you are wrong, I am right. You also cannot have a situation where winners take all, losers lose all. When it comes to disputes where you cannot have an absolute answer, then what shall we do? I'm sure our YAB Premier must have weight the pros and cons with Sarawak at heart at all times. When it comes to that sort of, a dispute of this nature, I remembered what Lee Kwang Yew said. He always said when it comes to that difficult situation, he always emphasizes pragmatism. He will say let pragmatism prevail. Tuan Speaker, be pragmatic, this is what our Yang Amat Berhormat Premier has chosen to do, being pragmatic in solving the disputes.

Viewed in this light Tuan Speaker, the Joint Declaration signed is a strategic step forward with door open for further negotiations and adjustments. I would like to appeal to all Members of this august House including the members of the opposition to strongly rally behind our YAB Premier when it comes to settling disputes between the State and the Federal Governments. As I have said, YAB Premier has done the right thing with the interest of the people of Sarawak at heart. You can't

be full hardy; you have to go along the middle road and be pragmatic. Let me move on, Tuan Speaker on some of the issues affecting my constituency N.53 Bawang Assan.

Water Supply

As we all know, Sibu is situated at low lying areas covering with peat swamps. Water pipes are fast sinking, and the old pipes constructed over unstable soils are now many meters underground. And they frequently crack, which causes leaking. Worse still there are frequent pipe bursts causing disruptions. The Sibu Water Board and lately JBALB are doing their best to rectify the situation. People, in general, are not aware that water supply is very much the Federal Government's responsibility.

Federal fundings have always been very slow in coming and there are also implementation delays. But lately our State Government stepped in to help to resolve some of the water supply issues. The recently completed project in Bawang Assan and Tenku areas are:

- (a) Pipelines replacement at Sg. Maas Phase 1 costing RM10,553,703.00;
- (b) Construction of 1ML Ground Tank at Sibu West Booster station costing RM 808,798.89;
- (c) Performance Based contract of Acute supply system at Sg. Sadit which was implemented by JBALB as a pilot project costing RM 4.9 million nearly RM5 million.

I am very grateful to the Minister for Utilities and Telecommunication for coming personally to launch the project recently, this is on 13th May. The project produced 4 MLD treated water being supplied to the residents in Sg. Sadit and its surrounding areas.

- (d) Pipe laying to Rh. Edward Street and Rh. John Lalong costing RM730,000.

There are also ongoing projects such as upgrading of Salim Water Treatment Plant from 150 MLD to 300 MLD costing RM300 million. I would like to thank the Yang Amat Berhormat Premier for approving the state's allocation for this project. And then there are also projects in pipe laying. The Sibu Water Board and JBALB are doing their best to meet the needs of the people. I would like to appeal to the people of Sibu to just be a bit patient and soon there will be no water supply problems. I on behalf of the people of Sibu would like to thank the hardworking Minister for Utility and Telecommunication for the untiring efforts of his staffs to help solve the water problem issues.

Road projects in my constituency included the recent completed Jalan Sg. Bidut, Jalan Tutus, Jalan Sebedil, Jalan Kampung Bungan Kecil (Package 1) costing RM103 million. Projects under the planning stage include Jalan Rantau Panjang/ Rassau in Batang Igan costing RM254 million and maintenance of Jalan Kampung Sebedil costing RM500,000. There are also projects on the proposal stage. I therefore would like to thank the Ministry of Infrastructure and Port Development for taking care of my constituency N.53 Bawang Assan.

Timbalan Speaker: Time's up.

YB Dato Sri Wong Soon Koh: In conclusion Tuan Speaker, I would like to lend my full support to the Motion of Appreciation of the Opening Address of His Excellency Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar at the opening of the First Meeting of the Fourth Session 19th State Legislative Assembly on 19th May 2025. I would like to take this opportunity to say *Selamat Hari Gawai Gayu Guru Gerai Nyamai* to all my Dayak brothers and sisters. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat Bawang Assan. Next on my list is Yang Berhormat Ngemah, please.

YB Encik Anyi anak Jana: Terima kasih, Tuan Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam sesi perbahasan ini.

Tuan Speaker, pertama sekali saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Tuhan kerana dengan limpah kasih dan kurnia-Nya saya berpeluang untuk turut serta dalam Perbahasan Usul Penghargaan di atas Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak sempena Upacara Pembukaan Mesyuarat Pertama bagi Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Sarawak Ke-19 di Dewan yang mulia ini pada hari Isnin, 19 Mei 2025.

Tuan Speaker, saya juga ingin merakamkan ucapan menjunjung kasih atas Ucapan Pembukaan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri yang telah menyentuh pelbagai aspek yang amat bermakna dan sewajarnya menjadi iktibar dan panduan kepada kita selaku wakil rakyat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam usaha kita melonjakkan pembangunan di negeri kita ini. Ucapan Tuan Yang Terutama Tun telah menyentuh pelbagai aspek penting dan sewajarnya diberi perhatian dalam usaha untuk mencapai sebuah negeri maju yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030.

Bagi perkara yang melibatkan kerjasama Petroleum Sarawak Berhad (PETROS) dengan Petrolia Nasional Berhad (PETRONAS), perbincangan mengenai perkara ini perlulah dimuktamadkan demi kebaikan bersama antara negeri dan negara. Sebagai rakyat Sarawak, pasti kita menyokong penuh langkah Kerajaan Sarawak untuk melantik PETROS sebagai *Gas Aggregator* tunggal di Sarawak yang dibuat di bawah *Distribution of Gas Ordinance (DGO)*, 2016 di mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa eksekutif dan legislatif untuk menggubal undang-undang mengenai elektrik dan pengedaran gas. Hak perlembagaan dalam perkara ini haruslah dihormati dan membolehkan PETROS melaksanakan peranannya sebagai *Gas Aggregator* bagi memastikan pembangunan industri gas di Sarawak terus menyumbang kepada ekonomi negara dan juga Sarawak. Kerjasama yang kukuh di antara PETROS dan PETRONAS pasti akan membawa banyak kebaikan dalam pembangunan rangkaian industri minyak dan gas di Sarawak untuk kemakmuran bersama bagi negara dan juga Sarawak.

Tuan Speaker, peranan Kerajaan Sarawak dalam melaksanakan pelbagai inisiatif strategik yang merangkumi tenaga hijau, pembangunan modal insan, infrastruktur serta pelaburan yang berimpak tinggi dilihat bertepatan dengan hasrat untuk menjadikan Sarawak sebagai negeri maju menjelang tahun 2030. Inisiatif tenaga boleh diperbaharui ini dilihat akan meningkatkan daya saing Sarawak bukan sahaja di peringkat serantau tetapi juga di peringkat antarabangsa. Tindakan Kerajaan Sarawak dalam memperkukuhkan agenda tenaga boleh diperbaharui sebagai langkah tepat bagi menghadapi perubahan iklim global serta mengangkat Sarawak sebagai "*Battery of ASEAN*".

Sebagai rakyat Sarawak yang mendukung polisi pembangunan Sarawak, pastinya kita berbangga dengan kejayaan Sarawak yang telah mengeksport metanol pertama ke China dan pelancaran Projek Metanol Hijau pula adalah bukti komitmen Sarawak terhadap bahan api rendah karbon. Selain itu, melalui kaedah '*waste-to-energy*' ia dilihat akan memperkukuhkan pengurusan sisa secara teratur dan dalam masa yang sama boleh memberikan pulangan pendapatan kepada Sarawak.

Tuan Speaker, kecekapan dan langkah positif yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Premier dalam menguruskan ekonomi Sarawak adalah bukti jelas ketokohan beliau sebagai pemimpin Sarawak dalam usaha memperkukuhkan daya tahan ekonomi Sarawak. Ketika ini, seperti yang kita sedia maklum, berlakunya ketidaktentuan ekonomi global akibat konflik geopolitik, revolusi teknologi, perubahan iklim dan yang terkini ialah perang tarif global yang pastinya memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Sarawak.

Beberapa pendekatan yang diteroka oleh Yang Amat Berhormat Premier seperti mempelbagaikan peluang ekonomi dalam bidang strategik seperti tenaga hijau, teknologi digital dan inovasi dilihat memberi kesan positif bukan sahaja kepada Sarawak malah kepada negara dan di peringkat global. Kita juga yakin dengan pendekatan Sarawak yang mengurangkan kebergantungan terhadap sumber semula jadi sebaliknya telah mempelbagaikan aktiviti ekonomi. Keadaan ini dilihat telah memberi kesan positif dengan meningkatkan nilai tambah serta membuka ruang pertumbuhan

ekonomi baharu yang lebih berdaya saing. Pendekatan ini juga adalah jelas dengan aspirasi Kerajaan Sarawak yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Premier dalam strategi Pembangunan Pasca Covid-19 (PCDS) 2030.

Tuan Speaker, sebagai wakili penduduk di kawasan luar bandar, khasnya DUN N.49 Ngemah, adalah menjadi harapan kita agar beberapa inisiatif dan rancangan pembangunan kerajaan turut disalurkan dan dinikmati rakyat di kawasan DUN N.49 Ngemah.

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Bagi pembangunan infrastruktur, beberapa pembangunan seperti berikut perlu diberi perhatian sewajarnya:

- (a) Mempercepatkan pembinaan Feri Ram Sedaya yang agak lama belum disiapkan;
- (b) Menaik taraf Jalan Nibong Tada khasnya dari Kawasan Bob hingga ke Skim Penempatan Semula (SPS) Nanga Tada;
- (c) Menaik taraf Jalan Simpang Sedaya yang sentiasa dilanda banjir apabila musim tengkujuh;
- (d) Menyiapkan Projek Pembinaan Jalan Ngungun/ Nanga Nirok/ Nanga Jagau mengikut jadual pelaksanaannya;
- (e) Membina Jalan Nanga Dap/ Nanga Ngemah/ SPS Nangan Ngungun;
- (f) Menyambung pembinaan Jalan Batu Luking di kawasan N.50 Machan ke Teluk DUN N.49 Ngemah, bermakna jalan ini merangkumi dua (2) DUN;
- (g) Menaik taraf Jalan Jih ke Ulu Jih;
- (h) Menaik taraf Jalan Pedai ke Ulu Pedai;
- (i) Menaik taraf Jalan Sungai Tuah ke Ulu Sungai Tuah;
- (j) Memastikan Jalan Kabah/ Nanga Beguang, Song dilakukan mengikut jadual pembinaannya;
- (k) Menaik taraf jalan balak ke SPS Jagau ke Hulu Sungai Ngemah. Ini sudah pasti satu rintangan yang begitu besar kepada penduduk di SPS Jagau, di mana mereka selama ini menggunakan jalan balak untuk pergi ke Skim Penempatan Semula Nanga Jagau ke Pekan Kanowit; dan yang akhir sekali;
- (l) Menaik taraf Jalan Ulu Bawan.

PENUBUHAN AGENSI PEMBANGUNAN MIRRDA (MID RAJANG REGIONAL DEVELOPMENT AGENSI)

Tuan Speaker, Mid Rajang Regional Development Agency (MiRRDA) ditubuhkan secara rasmi oleh Kerajaan Sarawak pada Julai 2023. Penubuhan agensi pembangunan ini adalah matlamat bagi merangka pelan pembangunan di Wilayah Tengah Rajang atau secara tepatnya di kawasan Parlimen Kanowit dan juga kawasan Parlimen Selangau. Objektif utama pula adalah untuk menaik taraf sosioekonomi penduduk dan secara tidak langsung untuk membasmi kemiskinan di Wilayah Tengah Sarawak.

Bengkel mengenai hala tuju dan pelan pembangunan MiRRDA juga telah dilakukan pada 10 sehingga 12 Jun 2024. Pelaksanaan bengkel ini turut melibatkan wakil rakyat dari kawasan Kanowit dan Selangau, agensi kerajaan persekutuan dan Sarawak, ketua-ketua Masyarakat dan wakil

pertubuhan bukan Kerajaan (NGO). Melalui pelaksanaan bengkel ini, beberapa cadangan projek pembangunan di DUN Ngemah, DUN Machan, DUN Tamin dan DUN Kakus telah dikenal pasti.

Namun demikian, cadangan pelan pembangunan bagi MiRRDA belum dapat dilaksanakan sehingga kini. Kita berharap agar Kerajaan Sarawak dapat memberi perhatian dan kelulusan peruntukan bajet mengenai cadangan projek pembangunan di kawasan MiRRDA agar ia dapat memberi manfaat kepada penduduk selaras dengan matlamat penubuhannya. Pelaksanaan projek yang berimpak tinggi seperti pembukaan ladang kelapa sawit, ladang kopi dan pembinaan jaringan jalan raya yang baik pastinya akan meningkatkan sosioekonomi di kawasan MiRRDA.

PEMBANGUNAN SKIM PENEMPATAN SEMULA (SPS) RASCOM DUN NGEMAH

Tuan Speaker, di DUN Ngemah terdapat tiga (3) buah Skim Penempatan Semula (SPS) Markas Keselamatan Kawasan Rajang (RASCOM) yang ditubuhkan pada tahun 1972 iaitu SPS Nanga Jagau, SPS Nanga Ngungun dan SPS Nanga Tada. Melalui penubuhan SPS RASCOM lebih 50 tahun lalu, penduduk telah dipindahkan ke kawasan penempatan baru bagi mengekang ancaman komunis, mengawal dan menjaga keselamatan penduduk di penempatan tersebut.

Namun demikian, selepas lebih 50 tahun penubuhan SPS RASCOM, iaitu dari 1972 ke sekarang 2025, terdapat beberapa perkara yang memerlukan penyelesaian dan perhatian segera daripada Kerajaan Sarawak iaitu:

- (a) Surat hak milik bagi penempatan rumah panjang di SPS Nanga Jagau, SPS Nanga Ngungun dan SPS Nanga Tada;
- (b) Membuka penempatan baru di kawasan Skim Penempatan Semula (SPS) kerana penempatan yang sedia ada sudah terlalu sesak dengan pertambahan penduduk yang sudah masuk ke generasi ketiga;
- (c) Membina sistem jalan raya yang lebih terancang dan selamat kerana pembinaan penempatan pada tahun 72 adalah tidak sesuai dengan keadaan pembangunan pada masa kini; dan
- (d) Membangunkan kawasan SPS dengan kegiatan ekonomi yang boleh meningkatkan sosioekonomi penduduk.

Pelantikan Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum

Tuan Speaker, Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum (KMKK) memainkan peranan penting dalam melicinkan pentadbiran di peringkat kampung. Kerajaan Sarawak sewajarnya memantapkan institusi Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum bukan sahaja keperluan dari segi kelayakan akademik mereka tetapi juga dari aspek elaun yang diterima oleh KMKK tersebut. Bidang tugas KMKK ketika ini adalah amat mencabar dan tidak hanya untuk menjaga pentadbiran di kampung atau rumah panjang mereka sahaja.

Kerajaan disaran agar mengkaji semula pemberian elaun kepada Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum yang ketika ini ditakrifkan sebagai kurang sesuai dengan beban tugas mereka dan juga keadaan ekonomi semasa. Sebagai contoh, elaun seorang Ketua Kaum yang ketika ini berjumlah RM900 sebulan wajar dinaikkan kepada sekurang-kurangnya RM1,200 sebulan. Elaun Ketua Masyarakat pula wajar dinaikkan sekurang-kurangnya kepada RM1,500 untuk jawatan Penghulu. Jadi, dengan pertambahan elaun tersebut ia pastinya akan meningkatkan komitmen KMKK dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

Selain itu, pelantikan KMKK juga perlu diteliti dan dinilai semula. Ketika ini masih terdapat Ketua Masyarakat (Penghulu) yang mempunyai sehingga melebihi 60 buah kampung atau rumah panjang dalam bidang kuasa mereka. Skop kerja mereka ini boleh dikecilkan kepada 20 hingga 30 buah kampung atau rumah panjang bagi melicinkan aspek pentadbiran.

Manakala, bagi pelantikan Tuai Rumah, dicadangkan agar Tuai Rumah yang mentadbir sekurang-kurangnya 20 pintu diberi kelonggaran untuk dilantik secara sah dengan diberikan Sijil Pelantikan Ketua Kaum. Di DUN Ngemah contohnya, ketika ini terdapat lima orang Tuai Rumah tiada Sijil Pelantikan Ketua Kaum walaupun pintu mereka melebihi 20 pintu seperti dalam syarat pelantikan. Terdapat juga antara Tuai Rumah tersebut yang telah menjadi Tuai Rumah bagi tempoh melebihi 10 tahun tetapi tiada Sijil Pelantikan Ketua Kaum walaupun memenuhi syarat-syarat pelantikan yang ditetapkan.

Pemilikan Senapang Patah (Shot Gun)

Tuan Speaker, senapang patah (*shot gun*) merupakan harta pusaka warisan bagi kaum Dayak dan pewarisnya adalah ahli keluarga yang menjaga bilik utama keluarga. Ketika ini, Kerajaan Sarawak telah memberi kebenaran senapang patah untuk diwarisi dengan syarat ia telah didaftarkan semula dan pemohon mestilah lulus tapisan keselamatan dan kesihatan. Kebenaran pemilikan dan diwarisi pula hanya daripada ibu bapa kepada anak lelaki atau anak perempuan sahaja.

Namun yang menjadi persoalan ialah jika penjaga bilik utama ini tidak mempunyai anak atau waris sah, status pemilikan dan warisan bagi senapang patah ini akan menjadi rumit. Oleh itu, kita memohon agar diberi kelonggaran bagi pemilikan dan waris senapang patah juga boleh diuar-uarkan kepada adik-beradik kandung lelaki atau perempuan selain daripada anak lelaki atau anak perempuan. Selain itu, bagi mengelakkan pertikaian dan perebutan harta pusaka warisan melibatkan senapang patah, Kerajaan Sarawak dipohon agar memberi kelonggaran dengan mewujudkan semula permit *carry and use*.

Pendidikan

Tuan Speaker, di DUN Ngemah, terdapat tiga buah Sekolah Kebangsaan itu SK Nanga Jagau, SK Nanga Nirok dan SK Nanga Balingiau yang sering dilanda banjir apabila berlakunya hujan lebat. Sekolah-sekolah ini wajar dipindahkan dari tapak asal ke tapak baru yang lebih bersesuaian kerana kerap menghadapi masalah banjir. Pemindahan sekolah ini ke tapak baharu yang lebih sesuai adalah bagi mengelakkan pembaziran kewangan bagi perkara yang sama setiap kali berlakunya hujan lebat. Adalah lebih baik kos bantuan dan baik pulih sekolah yang kerap dilanda banjir disalurkan untuk pelaksanaan aktiviti pendidikan yang lebih memberi banyak manfaat dan faedah kepada para pelajar.

Ketika ini, tapak lama SMK Datuk Haji Abdul Rahman Yakub (SEDAYA) yang terletak di kawasan DUN Ngemah adalah kosong dan terbiar. Oleh itu, daripada membiarkan tapak lama SMK SEDAYA tersebut kosong dan terbiar, lebih baik tapak tersebut dibangunkan bagi kegunaan Pendidikan di DUN Ngemah. Tapak tersebut boleh dibangunkan dengan menubuhkan Pusat Kemahiran di Daerah Kanowit dan kawasan Tengah Sarawak. Pusat Kemahiran boleh ditubuhkan di kawasan tersebut bagi yang menawarkan Kemahiran peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga Tahap 3. Kewujudan Pusat Kemahiran tersebut pastinya akan merencanakan Pembangunan Pendidikan dan modal insan di kawasan DUN Ngemah dan Daerah Kanowit secara keseluruhannya.

Tuan Speaker, di sini saya menyokong cadangan daripada YB bagi Pelagus berhubung pindaan perlembagaan untuk menambah bilangan Menteri dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri. Cadangan ini adalah wajar memandangkan perkembangan pesat negeri Sarawak serta pertambahan tanggungjawab yang perlu dipikul Kerajaan Negeri dalam usaha mentadbir hal ehwal rakyat dan pembangunan negeri secara keseluruhannya.

Tuan Speaker, sebelum saya mengakhiri perbahasan Usul Penghargaan atas Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, saya ingin mengambil kesempatan di sini bagi mengucapkan Selamat Hari Gawai kepada semua komuniti Dayak yang akan menyambut perayaan Hari Gawai tidak lama lagi. *Gayu Guru Gerai Nyamai, Lantang Senang Nguan Menoa*. Dengan ini,

saya dengan ikhlas dan rendah hati menyokong Usul Penghargaan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Ngemah. I would like to call Ahli Yang Berhormat bagi Meluan, please.

YB Encik Rolland Duat anak Jubin: Terima kasih, Tuan Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Usul Penghargaan atas Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak bagi Mesyuarat Pertama bagi Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri Sarawak Ke-19.

Pertama sekali saya ingin mengalu-alukan kedatangan rombongan KMKK daripada DUN Meluan ke Dewan Undangan Negeri Sarawak seramai 57 orang. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dato Haji Ibrahim bin Haji Baki, Ahli Yang Berhormat bagi N.8 Satok atas pelantikan beliau sebagai Timbalan Menteri Utiliti (Sarawak Energy Berhad dan PETROS) pada 17 Mei 2025 yang lepas. Dengan pengalaman beliau di dalam dunia korporat, saya yakin ini akan mengukuhkan lagi aspirasi Sarawak sebagai hab tenaga di rantau ini.

Saya juga ingin turut mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri yang telah meninggal dunia pada 14 April 2025 dan keluarga mendiang Datuk Amar Dominic Andrew Dago anak Randan, mantan Ahli Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Ulu Sadong yang telah meninggal dunia pada 15 Mei 2025.

Tuan Speaker, kita sudah masuk ke penggal keempat di dalam mandat yang telah diberi rakyat sebagai wakil Dewan Undangan Negeri ke-19. Dari hari pertama, kita tidak pernah menoleh ke belakang, kita harus maju ke depan, merangka dan melaksana membawa pembangunan untuk Sarawak. Pemimpin cemerlang YAB Premier meletakkan kita di dalam posisi "*Money is Not a Problem*". Pendapatan Sarawak kian meningkat dan memberi kita ruang dan peluang untuk merencanakan pembangunan infrastruktur untuk merapatkan jurang dan kesenjangan pembangunan di kawasan luar bandar. Seperti kata Datuk Amar Timbalan Premier, sekarang ini adalah musim "*Menuai Jambatan*". Ini adalah manifestasi janji GPS kepada rakyat ditunaikan!

Saya ingin mengambil kesempatan ini bagi rakyat N.48 Meluan, mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Menteri Utiliti yang sudah meluluskan peruntukan RM28 juta baru-baru ini untuk menaik taraf Loji Air Bersih Fasa 1 di Julau. Terima kasih sekali lagi Menteri Utiliti, dan juga turun padang untuk melihat sejauh mana projek itu berjalan. Terima kasih YB Menteri kerana prihatin terhadap keperluan rakyat di Meluan. Namun demikian, ada namun, kita juga berharap YB Menteri akan mempertimbangkan juga untuk memberi peruntukan bagi membina Tangki Air Paras Tinggi Bukit Agok. Ini akan menyalurkan air bersih terawat untuk 58 buah rumah panjang di Nanga Entibai dan Ulu Kanowit. Mohon pertimbangan YB Menteri.

Tuan Speaker, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) akan melabuhkan tirai hujung tahun ini dan kita akan memasuki Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13). Di dalam kerancangan pembangunan yang kita rancang, saya ingin menggesa agar satu kajian menyeluruh dilakukan terhadap kelemahan pelaksanaan Projek Pembangunan Infrastruktur di bawah RMK-12 untuk memastikan kelancaran pelaksanaan projek RMK-13 nanti. Setiap peruntukan yang tidak habis dibelanjakan di bawah RMK-12 terutama peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan adalah satu kerugian besar buat rakyat Sarawak.

Kementerian-kementerian yang mempunyai prestasi perbelanjaan rendah harus mengambil langkah lebih proaktif untuk menambahkan perancangan pelaksanaan. Kita tidak boleh hanya membuat pengumuman demi pengumuman tetapi pembinaan sampai habis RMK-12 pun belum bermula. Apakah masalah di peringkat polisi atau kelemahan pentadbiran? Kita perlu mengkaji dengan telus.

Di Meluan, salah satu daripada projek yang berkenaan adalah Projek Pembinaan Baharu Klinik Kesihatan (Jenis 4) Julau dengan kuarters dan Pejabat Kesihatan Sarikei, Sarawak. Projek ini sepatutnya dikeluarkan surat setuju terima pada 22 Mac 2024. Kos asal projek adalah RM50 juta. Namun demikian, permohonan perubahan skop kerja sehingga meningkatkan kos kepada RM80 juta mengakibatkan projek ini masih lagi tidak dapat di tender. Penambahan skop ini bukan berkaitan dengan pembangunan klinik tetapi penambahan kuarters yang boleh dibuat secara projek berasingan kemudian.

Perhatian juga harus diambil terutama pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), saya difahamkan bahawa JBALB masih tidak dapat melaksanakan projek ini sendiri oleh kerana masih tidak diiktiraf di peringkat persekutuan sebagai agensi teknikal. Kementerian Kewangan boleh menyalur terus peruntukan kepada Kerajaan Sarawak supaya tidak timbul soal polisi Kerajaan Persekutuan yang tidak mengiktiraf JBALB sebagai agensi teknikal. Saya menyeru agar ianya dibawa ke peringkat lebih tinggi untuk diputuskan segera agar Projek Pembangunan Infrastruktur Luar Bandar dapat dilaksanakan dengan cepat. Isu-isu pentadbiran sebegini hingga berlarutan sepanjang RMK amat merugikan kita semua.

Tuan Speaker, perancangan RMK-13 sedang rancak berjalan. Saya berharap lebih banyak sesi konsultasi bersama wakil rakyat untuk bersama-sama merancang membangun di kawasan mereka. Ini termasuk memberi nasihat kebolehlaksanaan untuk mengelakkan masalah semasa pelaksanaan nanti. *Lab* atau perbincangan bersama pemegang taruh harus dilakukan terlebih dahulu sebelum mana-mana projek diangkat untuk dipertimbangkan di bawah RMK-13.

Saya juga menyeru agar Kerajaan Sarawak mengambil pendekatan *rolling plan* untuk lebih fleksibel. Kaedah *rolling plan* membolehkan kajian pelaksanaan dilaksanakan setiap tahun dan projek baru boleh diwujudkan setiap tahun. Ia juga membolehkan perancangan kewangan yang lebih efisien berdasarkan unjuran perbelanjaan lebih realistik dan mengurangkan peruntukan yang tidak dibelanjakan. Untuk kawasan DUN Meluan, saya ingin memastikan semua projek yang tidak dapat disempurnakan di bawah RMK-12 akan dibawa ke RMK-13 sebagai projek sambungan tanpa menjejaskan peruntukan untuk projek baru.

Tuan Speaker, saya ingin mengulangi permintaan saya pada sesi-sesi lepas untuk cadangan projek amat penting di Meluan. Projek-projek ini penting untuk kita menghubungkan dan membawa utiliti asas ke seluruh pelusuk kawasan di Meluan. Antara projek cadangan yang saya sering ulangi di Dewan ini adalah;

- (a) Jalan Fasa 2 Jalan Rantau Limau dari Nanga Entabai ke Rumah Penghulu Kiroh Rantau Limau;
- (b) Saya juga ingin memastikan naik taraf jalan tanah merah ke Standard R1 dari Nanga Entabai ke Rumah Bana, Ng. Bulu dimasukkan di dalam senarai projek keutamaan;
- (c) Untuk menyelesaikan masalah kekurangan tempat letak kereta di Pasar Julau, saya memohon pembinaan Tempat Letak Kereta Bertingkat harus dilaksanakan dengan segera; dan
- (d) Projek Bekalan Elektrik dari Kubu Brooke Nanga Meluan ke Ulu Mujok. Projek ini sudah lama iaitu *Letter of Award* (LOA) sudah dikeluarkan pada bulan Mac 2020, bulan Mac 2020, sekarang sudah 2026, enam tahun yang lepas dan pembinaan lambat jadual, hanya 2 kilometer yang telah disiapkan. Masih jauh untuk sampai ke Rumah Bajau, Rumah Pemanca Robert dan Rumah Entili, Rumah Nyanau, Rumah Dato, Rumah Anthony Gelayan, Rumah Tinting.

Saya sebagai wakil rakyat tidak pernah diberitahu mengapa sebab ini berlaku, lewat jadual. Saya ingin menyeru agar kementerian berkenaan dapat membantu rakyat saya dengan segera supaya projek ini dapat sampai ke rumah berkenaan masing-masing dengan lebih segera.

Tuan Speaker, ekonomi utama di Meluan adalah sektor pertanian. Meluan bukan sahaja pengeluar utama lada Sarawak, malahan kebun-kebun kecil kelapa sawit kian meluas. Meluan juga antara penyumbang bekalan sayur-sayuran dan hasil pertanian untuk Sarikei dan Sibu terutamanya Tamu Sibu Jaya. Kita berada di kawasan yang amat strategik dan mampu menjadi *Food Basket* di kawasan tengah Sarawak.

Seperti di dalam sidang lepas, saya ingin memberikan tumpuan kepada pembangunan infrastruktur pertanian terutama dari segi perhubungan jalan ladang. Saya sekali lagi memohon dana khas jalan ladang sebanyak RM10 juta untuk pekebun kecil di kawasan N.48 Meluan, terutamanya pekebun kelapa sawit dan lada. Ramai pekebun kecil mengeluh kepada saya kerana tidak mampu membina dan menyelenggara jalan ladang yang juga merupakan jalan perhubungan komuniti. Antara kawasan di Meluan yang perlu diberi keutamaan pembinaan jalan ladang adalah pekebun-pekebun kecil di kawasan Lasi dan Serau. Kawasan ini terdapat ramai pekebun kecil sawit.

Begitu juga, terdapat satu permintaan jalan ladang oleh pekebun kecil dari Rumah Jana Batu Matop untuk ladang di Hulu Sungai Serusa/ Bejawai. Permintaan ini telah dihantar ke Jabatan Pertanian namun belum mendapat jawapan dan saya berharap jabatan berkenaan dapat memberi pertimbangan yang wajar kepada permohonan ini agar ia memberi manfaat kepada rakyat saya, pekebun kecil.

Saya ingin melihat lebih banyak skim pembangunan berskala besar dilaksanakan oleh Kerajaan Sarawak untuk memajukan sektor pertanian secara industri di Meluan terutamanya di bawah RMK-13. Rakyat di Meluan mempunyai banyak tanah dan sangat rajin. Cuma kekangan mereka adalah dari segi modal dan juga jaminan pembeli hasil mereka. Justeru itu, saya mencadangkan diwujudkan di bawah Kerajaan Sarawak, Projek Ladang Rakyat. Di mana, kerajaan membangunkan tanah NCR pekebun kecil dengan tanaman komersial dan *maintenance* sehingga menghasilkan buah secara geran melalui badan berkanun negeri seperti LCDA, Agri-business, SARIB dan PPNS.

Kemudiannya, setelah mencapai kematangan atau menghasilkan buah, diserahkan kepada pekebun kecil. Kita boleh menetapkan had setiap peserta tidak lebih daripada 5 hektar dan secara berkelompok tidak kurang daripada 500 hektar. Kita juga boleh mewujudkan program sama untuk melebihi 5 hektar setiap pemilik individu tetapi secara pinjaman mudah *soft loan* daripada kerajaan atau wujudkan pembiayaan khas melalui Development Bank of Sarawak (DBOS) ataupun kerjasama komersial melalui AFFIN Bank.

Untuk memastikan hasil ini kemudiannya dibeli dengan harga yang baik, program ini harus dilaksanakan oleh badan berkanun negeri dan disertakan dengan *purchase agreement*. Kemudiannya, adalah tanggungjawab badan berkanun berkenaan untuk memasarkan hasil ini secara komersial. Saya menyeru agar kementerian mewujudkan projek-projek bertunjangkan ekonomi luar bandar yang lebih kreatif dan berfikir di luar kotak. Badan-badan berkanun harus diterajui mereka yang mempunyai pengalaman komersial seperti mereka yang lebih kreatif dan memahami kaedah-kaedah pembiayaan lain selain dari mengharap geran pembangunan daripada kerajaan.

Selain itu, saya ingin mengulangi permintaan saya pada sesi lepas agar Meluan diberi perhatian yang lebih sebagai hab pertanian. Saya ingin melihat banyak lagi projek pertanian dibawa ke Meluan terutama *Collecting, Processing and Packaging Centre* (CPPC), *Precision Farming Park* dan juga *Agropark*. Permintaan ini telah saya kemukakan sejak RMK-11 lagi.

Tuan Speaker, keselamatan jalan raya dan masalah komuniti di luar bandar agak merisaukan. Banyak kes kemalangan dan juga jenayah curi berlaku. Salah satu faktor terutamanya di Meluan adalah jalan gelap tanpa lampu jalan. Saya mohon agar perhatian khusus oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau melalui kementerian dan jabatan yang berkenaan untuk memasang lebih banyak lampu jalan di kawasan Meluan.

Kawasan utama yang harus diberi keutamaan adalah sepanjang Jalan KJD Pan Borneo, kita menyaksikan banyak kemalangan maut di kawasan ini. Jalan daripada simpang Julau ke pasar Julau dan ke Nanga Entabai juga amat gelap dan merbahaya pada waktu malam terutamanya musim hujan. Selain itu, untuk keselamatan dan juga mengelakkan jenayah kecurian, saya ingin mencadangkan semua rumah panjang juga dipasang lampu jalan terutamanya setiap simpang masuk hingga ke kawasan halaman rumah panjang.

Tuan Speaker, perubahan iklim kian terasa. Banjir besar baru-baru ini dan hujan lebat di luar musim memberi cabaran kepada infrastruktur luar bandar terutama jalan raya. Saya menyeru agar JKR mengambil berat kesan perubahan iklim dan memberikan peruntukan khas untuk melakukan kerja-kerja pembaikan dengan kadar yang lebih segera. Di Meluan, banyak jalan yang terkesan dan runtuh masih belum diperbaiki. Antara kawasan yang memerlukan pembaikan segera di sepanjang jalan dari Nanga Julau menuju ke Nanga Entabai. Kajian teliti juga harus dilaksanakan untuk menilai risiko cerun-cerun sepanjang jalan dari Nanga Julau ke Nanga Entabai. Hakisan-hakisan kecil sudah mula dilihat dan kita berharap tindakan preventif dilaksanakan segera.

Tuan Speaker, Hari Gawai akan menjelang tiba tidak lama lagi. Saya mohon agar sepanjang perayaan kali ini, Meluan terutamanya kawasan jalan KJD tidak akan mengalami masalah gangguan bekalan air. Saya mohon agar perancangan teliti dilakukan untuk memastikan JBALB Bersiap-siaga sekiranya terdapat kejadian luar jangka boleh mengakibatkan gangguan bekalan air.

Tuan Speaker, saya menyambut baik pengumuman YAB Premier baru-baru ini untuk memberi tajaan melanjutkan pengajian tinggi kepada seluruh warga kerja Sarawak. Sebagai seorang bekas pendidik, saya masih mempunyai jiwa pendidik yang tidak pernah padam. Saya amat menghargai inisiatif ini. Ini bukan sahaja akan memanfaatkan individu tetapi ia juga akan meningkatkan mutu tenaga kerja Sarawak untuk menjadi *economic powerhouse* di Malaysia dan di rantau ini. Saya berharap agar pertimbangan untuk diberikan sedikit kelonggaran kepada yang ingin melanjutkan pengajian separuh masa kerana kekangan pekerjaan mereka.

Dalam masa yang sama, saya ingin mencadangkan agar pertimbangan diwujudkan satu program seperti *skills future* di Singapura di mana kita boleh memberikan kredit yang boleh digunakan oleh rakyat untuk mengambil kursus jangka pendek melalui institusi yang diiktiraf atau secara *online*.

Timbalan Speaker: Sila gulung, Yang Berhormat.

YB Encik Rolland Duat anak Jubin: Okay, Tuan Speaker, saya sekali lagi ingin menyentuh setiap akta dan undang-undang yang telah digubal di Parlimen Persekutuan yang tidak selari dengan *IGC Report 1962* haruslah dipinda atau dibatalkan dengan semangat asal persekutuan Malaysia. Ingat pesan Tun Jugah, "*Anang Malaysia tu manis ba pun aja, tabar ba ujung*". Kita seluruh anggota GPS berdiri teguh dan memberi kepercayaan kepada kebijaksanaan YAB Premier untuk mengembalikan hak Sarawak. We are 100% behind you Sir! Untuk, sebelum mengundur diri, saya ingin bacakan sebuah pantun:

*Bukit Stulak di Ulu Entabai,
Palan Rentap ngetan diri diserang Brooke;
Sarawak maju ekonomi ngerembai,
Rakyat lantang nadai penyuntuk.*

Dengan kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Gawai kepada semua kaum, *besampi ke kitai, Gayu Guru Gerai Nyamai Nguan Menoa, bulih reta bulih tengkira, bulih pengaya*. Oooooohhhhhhhhaaaaaaaa. Saya mohon menyokong.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Meluan. Next is with respect I call upon the Ahli Yang Berhormat bagi Kota Sentosa, please.

YB Encik Yap Yau Sin: Thank you for the opportunity to speak on the Motion of Appreciation for the Opening Speech of His Excellency the Governor of Sarawak. His Excellency's speech was indeed far-sighted and visionary. The Governor's emphasis on renewable green energy is a clarion call for Sarawak to lead in the global energy transition. Sarawak stands at the forefront of sustainable development in Malaysia, with bold policies aimed at harnessing the vast hydropower potential and pioneering hydrogen energy under the Post Covid-19 Development Strategy 2030 (PCDS 2030).

These initiatives are not just about economic recovery – they are about securing a cleaner, greener, and more prosperous future for all Sarawakians. By leveraging our abundant renewable energy resources, we can attract high-value investments, create skilled jobs, and position Sarawak as a global leader in sustainable energy.

Tuan Speaker, hydropower is the backbone of Sarawak's renewable energy strategy, providing clean, reliable, and affordable electricity to power industries and communities. With projects like the Bakun and Murum dams already in operation, Baleh hydroelectric project under construction and more planned under the Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE), Sarawak has the potential to become a regional energy hub. These investments will not only meet local demand but also enable Sarawak to export surplus energy, boosting state revenue and fostering cross-border economic partnerships.

Beyond hydropower, Sarawak is making history as a pioneer in green hydrogen – an energy source with zero carbon emissions. The Sarawak Hydrogen Economy Roadmap aims to develop hydrogen production, storage, and distribution infrastructure, attracting global investors and technology leaders. This positions Sarawak at the cutting edge of the global energy transition, creating high-tech jobs and sustainable industries.

Tuan Speaker, education is the great equalizer, and the Governor's reaffirmation of free tertiary education for all qualified Sarawakians in Sarawak state-owned institutions of higher education is a testament to Sarawak's commitment to its people on human capital development towards nation building. The Sarawak Government's policy of providing free tertiary education is a transformative initiative aimed at empowering its people and driving long-term economic growth.

By removing financial barriers to higher education, the state ensures that all qualified students, regardless of socioeconomic background, have access to quality education. This policy not only enhances social mobility but also strengthens human capital development, equipping Sarawakians with the skills needed to thrive in a competitive global economy. The Sarawak Government's investment in education reflects its commitment to nurturing a highly skilled workforce, which is crucial for Sarawak's transition into a knowledge-based economy.

By prioritizing human capital as its greatest asset, Sarawak not only boosts individual livelihoods but also drives innovation, productivity, and economic diversification. As Sarawak continues to develop sectors such as renewable energy, technology, and manufacturing, its investment in education and industry aligned training will be pivotal in securing a competitive edge, ensuring that the state achieves its vision of becoming a high-income and developed region by 2030.

Tuan Speaker, from the Pan-Borneo Highway to rural digital connectivity, the Governor's speech highlighted infrastructure development as the backbone of growth. These projects are not just roads and bridges they are pathways to opportunity, linking villages to markets, students to schools, and communities to progress. The Sarawak Government has prioritized infrastructure development as a cornerstone of the state's economic growth and social progress. These infrastructure initiatives underscore the Sarawak Government's commitment to sustainable development, regional balance, and long-term prosperity. By strengthening physical and digital infrastructure, Sarawak is not only improving the livelihoods of its people but also positioning itself as a competitive player in ASEAN's economic landscape.

Tuan Speaker, the Governor's speech reminded us that development is meaningless if it does not uplift every Sarawakian. Flash flooding continues to be a major problem for residents residing in Stampin Resettlement Scheme and Taman Happy Valley. The approval of funding for the flood mitigation project for Stampin Resettlement Scheme and Taman Happy Valley was a much-needed relief for our long-suffering residents. However, while the allocation has been secured, the physical implementation of these critical drainage upgrades has yet to begin. As the elected representative for Kota Sentosa, I stand firmly with the affected residences in urging the Drainage and Irrigation Department (DID) to expedite these works without further delay.

For years, families in the Stampin Resettlement Scheme and Taman Happy Valley have endured severe flash floods, with homes, vehicles, and livelihoods repeatedly damaged by rising waters. Each heavy downpour brings anxiety and financial strain, particularly for our elderly and low-income residents. The approved flood mitigation projects which include improved drainage systems are vital to ending this cycle of distress. I sincerely appeal to the DID to prioritize these works and provide a clear timeline for completion, as our people cannot afford another monsoon season without these safeguards in place. On behalf of all affected residents, I extend my deepest gratitude to YAB Premier, Member for Gedong and YB Deputy Premier, Member from Batu Kawah for their responsiveness to our appeals. Now, on behalf of all affected residents, I humbly request the DID to act swiftly in translating this funding into tangible solutions.

Tuan Speaker, the theft of utility wiring for copper is escalating, causing severe disruptions and financial losses. As Sarawak is not a copper-producing state, there is no legal mining or industrial source of scrap copper, meaning all available copper in the second-hand market comes from stolen public infrastructure, such as wiring, cables and telecommunication lines. Second-Hand copper dealers enable theft as the existence of these dealers provides thieves with a ready outlet to sell stolen copper, directly incentivizing theft. Public infrastructure comprising streetlights, power lines, telecommunication cables face frequent vandalism, leading to costly repairs and service disruptions.

If authorities cannot effectively monitor and enforce laws against copper theft, licensing such businesses is counterproductive. A ban would eliminate the legal loophole that allows thieves to profit from vandalism. As a developing state, Sarawak cannot afford constant setbacks from vandalism. Stolen wiring delays projects, inflates costs and discourages investment. Authorities must prioritize protecting public property and maintaining law and order. Allowing a trade that thrives on theft contradicts this duty. Since Sarawak has no legal copper sources, second-hand dealing only facilitates crime. If enforcement remains weak, the government must ban second hand dealers of copper. This measure would significantly reduce infrastructure vandalism and safeguard Sarawak's development progress. The government must act now before the situation worsens.

Tuan Speaker, I express my disappointment with the Member for Pending and the manner in which she always chose to dramatize her concerns in this august House. While it is every member's right to raise issues, it must be done with decorum and a sense of responsibility. Her theatrics, laced with sweeping insinuations that the Sarawak Government, public servants and government-linked companies are underperforming by highlighting the delayed Baleh Dam Project, do a disservice to the facts and the spirit of constructive debate.

It is easy to stand up and point fingers. It is much harder to appreciate the complexities of governance, particularly when it comes to the delivery of infrastructure, economic and social development in a state as vast and diverse as Sarawak. The Member conveniently ignores the tremendous progress made across multiple sectors from renewable energy and digital infrastructure to rural development and education reform. These are not hypothetical achievements; they are tangible improvements felt by the *rakyat* on the grounds.

To suggest, without nuance or evidence, that late delivery equates to incompetence, reflects a shallow understanding of policy execution. Many of these projects are long-term in nature, involving detailed planning, stakeholder engagement and even overcoming federal level bureaucracy. It is misleading and frankly irresponsible to imply that delays many of which are outside the State

Government's control, are signs of failure. What we need in this House is maturity, not melodrama. The people of Sarawak expect us to engage in honest and intelligent discourse, not political performances aimed at headlines. I urge the Member for Pending to rise above showmanship and contribute meaningfully to solutions rather than casting aspersions from the sidelines.

Tuan Speaker, in 2017, Sarawak under GPS leadership recorded a revenue of approximately RM6.9 billion, while Penang under DAP registered around RM697.41 million. Fast forward to 2024, Sarawak's revenue surged to RM14.2 billion, more than doubling in seven years. Whereas Penang's revenue reached just under RM810.46 million, reflecting a very modest increase. These figures highlight a stark contrast in governance outcomes. While Penang's DAP-led Government continues to focus on rhetoric and political posturing, Sarawak's GPS-led Government works diligently to deliver tangible economic results. Competence, ultimately, is measured not by words, but by proven performance in managing state resources and expanding fiscal capacity.

Tuan Speaker, the Governor's address reaffirmed the importance of strong, respectful relations with the Federal Government, while firmly stressing the importance of Unity and One Voice for Sarawakians in reclaiming gas rights. Sarawak's rights over its natural resources, particularly gas, are enshrined in key legal and historical documents such as in the Federal Constitution, Malaysia Agreement, 1963 (MA63), the Oil Mining Ordinance, 1958 (OMO 1958), and the Distribution of Gas Ordinance, 2016.

The Malaysia Agreement was never intended to be a footnote in Malaysian history. It was a foundational treaty that guaranteed Sarawak's control over its own resources. In 2022, the Federal Constitution was amended to reaffirm the MA63 and recognize Sarawak as an equal partner, not just another state. These amendments are not symbolic. They were legally binding. They codified the spirit of the MA63 into the very framework of federal law. Any claim that Sarawak must "*follow federal law*" without its consent directly violates this newly reaffirmed constitutional reality.

Tuan Speaker, the Petroleum Development Act, 1974 is powerful but powerless in Sarawak. PETRONAS leans heavily on the PDA74, which gives it control over petroleum resources nationwide. But here's the catch the PDA74 is a federal law, and in Sarawak, federal laws don't walk through the door uninvited. The PDA74 was never adopted by Sarawak's legislature this very house making it legally impossible making it legally inapplicable on Sarawak's soil.

In fact, Sarawak never consented to the centralisation of oil and gas rights in the first place. While Putrajaya waves the PDA74, Sarawak counters with the Oil Mining Ordinance, 1958 (OMO1958) a law enacted before the formation of Malaysia and never repealed. OMO1958 grants Sarawak full control over upstream oil and gas operations. In legal terms, it predates the PDA74 and has never been invalidated. In historical terms, it represents Sarawak's original sovereignty over its resources.

Tuan Speaker, the Law begins and ends with the Constitution. Let's start with the basics; the Federal Constitution is the supreme law of the land. No federal law whether it's the Petroleum Development Act, 1974 or the Gas Supply Act, 1993 can override it. Under Article 95D, federal laws concerning matters in the State List do not apply to Sarawak unless the State Legislative Assembly, which is us, formally adopts them. Sarawak never adopted the PDA74. That means, from a constitutional standpoint, PETRONAS has been operating in Sarawak on borrowed time.

PETROS, on the other hand, stands on firm ground constitutional, legal, and moral. The Ninth Schedule where the law is clear. The Constitution's Ninth Schedule draws a hard line between federal and state powers. Gas distribution within Sarawak falls squarely under the State List because it involves land, infrastructure, and resources within the state's territory. PETROS, backed by the Distribution of Gas Ordinance, 2016, is not overstepping it. It is simply doing what Sarawak has always had the legal right to do regulate its own resources.

Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Prime Minister and Yang Amat Berhormat Premier have via a Joint Declaration dated 21st May 2025 reached a consensus to enhance cooperation, particularly in the oil and gas industry, which is crucial for Sarawak's economic development. While PETRONAS is the national custodian of Malaysia's petroleum resources, it must operate in a way that does not undermine Sarawak's rights and interest in oil and gas matters. PETRONAS should facilitate, not hinder Sarawak's participation in decision-making and revenue-sharing. Sarawak has its own state oil company PETROS to manage its oil and gas interests. PETRONAS should work transparently with PETROS to ensure fair joint ventures and licensing agreements.

Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Prime Minister's administration must ensure that PETRONAS fully comply with the collaborative framework agreed upon with Sarawak. Any delays or resistance from PETRONAS would contradict the spirit of the Joint Declaration. PETRONAS must align with the Federal Government's commitment to Sarawak and remove any unnecessary bureaucratic barriers.

If PETRONAS continues to create obstacles, both the Sarawak and Federal Government must address these challenges firmly to ensure that the agreed-upon collaboration is implemented effectively. The people of Sarawak deserve fair benefits from their state's resources, and this partnership should reflect that principle. The legal framework is already in place; what is needed now is political will and collective action to enforce it. Every Sarawakian, regardless of background, must stand together in this struggle to ensure that gas wealth benefits Sarawak's development rather than being disproportionately diverted elsewhere. I am doing the concluding now.

Tuan Speaker, His Excellency the Governor's visionary leadership has not only steered Sarawak toward progress but has also ignited a spirit of unity and resilience among our people. From infrastructure to education, from economic empowerment to environmental sustainability, his administration has laid a foundation for a brighter, more inclusive future. Let this motion of appreciation serve as more than just words let it be a testament to our collective commitment to stand with a leader who puts Sarawak first. As we move forward, let us continue to champion the values of diligence, innovation, and compassion that His Excellency embodies.

In closing, I fully support this Motion of Appreciation and urge all the Members of this august House to join me in expressing our deepest gratitude to His Excellency, the Governor of Sarawak, for his exemplary service. May his legacy inspire generations to come, and may Sarawak continue to rise, stronger and more prosperous under his guidance. I also take this opportunity to wish all my Dayak's friends, *'Selamat Ari Gawai, Gayu Guru Gerai Nyamai, Lantang Senang Nguan Menoa.* Thank you, Tuan Speaker.

Tuan Speaker: Thank you, Yang Berhormat Kota Sentosa. With respect, may I call Yang Berhormat Tupong, please.

YB Dato Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Speaker. Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur, Salam Segulai Sejalai. Pertama sekali, sekali lagi terima kasih di atas peluang untuk saya turut serta dalam perbahasan Usul Penghargaan Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak yang disampaikan pada 19 Mei yang lepas. Saya juga ingin melahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar atas ucapan beliau yang sarat dengan nasihat serta intipati yang relevan dalam aspek pengurusan serta pembangunan Sarawak.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli Yang Berhormat bagi Satok di atas pelantikan beliau sebagai Timbalan Menteri Utiliti yang bertanggungjawab bagi Sarawak Energy Berhad dan PETROS. Saya yakin dengan pengalaman yang beliau ada, latar belakang dan kepimpinan beliau, kedua-dua entiti ini dapat berkembang dengan lebih maju lagi. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Premier dan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pencapaian deklarasi

bersama dalam bidang *oil and gas* di antara PETRONAS dan PETROS yang kita lihat dicapai semalam. Keputusan yang sudah dicapai ini sudah tentu mengambil kira kepentingan negara dan juga keperluan Sarawak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga semalam mengiktiraf Sarawak sebagai gergasi besar dalam bidang tenaga di ASEAN. Kenyataan ini diumumkan semalam sama masa dengan perbahasan Ahli Yang Berhormat bagi Pending di mana beliau mendakwa *SEB is not delivering fast enough and costing us our investor*. Dan dia kata *investor* tahu bahawa projek-projek yang diumumkan belum lagi beroperasi, *namely hibiscus dan hornbill* dan *investor* tidak berminat untuk tahu *potential 10 years down the line*. Dua kenyataan yang bercanggah antara satu sama lain antara Ahli PH dan Pengerusi PH. Yang tidak difahami oleh Ahli Berhormat bagi Pending, dalam bisnes dan dalam pembangunan ekonomi, satu-satu perancangan haruslah dilaksanakan dan dikaji dan ianya perlulah mengambil aspek *three years down the road, five years down the road and ten years down the road*.

Inilah maklumat yang penting, yang perlu diperolehi oleh *investor-investor* sebelum mereka membuat keputusan untuk melabur dalam satu-satu tempat ataupun satu-satu negeri ataupun satu-satu negara. Maklumat ini penting kerana inilah cara GPS bekerja iaitu melihat kepada masa depan negara dan masa depan negeri kita bukan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pending. What Pending is doing is carrying away investors when a Member of this House is still informed about our economic development initiative and by making unsubstantiated allegations. She is the one who is costing Sarawak the investors.

As far as I am concerned, we are making leaps and are bound to achieve our energy generation target and to realize the Borneo Grid and the ASEAN Power Grice. This has been widely publicized and definitely of course the progress is monitored by Sarawak Government. To me it appears that she does not have Sarawak best interest at heart and is more interested in finding issues where there is none to serve a political interest. I really wish Sarawak DAP will emulate the standard of the National Secretary General so they can become a useful and quality opposition for the sake of Sarawak.

Awal tahun ini saja, kita telah mencatat satu pencapaian yang besar dengan eksport sulung metanol 20,000 matrik tan ke China oleh Sarawak Petchem Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik tempatan. Ianya tidak berlaku *overnight* ataupun dalam setahun ataupun dua tahun seperti yang diinginkan oleh Yang Berhormat Pending supaya Projek Hornbill dan Projek Hibiscus kita siap dalam masa dua tiga tahun sahaja. That is preposterous. The Sarawak Methanol Project stands as a proud milestone. Not only as the first methanol plant in Sarawak but as a symbol of Sarawak's industrial ambition started in 2018. Mereka bermula dengan membuat kajian, membuat *feasibilities studies* dan sebagainya dan akhirnya *completed in early 2024*.

And the project was delivered safely to a world class standard despite the challenges of the global pandemic. Supply chain disruption and complex logistics. This success reflects not only just our technical capability but also our resilience unity of purpose and the visionary leadership of our Right Honourable Premier of Sarawak. And what's more interesting is at the core of the achievements of Sarawak Petchem team, it is led by a Sarawakian MDCO and made up of a Sarawakian team. The dedication of professionalism and relentless pursuit of excellence are truly inspiring. They have proven what Sarawak talent and resources can achieve on a global stage. I command the entire team and hope success becomes a beacon of inspiration for others across industry, particularly in Sarawak.

Sekali lagi seperti yang di-*claim* oleh Yang Berhormat bagi Pending, bahawa Sarawak tidak mempunyai *the talent* untuk menerajui industri-industri yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Premier. Sarawak Petchem adalah satu bukti yang begitu jelas sekali. And now, Sarawak Petchem merupakan pengeluar metanol kedua terbesar di Malaysia dengan kapasiti pengeluaran *1.7 million ton a year* menyaingi syarikat pengeluar metanol yang lain di rantau ini.

Tuan Speaker, mungkin akan ada yang bertanya *what is the end game*, apakah yang hendak kita capai melalui inisiatif-inisiatif dan usaha-usaha yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Premier kita. The end game is that Sarawak will become the Battery of ASEAN, and I think this is achievable with our energy resources and resources hub including electricity, hydrogen, methanol, ammonia and biofuel.

Inilah *grand vision* Yang Amat Berhormat Premier untuk mentransformasikan ekonomi Sarawak menjadi wilayah maju dan berpendapatan tinggi. Dan visi ini bukan sahaja harus didukung malah harus kita sertai. Participation is very important. *We must participate* melalui penglibatan dalam bidang ekonomi baru yang berteraskan tenaga hijau dan kelestarian alam sekitar untuk merealisasikan impian tersebut.

Dalam ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Tun juga ianya menyentuh berkenaan dengan pembangunan infrastruktur yang giat dijalankan. Kita sedia maklum, projek jambatan utama seperti Jambatan Marudi, Jambatan Muara Lassa, Jambatan Bintulu-Jepak, Jambatan Batang Rajang, semuanya menelankan kos RM116 juta, RM600 juta, RM466 juta dan RM321 juta. Ini semuanya dapat kita laksanakan dengan menggunakan peruntukan Sarawak sendiri. Dan banyak lagi pembangunan-pembangunan yang hendak kita laksanakan. Maka, oleh itu masih banyak lagi *income-income* yang perlu kita cari untuk memastikan seluruh pelosok Sarawak dapat merasai pembangunan ini.

Tuan Speaker, dengan rezeki yang melimpah ini dari sumber pendapatan Sarawak ini dan melalui kepimpinan yang berjiwa rakyat kita telah dapat melihat pelaksanaan inisiatif Sumbangan Keperluan Asas Sarawak (SKAS). Ini adalah antara inisiatif yang berimpak tinggi dan bermakna kepada rakyat Sarawak dengan memastikan *food on the table*. Saya amat tersentuh sekali apabila melihat *posting-posting* dalam media sosial, apabila saya pergi ke pasar raya-pasar raya, perasaan yang dapat kita lihat, ucapan yang dapat kita dengar daripada penerima-penerima SKAS ini.

Mereka amat bersyukur sekali walaupun ianya tidaklah begitu besar sekali tetapi sekurang-kurangnya ianya dapat meringankan beban adik kakak kita. Ini adalah contoh inisiatif rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan Sarawak di mana pendapatannya kian bertambah maka nikmat itu kita kongsi bersama rakyat Sarawak. Dan selain daripada inisiatif jangka panjang seperti pembangunan infrastruktur, ekonomi dan pendidikan, inisiatif di mana kita memberi kebajikan, memelihara kebajikan rakyat Sarawak, itu adalah antara tonggak yang dilaksanakan oleh Kerajaan Sarawak.

Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membawa isu di kawasan N.6 Tupong, seperti kawasan-kawasan lain juga, kita menyaksikan pembangunan yang rancak dijalankan di N.6 Tupong. Bermaksud, banyak tapak-tapak binaan yang kita dapat lihat di kawasan N.6 Tupong. Pembinaan kawasan perumahan, rumah-rumah kedai sangat pesat sekali, Tuan Speaker.

Masalah yang dibawa bersama yang selalu saya bawa dalam Dewan yang mulia ini adalah kenderaan berat seperti lori yang keluar masuk ke tapak binaan yang dipenuhi dengan tanah-tanah, yang mengakibatkan jalan-jalan di sekitarnya menjadi kotor dan berbahaya kepada pengguna jalan raya. Ini menggugat keselamatan pengguna-pengguna jalan raya yang terpaksa berkongsi jalan-jalan yang berlumpur tersebut dengan kenderaan-kenderaan berat dan menimbulkan kesulitan kepada mereka. Kita faham pemandu-pemandu lori ini harus menggunakan jalan tersebut pergi bergerak ke tapak pembinaan tetapi yang kita mahu adalah pemantauan yang lebih ketat lagi untuk memastikan lori yang keluar daripada tapak pembinaan dicuci supaya tanah yang ada di lori *ya sik berlemparan* di jalan raya dan berbahaya kepada pengguna-pengguna motosikal terutamanya.

Saya ingin mencadangkan agar undang-undang digubal untuk menangani isu ini dan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Perbandaran selari dengan peraturan prinsip *Health Safety Security and Environment*. Sistem *wash-thru* di tapak boleh kita perkenalkan dan ianya perlu diwajibkan dalam setiap tapak pembinaan dan denda yang lebih besar lagi harus

kita kenakan kepada mereka yang tidak bertanggungjawab ini. Pemantauan yang berterusan juga harus kita jalankan untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini daripada berlaku pada masa-masa yang akan datang.

Satu lagi permasalahan di kawasan saya, saya amat beruntung sekali, Tuan Speaker, kerana Projek Sistem Pengurusan Air Sisa Secara Bersepadu di Zon A dilaksanakan, 90% daripada projek tersebut dilaksanakan di kawasan N.6 Tupong. *Sewerage system kata orang nak?* Pembentungan. Dan, saya sangat berbesar hati apabila melihat Kumpulan International Company Nishimatsu Hock Seng Lee telah di-*award* projek tersebut dan apabila melihat kepada keupayaan syarikat di atas namanya, syarikat antarabangsa, maka, saya pun sangat bersyukur dan saya yakin ianya dapat dilaksanakan dengan baik. Tetapi malangnya, Tuan Speaker, indah pada namanya sahaja, Nishimatsu Hock Seng Lee *that was supposed to be an international company* tetapi mendatangkan pelbagai masalah di kawasan N.6 Tupong.

Kita faham bahawa pembinaan sesuatu projek itu memerlukan pengorbanan daripada penduduk setempat. *Udah berkorban sidaknya*, Tuan Speaker. Projek yang sepatutnya sudah siap, tetapi memakan masa yang begitu lama lagi untuk siap. Kita pun faham, mungkin kekangan teknikal, permasalahan yang mereka jumpa di bawahnya, *kita sik tauk*. Mungkin sebab-sebab teknikal. Mungkin ia mengambil sedikit masa lagi. Tetapi ianya sudah lama. *I do not see the urgency of* jabatan dan syarikat tersebut untuk menyiapkan projek ini. Itu satu.

Kedua, permasalahan yang diterima oleh masyarakat di kawasan N.6 Tupong, rumah-rumah *sidaknya udah start* retak dan menurun. Kita faham konsultan telah pun dilantik. Konsultan *tok pun satu juak*. *Sineynya belajar, saya pun sik tauk*. Dengan tidak memberi nasihat yang betul untuk melaksanakan projek ini. Masalah rumah terturun, retak, sampai tidak dapat didiami lagi.

Jadi ini permasalahan yang diterima, yang dihadapi oleh Syarikat Nishimatsu dan Hock Seng Lee ini. *Okay*, faham. Itu di luar bidang kuasa mereka. Tetapi apa yang lebih penting adalah apa yang mereka lakukan untuk *resolve* perkara ini. Apabila lawatan tapak dibuat, yang pertamanya *the perception that I see*, adalah mereka cuba mengelak bahawa masalah ini bukan disebabkan oleh kerja-kerja pembentungan. *Aihhh... 40 tahun dah rumah ya di sia, sik ada apa-apa. Udah bila dipolah pembentungan, baruk start retak. Seolah-olah mengatakan aihhh..., rumah kedai disebelah ya, okay jak. Kenak rumah tok, aihhh..., pelik juak. 40 tahun sik ada apa-apa rumah ya*. Apabila dibuat pembentungannya, permasalahan berlaku.

Mereka boleh mengatakan konsultan mereka mengatakan oh tidak ada kena mengena. Kita pun boleh mencari konsultan untuk membuktikan bahawa sebab *kerja ya, maka rumah ya pun terturun*. Inilah masalahnya. Tidak cuba menyelesaikan perkara ini. Jadi, saya minta Jabatan Pembentungan, bukan meminta, saya menuntut Jabatan Pembentungan supaya *have a sense of urgency* untuk menyelesaikan masalah ini.

Mun rumah kitak retak, roboh kedak ya, apa rasa kitak? Giya juak lah yang dirasa oleh penduduk di kawasan N.6 Tupong *tok* yang menuntut penyelesaian yang tuntas berkenaan dengan perkara *tok*. Dan, *saya sik* mencadangkanlah Syarikat International Nishimatsu dan Hock Seng Lee ini diberikan projek yang sedemikian lagi kerana sudah jelas, mereka tidak dapat melaksanakan projek ini dengan baik, Tuan Speaker.

Dan kita juga mohon, lain kali apabila projek hendak dilaksanakan, konsultannya jangan konsultan duduk dalam bilik *ajak*. Ya, mereka perlu turun *on the ground* untuk melihat apakah permasalahan-permasalahan yang bakal dilalui mereka ataupun permasalahan yang bakal ditempuhi oleh *sidak* kontraktor-kontraktor *tok* apabila mereka melaksanakan projek-projek ini. *Ney* dapat jadi konsultan duduk dalam bilik *ajak*. Kerana kesannya adalah kepada rakyat. Kerana kita yang terpaksa menerima aduan-aduan daripada rakyat dan di sini, kita membawa suara rakyat untuk diambil tindakan oleh mereka yang bertanggungjawab.

Tuan Speaker, saya harap agensi yang dipertanggungjawabkan ini mengambil langkah yang lebih proaktif. Pertamanya, memastikan projek tersebut dilaksanakan dan disiapkan dengan secepat mungkin. Yang keduanya, permasalahan rakyat yang dihadapi kesan akibat projek tersebut diselesaikan dengan tuntas dan adil. Dan ketiganya, apabila kita melaksanakan projek-projek yang baru seperti ini, konsultan itu haruslah melihat dari semua sudut agar ianya tidak mendatangkan permasalahan kepada masyarakat. Masyarakat menerima dengan *open arms* apa-apa pembangunan dan apa-apa projek dan mereka juga faham bahawa pengorbanan perlu dibuat untuk melihat satu-satu projek itu siap tetapi ini sudah melampau, Tuan Speaker.

Sebagai penutup, menurunkan suhu sedikit, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Gawai, *Gayu Guru, Gerai Nyamai, Lantang Senang Nguan Menoa* kepada semua rakan-rakan yang menyambutnya. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha yang akan menjelang tidak lama lagi kepada semua muslimin dan muslimat. Dengan ini, saya mohon menyokong *and I end my speech with Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh*.

Timbalan Speaker: Walaikumussalam Warrahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Tupong. It seems that you are the last speaker for tonight. With that, I think I have to say this little bit of *pantun*.

*Tuai padi antara masak,
Esok jangan layu-layuan;
Intai kami antara nampak,
Esok bersambung hujah-hujahan.*

Insya-Allah. Ahli-ahli Yang Berhormat the sitting is now adjourned, and the House shall resume its sitting at 9.00 a.m. tomorrow. Insya-Allah.

(Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.12 petang)